


Jil. 1
Bil. 47

Hari Selasa
20hb Mac, 1979



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 4665]

USUL-USUL:

Pertikaian Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) dengan Kesatuan Pekerja Penerbangan (AEU) [Ruangan 4730]

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 4773]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN, K.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam,
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE
E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK
UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan,
TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING
(Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN
HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN
YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN
ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH
BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN
ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN
ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM
BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan
Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias*
YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P.,
P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI, P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa 20hb Mac, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAANSENJATAPI OLEH PENDATANG
HARAM

1. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pendatang-pendatang haram dari Vietnam yang datang ke negara kita membawa bersama senjatapi dan bahan-bahan letupan; jika sedar, apakah tujuan mereka membawa senjatapi dan letupan tersebut adakah untuk mempertahankan diri mereka dari serangan atau untuk mengugut nelayan-nelayan kita supaya menurut kemahuan mereka dengan menyatakan juga jenis senjata yang mereka bawa dan bilangannya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kerajaan kami

sangat positif bahawa tidak ada pernah seorang pun atau satu kejadian pun daripada pendatang haram Vietnam ini yang menggunakan senjatapi untuk mengugut nelayan-nelayan kita. Yang ada di dalam pengetahuan Kerajaan iaitu mereka yang membawa senjatapi masuk ini ialah dengan tujuan untuk menjaga keselamatan diri mereka dalam masa perjalanan dan menjaga harta benda mereka.

Saya suka menegaskan di sini, bilangan yang membawa senjata ini sedikit sekali dan tiap-tiap senjata yang dibawa itu semuanya di dalam simpanan Kerajaan pada masa ini dan di dalam catitan. Kalau Ahli Yang Berhormat dari Parit hendak tahu bilangannya, boleh saya ceritakan tetapi lambat sedikit, memakan masa.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bahagikan senjata-senjata yang didapati ini mengikut tahun kerana aliran ini adalah penting kerana pada permulaan mereka lari itu memang banyak membawa senjata sebab waktu itu orang yang lari itu memang ada daripada bekas-bekas askar daripada Kerajaan Saigon yang jatuh dahulu. Jadi mereka mempunyai senjata dan membawa lari.

Jenis Senjata

	1975	1976	1977	1978
Browning Machine Gun	8	—	—	—
Carling Con	2	—	—	—
Commodore 656mm	1	—	—	—
Machine Gun 7.62mm	7	—	—	—
Browning Auto Rifle	1	1	—	—
Rifle .22	—	1	—	—
Rifle M16 (Jenis A1)	63	—	2	2
Rifle M16 (Biasa)	7	1	3	14
Rifle AR 15	1	1	—	1
Carbine CAL	—	—	—	1

<i>Jenis Senjata</i>	1975	1976	1977	1978
Carbine 30mm	7	—	—	1
Carbine AK47	1	1	—	1
Rocket Launcher M72	2	—	—	—
Rocket Launcher CKS automatic	1	—	—	1
Sub Machine Gun 9mm	2	—	—	—
Browning Pistol 9mm	44	2	—	4
Revolver Pistol Special	34	—	—	—
Revolver Colt Cobra	3	—	—	—
Automatic Pistol 7.65mm	2	1	—	—
Automatic Pistol 6.35mm	2	—	—	—
Automatic Pistol 3.57mm	1	—	—	—
Very Light Pistol (Pistol menembak api)	3	1	—	—
Browning Pistol	1	2	—	—
Pistol .38 Special	2	—	2	—
Revolver Pistol 32mm	1	—	—	—
Colt Pistol 25 Auto	2	1	—	—
Automatic Browning	1	—	—	—
Launcher Grenade M79	12	2	—	—
AR15 Grenade	2	—	—	—
Hand Grenade	—	—	—	6
Smoke Grenade	—	—	—	1

(Pada tahun 1978 bertambah sedikit kerana ramai, lebih 10,000 orang mendarat).

Di atas inilah sahaja senjata yang dibawa oleh pendarang haram Vietnam yang lebih daripada 70,000 yang telah mendarat di tempat kita.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau dikira harganya senjata-senjata itu berapa ratus ribu harganya yang Kerajaan dapat menyelamatkan duit Kerajaan untuk membeli senjata dengan senjata itu dibawa oleh pelarian Vietnam ke dalam negeri kita ini?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Itu sedikit sangat. Umpamanya, jenis M.16 kalau kita hendak pakai ada 68 pucuk sahaja.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Soalan tambahan. Adakah akan digunakan senjata

itu ataupun kita hendak musnahkan begitu sahaja?

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu daripada perkara yang di dalam pertimbangan iaitu adakah kita akan gunakan ataupun musnahkan. Biasanya barang-barang rampasan ini kita musnahkan—biasanya.

MATAPELAJARAN BAHASA MALAYSIA/ BAHASA INGGERIS PERINGKAT SRP/LCE

2. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah beliau sedar akan kemerosotan taraf Bahasa Malaysia dan Ingggris di sekolah-sekolah di dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran dan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Pelajaran (Datuk Chan Siang Sun): Tuan Speaker, daripada analisa yang dibuat terhadap keputusan peperiksaan di tahun lalu memang terdapat kemerosotan secara menyeluruh dalam matapelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris pada peringkat SRP/LCE.

Bagi mempertingkatkan lagi pencapaian Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di peringkat Sijil Rendah Pelajaran, Kementerian Pelajaran telah, sedang dan akan mengambil beberapa langkah positif. Di antara langkah-langkah ini ialah seperti berikut:

BAHASA MALAYSIA

- (i) Memberi latihan tambahan kepada guru-guru Bahasa Malaysia melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan dalam perkara-perkara berikut:

—pendekatan dan teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia yang kemaskini.

—pembinaan bahan-bahan pengajaran Bahasa Malaysia yang lebih sesuai dengan kebolehan murid-murid.

Semenjak tahun 1976 seramai 1974 orang guru telah mengikuti latihan tambahan yang tersebut di atas. Kursus-kursus seperti ini akan diadakan dalam tahun ini dan dalam tahun-tahun akan datang.

- (ii) Menyediakan buku Panduan Guru bagi membantu guru-guru mengajar Bahasa Malaysia dengan lebih berkesan.
- (iii) Mengadakan Kursus Intensif dalam pengajaran Bahasa Malaysia selama 3 bulan di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur. Kursus ini dijangka akan dimulakan dalam bulan April.

BAHASA INGGERIS

- (i) Mengadakan kempen Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah dengan tujuan menggalakkan penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan murid.
- (ii) Mengadakan program bacaan yang khusus di sekolah-sekolah dengan tujuan menggalakkan murid-murid membaca.

- (iii) Guru-guru Bahasa Inggeris diberi latihan khas dalam Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua di Maktab Perguruan Bahasa, Universiti Malaya serta juga institusi-institusi seberang laut.

Bilangan yang telah mengikuti kursus berkenaan adalah seperti berikut:

Sijil TESL (Teaching English as a Second Language) di Maktab Perguruan Bahasa ..	1,358 orang
Diploma TESL di Universiti Malaya	128 "
Sijil/Diploma TESL di Institusi Luar Negeri (Singapura, Australia, New Zealand, dan United Kingdom)	96 "
Jumlah ..	1,582 orang

- (vi) Memberi latihan tambahan kepada guru-guru Bahasa Inggeris melalui kursus-kursus dalam perkhidmatan di peringkat negeri dalam teknik-teknik pengajaran dan pembinaan bahan yang sesuai. Semenjak tahun 1976 seramai 2,031 orang guru telah mengikuti latihan tambahan yang tersebut di atas.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan langkah-langkah yang akan dan sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah kemerosotan taraf Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah di dalam peperiksaan SRP. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu apakah sebab-sebab berlaku kemerosotan taraf Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam peperiksaan SRP dan sama ada kemerosotan ini disebabkan oleh:

- (i) mutu pengajaran kedua-dua bahasa;
- (ii) sama ada syllabus yang digunakan sekarang ini tidak lagi sesuai di dalam konteks dan environment sekarang.

Dan juga bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu angka-angka bandingan kemerosotan di antara sekolah-sekolah menengah rendah di kawasan-kawasan bandar dan juga kawasan-kawasan luar bandar bagi setiap mata pelajaran iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, soalan ini sangat panjang, jadi saya minta notis (*Ketawa*).

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyoal lebih dahulu saya mohon untuk menerangkan sesuatu. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak izinkan. Buat soalan tambahannya.

Tuan Bujang bin Haji Ullis: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju dengan saya, ini merujuk kepada Sarawak sendiri, bahawa akibat automatic promotion atau kenaikan murid ke Tingkatan Satu dengan secara automatic menyebabkan banyak atau semua daripada murid-murid Darjah Enam masuk ke Tingkatan Satu iaitu 100% masuk ke Tingkatan Satu termasuk yang tidak pandai dan yang pandai. Dibandingkan dengan dahulu 30% sekarang 100%. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju bahawa ini juga menyebabkan nampaknya kemerosotan dalam tingkat atau standard Bahasa Malaysia dan Inggeris.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, ini memang menjadi satu daripada sebab-sebabnya, barangkali.

Tuan P. Patto: Tuan Speaker, nampaknya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengelak daripada memberi jawapan kepada soalan saya. Saya ingin mengemukakan sekali lagi. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi angka-angka untuk menunjukkan kemerosotan dalam kedua-dua bahasa dan apakah sebab-sebab basic kemerosotan taraf Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Tentu Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar dan tahu apa sebabnya.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian yang kedua itu bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, tetapi yang pertama tadi Yang Berhormat Menteri sudah menyatakan minta notis angka-angka itu.

Dato' Chan Siang Sun: Jawapannya serupa yang saya jawab tadi (*Ketawa*).

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar yang kemerosotan peperiksaan Bahasa Kebangsaan itu di dalam sijil SRP adalah juga disebabkan adanya puak-puak yang tidak bertanggungjawab di dalam Malaysia pada hari

ini yang ingin menggalakkan bahasa-bahasa lain digunakan di dalam Malaysia.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Speaker, saya tidak sedar.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini adakah benar 200 lebih cikgu-cikgu daripada England didatangkan ke Malaysia dan dihantar ke tiap-tiap sekolah untuk mengajar bahasa Inggeris?

Dato' Chan Siang Sun: Itu benar, dan masih dalam proses.

PEGAWAI KEBAJIKAN KEPADA JEMAAH HAJI

3. **Wan Zainab binti M.A. Bakar** (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa Pegawai Kebajikan kepada Jemaah Haji kita yang dihantar tiap-tiap tahun adalah mereka yang tidak ada pengalaman dan menyebabkan ia serupa juga dengan Jemaah Haji yang lain apabila berkehendakkan pertolongan. Sama ada Kerajaan akan menimbangkan bahawa mereka yang bertugas sebagai Pegawai Kebajikan itu hendaklah terdiri dari orang-orang yang ada pengalaman di Tanah Suci supaya ia dapat membantu apa juga pertolongan yang dikehendaki oleh Jemaah Haji di sana.

Menteri Tak Berpotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa kesemua Petugas-petugas Haji yang dihantar oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) pada tiap-tiap tahun untuk bertugas membantu Jemaah Haji Malaysia di Tanah Suci semuanya terdiri daripada mereka yang tidak ada pengalaman.

Sejak beberapa tahun yang lalu LUTH telahpun mengatur rancangan melatih Pegawai-pegawai dan Kakitangannya bertugas di Tanah Suci dengan tujuan menambah bilangan mereka yang berpengalaman berkhidmat di sana dalam masa Musim Haji.

Dengan yang demikian LUTH telah berjaya pada tiap-tiap tahun menambah kadar mereka yang berpengalaman berkhidmat di

Tanah Suci dalam Rombongan Kebajikan Hajinya mengikut perangkaan seperti berikut:

<i>Tahun</i>	<i>Bil. Anggota yang berpengalaman</i>	<i>Bil. Anggota Baru</i>	<i>Jumlah</i>	<i>Peratus yang berpengalaman</i>
1976	26	22	48	54.17%
1977	23	19	42	54.76%
1978	27	17	44	61.36%

Dengan itu adalah menjadi matlamat LUTH menghantar Petugas-petugas Haji yang berpengalaman ke Tanah Suci pada tiap-tiap tahun mengikut kadar 60% Petugas-petugas yang berpengalaman dan 40% Petugas-petugas baru. Di samping itu perlu diingatkan bahawa sebahagian besar daripada mereka yang berpengalaman itu adalah terdiri daripada mereka yang telah menunaikan Haji lebih daripada empat kali.

Dengan yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, Jemaah Haji tidaklah perlu khuatir dengan perkhidmatan yang boleh diberikan kepada mereka oleh Rombongan Kebajikan Haji di Tanah Suci dalam Musim Haji.

Tuan Hashim bin Ghazali: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Mengikut jawapan yang telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada tahun 1976 seramai 48 Pegawai Kebajikan, 1977—42 orang, 1978—44 orang. Mengikut apa yang saya tahu pada tahun 1978 lebih 6,000 orang Jemaah Haji daripada Malaysia ke Tanah Suci dan daripada yang seramai itu pada pendapat saya tidak mencukupi hanya sebanyak 44 orang Pegawai Kebajikan untuk menjaga keseluruhan Jemaah Haji yang lebih 6,000 orang. Adakah Yang Berhormat Menteri bercadang pada masa-masa hadapan menambah lagi sekali ganda Pegawai-pegawai Kebajikan untuk menjaga kepentingan ahli-ahli Jemaah Haji?

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah di dalam kajian Kerajaan dari masa ke semasa dan jika difikirkan keadaan memerlukan maka ini akan kita laksanakan.

PERATURAN TATATERTIB KAKITANGAN AKADEMIK UNIVERSITI

Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan mengapa ahli-ahli akademik

dan persatuan-persatuan kakitangan akademik kelima-lima universiti-universiti tempatan tidak diajak berunding dahulu sebelum peraturan-peraturan tatatertib mengenai kakitangan akademik universiti diputuskan dengan muktamad; dan juga mengapa piagam universiti yang dirangka oleh para akademik di kelima-lima universiti itu tidak diterima oleh Kementeriannya.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Tuan Yang di-Pertua, mengikut prinsip amalan kebiasaan pentadbiran, sesuatu pihak berkuasa di dalam Kerajaan tidak disyaratkan berunding dengan pekerja-pekerja pihak berkuasa itu apabila pihak majikan menentukan apa-apa jua peraturan tatatertib. Prinsip ini juga sama diikuti ke atas pentadbiran universiti-universiti di dalam negara ini.

Namun demikian, pada bulan Ogos tahun lepas saya sendiri selaku Menteri Pelajaran telah menjemput wakil-wakil kelima-lima buah universiti tempatan untuk mendengar pendapat-pendapat mereka berhubung dengan cadangan pelaksanaan peraturan-peraturan tatatertib yang nampaknya pada waktu itu menjadi masalah. Hasil daripada perjumpaan ini saya telah meminta pihak-pihak berkuasa berkenaan sedaya upaya melonggarkan peraturan-peraturan yang berkenaan, dan peraturan-peraturan ini telahpun digezetkan, untuk dilaksanakan pada 16hb Februari, 1979 ini.

Setelah peraturan-peraturan ini digezetkan, saya sendiri telah mendapati bahawa beberapa bab peruntukan-peruntukan di dalam peraturan itu tidak memuaskan dan perlu dikaji semula. Pada 17hb lepas saya telah sekali lagi menjemput wakil-wakil Kesatuan-kesatuan kakitangan akademik kelima-lima buah universiti itu berjumpa dengan saya dengan

tujuan mendapat penjelasan-penjelasan lanjut atas cadangan balas mereka yang telah mereka sampaikan kepada saya beberapa minggu sebelum itu. Lanjutan daripada perjumpaan ini saya telah pun mengarah pegawai-pegawai pihak-pihak berkuasa berkenaan supaya suatu perjumpaan diadakan untuk kedua-dua pihak di dalam jangka masa 2 minggu ini supaya persetujuan dicapai semata-mata untuk kepentingan pelajaran tinggi negara kita ini.

Di dalam soal ini sukalah saya mengambil kesempatan membuat kenyataan seperti berikut:

- (1) Saya penuh kepercayaan bahawa para kakitangan akademik dan bukan akademik di kelima-lima buah universiti berkenaan adalah terdiri daripada anggota masyarakat yang jujur, bertanggungjawab dan berfikiran waras. Begitu juga pendapat saya di atas pegawai-pegawai yang mewakili pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.
- (2) Bahawa pertikaian ini tidak akan menimbulkan keadaan kontroversial yang berlanjutan.
- (3) Kedua faktor di atas akan tetap wujud asalkan parti-parti politik, terutama sekali parti pembangkang tidak mengambil kesempatan menangguk di air keruh.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita memuji Yang Berhormat Menteri kerana mencadangkan atau mengarahkan supaya peraturan-peraturan tersebut digantung sehingga satu perjumpaan diadakan di antara kedua-dua pihak. Tadi Yang Berhormat Menteri pun ada mengatakan bahawa di antara bab-bab yang digezetkan terdapat bab-bab yang tidak memuaskan. Adakah di antara bab-bab yang akan dikaji ini termasuk Fasal 20 iaitu satu Fasal yang mengharamkan kakitangan-kakitangan universiti-universiti mengambil bahagian dalam politik oleh kerana kalau begitu mungkin Yang Berhormat Menteri Pelajaran tadi pun tidak akan berada di sini. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan sama ada Bab 20 akan dikaji supaya fikiran kakitangan-kakitangan universiti terhadap bab ini akan ditimbang dan diterima?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, seperti biasa, Ahli Yang Berhormat ini soalnya selalu berisi di dalamnya kandungan-kandungan yang mengelirukan. Bila disebutkannya saya "tidak ada di sini", entah apa fasal saya pun tidak berapa faham, tetapi saya sukalah menyatakan bahawa banyak bab-bab yang telah dikemukakan oleh pihak kesatuan kesemua daripada cadangan balas mereka itu dikaji pada keseluruhannya dan tiap-tiap satu daripada cadangan yang dibuat oleh pihak berkuasa dan cadangan balas yang dibuat oleh kakitangan akademik universiti akan dikaji dengan teliti. Jadi di sini fasal apa, bahagian mana dan sebagainya saya tidaklah dapat hendak menjawab setakat ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagaimana maklumat Kerajaan telah memperuntukkan wang berjuta-juta ringgit bagi membayar gaji kakitangan akademik ini untuk berkhidmat dan melaksanakan kehendak-kehendak Kerajaan yang memerintah pada hari ini. Jadi adakah pemberian gaji kepada mereka itu untuk mereka memberi kuliah akademik kepada pelajar-pelajar atau untuk mereka menceburkan diri khususnya menceburkan diri dalam politik dan mencaci Kerajaan yang membayar gaji mereka. Dan adakah Kerajaan bercadang dengan segala hormatnya mengizinkan kakitangan akademik yang hendak menceburkan diri dalam politik ini supaya mengundurkan diri ataupun meletakkan jawatan?

Dato' Musa bin Hitam: Tuan Yang di-Pertua, bahagian pertama soalan itu jawapan saya ialah mereka diambil kerja untuk menjalankan tugas memberi pelajaran dari segi akademik. Yang keduanya, saya tidak mahu menjawabnya, jangan-jangan jawapan saya ini akan menjadi prejudicial kepada apa juga perbincangan yang akan diadakan nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Mark Koding. Tidak hadir.

(Soalan No. 5 Y.B. Tuan Mark Koding tidak hadir).

PAGAR BERDURI DI SEMPADAN PERLIS—THAI

6. **Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan harga pasar dawai berduri di

sempadan Perlis—Thai dan sejauh manakah pagar ini memberi faedah di dalam mencegah penyeludupan dan kegiatan-kegiatan subversif.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, belanja mendirikan pagar sempadan Perlis—Thai ialah sebanyak \$7.2 juta iaitu daripada Bukit Kuan Chu, Padang Besar ke batu sempadan 19 di Chuping. Dari segi mencegah penyeludupan, pagar tersebut pada keseluruhannya adalah sangat-sangat berjaya. Ini jelas dilihat dari segi kutipan cukai yang dibuat di Padang Besar, iaitu bagi tahun 1975 nilai cukai didapati adalah sebanyak \$900,000 (\$0.9 juta); pada tahun 1976 naik kepada \$1.3 juta dan pada tahun 1977 iaitu apabila pagar didirikan nilai cukai didapati sebanyak \$4.7 juta dan pada tahun 1978 apakala pagar ini siap, nilai cukai yang didapati sebanyak \$6.4 juta. Adalah dianggarkan dalam tahun 1978 nilai cukai naik lebih daripada 300% berbanding dengan nilai-nilai cukai yang didapati pada masa dahulu.

Pagar tersebut didirikan bukanlah disifatkan sebagai mencegah kegiatan-kegiatan subversif di sempadan Malaysia-Thai sahaja, walaupun demikian sebanyak sedikit ianya dapat menghindarkan kemasukan orang-orang yang tidak mempunyai surat perjalanan yang sah ke negara ini dan sebaliknya.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang pernah kita dengar bahawa ada terdapat pagar ini digunting. Soalnya, tidak pernahkah Kerajaan berfikir bahawa menggali sungai seperti sempadan Kelantan dengan Thai itu lebih berguna dan lebih selamat daripada mendirikan pagar.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, cadangan mengalik sungai itu pernah juga diberi penelitian khususnya di tempat-tempat atau sempadan yang telah ada sungai sebagaimana sempadan di antara negeri Thai dengan Kelantan, ini dalam penelitian, bukanlah cara menggali bahkan membaiki dan membetulkan aliran sungai semuga dapat juga mencegah daripada orang-orang yang mengambil kesempatan menyeberangi sempadan. Berhubung dengan sempadan di antara negeri Thai dengan Perlis dan Kedah di tanah

daratan maka tidaklah menasabah diadakan atau didirikan sungai.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya sungguh berkesan dengan adanya pagar duri yang telah dipasangkan oleh Kerajaan dan sehingga cukai-cukai dan sebagainya telah meningkat naik. Bolehkah saya bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan bagaimana boleh berlaku baru-baru ini satu penyeludupan istimewa telah boleh berlaku, iaitu seorang perempuan Vietnam daripada Padang Besar boleh masuk datang ke Alor Setar.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, berita ini tak ada pada pengetahuan saya, barangkali masuknya bukan menerusi sempadan darat tetapi dari sempadan laut.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ikut Ulu Muda barangkali (*Ketawa*).

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tadi menyatakan bahawa kenaikan kutipan cukai yang bertambah itu ialah kesan daripada pagar yang telah didirikan. Bagaimana beliau tahu bahawa bertambahnya cukai-cukai tersebut kesan daripada mendirikan pagar itu dan mungkin oleh sebab-sebab yang lain, umpamanya, mungkin perniagaan di antara kedua negara itu bertambah, ini juga membawa kenaikan cukai. Jadi, bagaimana beliau mengatakan bahawa kenaikan cukai itu sebagai kesan daripada mendirikan pagar.

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah menurut penelitian yang kita dapati daripada kenaikan yang begitu cepat di antara setahun ke setahun. Saya rasa tentu sekali jika ditaksir kepada perniagaan di antara satu tahun dengan satu tahun yang akan datang tentulah tidak akan berapa naik sehingga 300% maka dengan sebab itulah kenaikan nilai cukai ini adalah ditaksirkan daripada sebab-sebab adanya pagar ini.

PERKEMBANGAN DI INDOCHINA— PENDIRIAN ASEAN

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Luar Negeri menyatakan sikap Kerajaan Malaysia mengenai serangan ke atas Kampuchea oleh Vietnam dan serangan ke atas Vietnam oleh negeri China dan implikasi terhadap dasar luar dan konsep Rantau Aman dan Berkecuali.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum dasar luar negeri dan hubungan Malaysia dengan negara-negara lain adalah berasaskan dasar saling menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keluhuran kawasan dan juga tidak campur-tangan di dalam hal ehwal dalam negeri sesuatu negara itu.

Seimbang dengan dasar luar yang tersebut di atas, Malaysia bersama-sama negara ASEAN yang lain dan setelah mengamati perkembangan buruk di Indochina, telah menegaskan melalui Kenyataan-kenyataan Bersama ASEAN pada 13hb Januari dan 20hb Februari pandangan berat kita terhadap perkembangan itu. Negara-negara ASEAN telah sekali lagi menegaskan pendirian kita terhadap prinsip-prinsip yang terkandung di dalam Carta Bangsa-bangsa Bersatu dan kepada prinsip-prinsip undang-undang antarabangsa. Kita telah bersama mengancam pencerobohan bersenjata serta menyeru agar pihak-pihak yang terlibat di dalam pertikaian ini memberhentikan segala persengketaan dan supaya semua tentera-tentera asing ditarik keluar dari kawasan-kawasan yang terlibat di Indochina itu. Negara-negara ASEAN telah juga merayu agar kuasa-kuasa luar jangan melibatkan diri mereka yang mana akan memburukkan lagi keadaan di Indochina.

Dalam konteks inilah Wakil-wakil Tetap ASEAN di Bangsa-bangsa Bersatu di New York kini terus menyelaraskan usaha-usaha mereka untuk mengembalikan keamanan, keselamatan dan kestabilan di rantau ini.

Persetujuan yang dicapai di antara Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri dengan Presiden Suharto di Jogjakarta pada tanggal 4-6 Mac ini adalah untuk meninjau pandangan dan sikap negeri China dan Vietnam bagi mengatasi masalah ini,

terutama berkenaan pandangan negara-negara terhadap rayuan-rayuan yang dibuat oleh ASEAN itu. Ini adalah merupakan tindakan selanjutnya kepada rayuan-rayuan yang dibuat oleh negara-negara ASEAN.

Perkembangan di Indochina ini memperkuhkan lagi azam Malaysia untuk meneruskan dan meningkatkan lagi daya-usaha kita supaya rantau ini menjadi satu kawasan aman, bebas dan berkecuali.

PERKEMBANGAN DI INDOCHINA

8. Tuan Lee Boon Peng (*di bawah S. O. 24*) (2) minta Perdana Menteri menyatakan iaitu beliau dan Menteri Luar Negeri telah melawat ke negara Thailand baru-baru ini dan telah mengadakan rundingan bersama. Dalam rundingan tersebut telah disentuh juga masalah pergolakan politik negara Kampuchea, negara Vietnam dan negara China yang telah mencetuskan tindakan bersenjata antara mereka dan adakah ini sedikit sebanyak menyentuh kesetabilan politik di kawasan ASEAN ini, jika ya, apakah reaksi dan sikap negara kita terhadap masalah ini demi kepentingan dan keselamatan Malaysia khususnya dan ASEAN amnya.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu sama dengan soalan yang baharu saja saya beri jawapannya sebentar tadi, iaitu soalan No. 7 daripada Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Umar. Sila rujuk jawapan saya itu.

SUMBER AIR

9. Tuan Au How Cheong (*di bawah S.O. 24*) (2) minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada Kementerian menitikberatkan dan memberi perhatian kepada alam sekeliling kita dalam usaha-usaha pada masa ini untuk memperbanyakkan berkaitan dengan sumber air yang menjadi masalah besar kepada rakyat dan apa tindakan tegas dan positif yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap mereka yang melakukan penebasan hutan dan estet-estet untuk kawasan-kawasan perumahan dan perindustrian tanpa batasan dan perancangan hingga merosakkan tempat-tempat sedutan dan takungan air.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dimaklumkan oleh Ahli Yang Berhormat, kegiatan-kegiatan pembukaan tanah bagi pertanian, rancangan penempatan perindustrian dan rancangan perumahan mempunyai kesan-kesan yang membahayakan kepada sumber-sumber air melalui proses penghakisan dan kelodakan tanah yang disebabkan oleh pengaliran air. Keadaan ini telah diburukkan lagi oleh pembuangan effluen-effluen perindustrian dan perlombongan yang mencemar alam sekitar.

Kementerian saya sedar tentang perkara ini dan telah mengambil beberapa langkah di antara lainnya termasuk:

- (1) Mengadakan garis-garis panduan dan nasihat bagi mengelakkan kesan-kesan yang buruk ke atas kawasan tadahan air yang diakibatkan oleh pembukaan tanah dan penempatan industri-industri secara tidak teratur.
- (2) Pembentukan peraturan-peraturan kawalan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling; 1974; dan
- (3) Perlaksanaan satu Rancangan Pengawasan bagi Kualiti Air Kebangsaan.

Di samping itu juga, rancangan-rancangan sedang disiapkan oleh Kerajaan bagi mengadakan satu Kajian Sumber-sumber Air Negara yang akan mengambil masa kira-kira 24 bulan bermula di dalam bulan Julai, 1979 di bawah bantuan dua pihak dengan Kerajaan Jepun.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat tentu setuju bahawa bagi mengatasi masalah yang ditimbulkan oleh pembukaan tanah dan penebasan hutan yang tidak sistematik memerlukan satu tindakan yang lebih luas meliputi pelbagai pihak dan bukannya semata-mata tugas Kerajaan sama ada di peringkat Persekutuan ataupun Negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu di Dewan ini sama ada Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu rang undang-undang baru bagi tujuan mencegah pemaju perumahan yang akan melakukan penebasan hutan dan estet-estet untuk kawasan-kawasan perumahan yang boleh

memberi kesan-kesan yang buruk terhadap tempat sedutan takungan air.

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini, pada fikiran saya telah saya jawab dalam jawapan saya.

Tuan V. David: Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini dalam masa 10 tahun berapa dam Kerajaan ada buka dalam Wilayah Persekutuan sebab rakyat yang duduk di Wilayah Persekutuan boleh dikatakan sudah meningkat naik lebih daripada 100%. Oleh itu berapa dam Kerajaan telah buka sebab selalu kita dengar hujan tidak ada sampai sebulan ataupun dua minggu dan Kerajaan kita mahu ration air. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi keterangan apa cadangan yang Kementerian ada ataupun berapa dam yang sudah dibuka dalam 10 tahun ini?

Tan Sri Ong Kee Hui: Tuan Yang di-Pertua, soal ini masih lagi dalam kajian. Setahu saya Kerajaan Negeri akan mengkaji di mana tempat patut kita buat empangan seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat.

KEKURANGAN MANCIS

10. **Tuan P. Patta** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kekurangan mancis terdapat di seluruh negara sekarang dan adakah di beberapa tempat di mana sekotak mancis yang berharga lima sen dijual dengan harga sepuluh sen dan juga dua kotak mancis untuk lima belas sen, dan jika ya, apakah sebabnya berlaku kekurangan ini;
- (b) apa tindakan Kerajaan telah ambil untuk memastikan bahawa tidak berlaku kekurangan mancis dan juga harga mancis tidak dinaikkan; dan
- (c) sama ada benar bahawa Kerajaan telah menimbang dan memutuskan untuk membenarkan pengimpotan mancis, dan jika ya, apakah nama atau nama-nama syarikat yang telah diberi kebenaran untuk mengimpot mancis dan sama ada harga sekotak mancis itu tidak akan melebihi lima sen.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi pertanyaan-pertanyaan di atas adalah seperti berikut:

- (a) Saya sedar tentang adanya berlaku kekurangan mancis di beberapa tempat, dan ada pula terdapat sekotak mancis dijual dengan harga yang lebih dari lima sen. Kementerian saya telah memberi amaran kepada pekedai-pekedai yang berbuat demikian supaya memberhentikan amalan tersebut yang mana ini telah dipatuhi.

Sebab-sebab berlakunya kekurangan mancis adalah seperti berikut:

- (i) kurang pengeluaran dalam musim Hari Raya bagi bulan September, tahun yang lalu. Ini adalah disebabkan syarikat-syarikat pengeluaran telah mengurangkan masa pekerjaan oleh kerana bulan puasa; dan
- (ii) kebakaran yang berlaku ke atas salah sebuah kilang pengeluaran mancis.
- (b) Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasi masalah kekurangan:
- (i) mengarahkan kesemua empat syarikat mengeluarkan mancis untuk menambahkan pengeluaran mereka; dan
- (ii) Dengan persetujuan Perbendaharaan memberikan pengecualian sebahagian daripada cukai impot kepada ke empat-empat kilang pengeluaran untuk mengimpot 35,000 kanton mancis bagi tempoh tiga bulan yang mula berkuatkuasa pada 3hb Mac, 1979 kepada 2hb Jun, 1979.

Setakat ini belum ada permohonan daripada pengeluar-pengeluar untuk kenaikan harga.

- (c) Pada masa ini, pengimpotan mancis adalah bebas, tetapi tertakluk kepada cukai yang tinggi. Seperti saya nyatakan di atas, keempat-empat pengeluar mancis, iaitu: Sincere Match dan

Tobacco Factory Sdn. Bhd., Petaling Jaya; Kelantan Match Factory Sdn. Bhd., dan Taiping Advertising Matches Sdn. Bhd., telah diberi pengecualian sebahagian daripada cukai impot untuk membolehkan mereka mengimpot mancis dengan harga yang berpatutan. Kesemua pengeluaran adalah dikehendaki di bawah syarat-syarat pengecualian supaya menjual mancis-mancis yang diimpot dengan harga tidak lebih daripada 5 sen bagi tiap-tiap satu kotak.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya sama ada Kerajaan bercadang untuk menjadikan mancis sebagai satu barang kawalan supaya masalah kekurangan mancis tidak akan timbul pada masa yang akan datang?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian saya tidak ada cadangan, tetapi seperti saya katakan tadi, kekurangan ini cuma bagi tempoh yang singkat sahaja dan kita pun telah ambil langkah untuk mengatasi kekurangan ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berhubung dengan kekurangan mancis ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa bukan sahaja mancis kurang dalam pasaran tetapi juga kandungan isi yang dalam kotak itupun makin berkurang. Dalam kotak kadang-kadang kita dapati separuh daripadanya kosong. Jadi consumers terpaksa membayar harga lama juga. Apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, ada kadangkala bilangan batang dalam kotak mancis itu barangkali tidak muat, tetapi pegawai saya telah ada membuat penyiasatan yang mana kalau kita nampak ada kekurangan kita beri amaran tetapi satu masalah yang timbul ialah kayu untuk membuat batang mancis itu dalam negara kita sekarang ini telah menghadapi kekurangan. Dengan sebab itu, Kementerian Perusahaan Utama pun telah menyekatkan eksport kayu balak yang boleh digunakan untuk membuat batang mancis itu dikeluarkan daripada negara kita.

Tuan P. Patto: Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa beberapa

amaran telah diberi kepada mereka yang terdapat menjual mancis dengan harga lebih daripada 5 sen sekotak. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa kali amaran telah diberi dan di kawasan-kawasan manakah amaran-amaran ini diberi?

Yang kedua, sama ada beliau sedar bahawa kenaikan harga ataupun penjualan sekotak mancis dengan harga lebih daripada 5 sen itu juga disebabkan kerana harga wholesale yang tinggi kepada retailers.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan perkara yang pertama tempat-tempat yang mana pemeriksaan telah dijalankan ialah seperti di negeri Perak kita dapat laporan, kita buat kajian iaitu di Ipoh, Lenggong, Grik, Gopeng dan Bagan Serai. Di Pulau Pinang, Butterworth dan George Town, di Trengganu, Kuala Trengganu dan Kemaman di Pahang, di Raub, Temerloh, Mentakab dan Pekan. Di Johor, di Batu Pahat, Muar, Pontian dan Johor Bahru, di Negeri Sembilan, di Tampin dan Seremban, di Kedah, Baling. Ini ialah tempat-tempat yang mana kita dapat laporan mengenai kekurangan dan pemeriksaan telah dibuat dan amaran telah diberi.

Berkenaan dengan harga yang dijual daripada syarikat pengilang atau wholesalers kepada pihak runcit, ini kita tidak dapat laporan yang mana harga itu telah dinaikkan.

PENYAKIT MULUT-KUKU BINATANG-BINATANG TERNAKAN

11. Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat minta Menteri Pertanian menyatakan berkaitan dengan binatang-binatang ternakan yang diserang penyakit mulut-kuku:

- (a) bilangan yang telah ditembak mati;
- (b) bilangan yang telah disembelih dan ditanam (dikambus); dan

nyatakan adakah pihak Kementerian telah mengarah pihak Pengarah Haiwan Negeri-negeri yang terlibat dengan penyakit tersebut atau secara langsung meminta fatwa daripada mufti-mufti mengenai hukuman memusnahkan binatang ternakan dengan cara yang tersebut. Jika ada apakah pandangan atau fatwa

yang diterbitkan oleh pihak yang berkenaan, dan jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penyakit kuku dan mulut, bilangan ternakan yang dimusnahkan adalah seperti berikut:

Lembu	6,232 ekor
Kerbau	823 ,,
Kambing dan Biri-biri ..	3,628 ,,
Babi.. .. .	5,751 ,,
Jumlah ..	<u>16,434 ekor</u>

Bilangan ternakan yang telah disembelih dan ditanam adalah seperti berikut:

Lembu	1,279 ekor
Kerbau	2,286 ,,
Kambing dan Biri-biri ..	118 "
Jumlah ..	<u>3,683 ekor</u>

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya ada mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Haiwan supaya berhubung dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk mendapatkan pandangan mengenai hukum memusnahkan binatang-binatang ternakan dan Jabatan Perkhidmatan Haiwan telahpun meminta panduan daripada beberapa pihak yang berkenaan atas tindakan pemusnahan dan cara yang dilaksanakan terhadap ternakan yang terlibat dengan penyakit tersebut. Di antara pandangan-pandangan yang diperolehi ialah tindakan dan cara pemusnahan yang diambil itu adalah tidak salah kerana tindakan itu penting dilaksanakan bagi mencegah penyakit ini dari merebak dan mengancam perkembangan perusahaan ternakan dan ekonomi negara dan juga kemungkinan penyakit ini boleh berjangkit kepada manusia dan seterusnya akan menjadi kesulitan kepada rakyat di negara ini amnya.

Untuk makluman Dewan ini, Kerajaan terpaksa bertindak cepat kerana virus penyakit mulut dan kuku terlampau cepat berjangkit.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau sedar bahawa penyakit kuku dan mulut ini telah menjadi satu issue politik yang utama sekali oleh pemimpin PAS bagi menggugat Kerajaan Negeri Kelantan yang ada dan memecah-belahkan rakyat dengan kenyataan-kenyataan yang tidak benar dan juga adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa seorang pemimpin PAS juga telah bertanya fatwa ini kepada Mufti Kelantan dengan maksud politik iaitu dengan bertanya: Apakah hukumnya membunuh binatang ternakan tanpa menyatakan sebab dan mengapakah binatang itu terpaksa dibunuh? Jika sedar, apakah tindakan Kerajaan supaya perkara ini tidak dipergunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab bagi memburuk-burukkan Kerajaan yang ada?

Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar ada setengah-setengah golongan mengambil peluang daripada kejadian penyakit kuku dan mulut ini untuk tujuan politik, tetapi saya yakin jika mereka mengambil peluang dengan cara yang tidak bertanggungjawab seumpama itu mereka tidak akan berjaya.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat: Sebelum daripada pihak Kerajaan membuat keputusan untuk memusnahkan binatang-binatang itu adakah pihak Kerajaan telah melakukan percubaan perubahan sebelum daripada itu, dan jika ada percubaan, analisa kuman itu bilakah berlaku dan apakah hasilnya? Kedua, apakah kisahnya maka cara pemusnahan itu beralih daripada cara menembak kepada cara sembelih sedangkan kedua-duanya itu tujuannya sama untuk menjahanamkan?

Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan pertama, pihak Kerajaan, terutama sekali pihak Jabatan Perkhidmatan Haiwan memang sentiasa membuat percubaan dan kajian dengan menggunakan berbagai cara, tetapi di dalam menghadapi masalah wabak ini yang datang dengan mengejut baru-baru ini, maka adalah difikirkan bahawa cara pemusnahan adalah satu cara yang paling berkesan bagi mengelakkan penyakit ini daripada merebak dengan lebih luas lagi.

Bagi menjawab soalan kedua, perubahan cara pemusnahan yang berlaku hanya di

negeri Kelantan baru-baru ini daripada dimusnahkan binatang-binatang ternakan dengan cara menembak kepada cara sembelih, setelah Kerjaan pihak Kementerian Pertanian mendapat pandangan daripada penduduk-penduduk tempatan.

Tuan P. Patto: Timbalan Menteri yang menjawab bagi pihak Menteri Pertanian ada berkata bahawa virus penyakit kuku dan mulut ini boleh berjangkit kepada manusia. Ingin saya tahu apakah sign atau symptom seseorang manusia mengidap penyakit ini. Kedua, kalau binatang yang sudah didapati mengidap penyakit kuku dan mulut ini mesti dimusnahkan, apakah cara Kementerian beliau tahu atau digunakan untuk mengatasi penyakit ini kalau sekiranya ada berjangkit kepada manusia dan juga sama ada benar atau tidak bahawa penyakit kuku dan mulut tidak merebak kepada kuda kerana penyakit ini hanya akan berjangkit di kalangan binatang-binatang yang "open-hoofed"?

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, kalau berjangkit kepada manusia symptomnya penyakit mulut, mulut dia pun berkulid juga, tetapi jarang berlaku kepada manusia. Mengikut sejarah yang diperolehi ada dua sahaja yang berlaku. Problem yang besar kalau seseorang manusia itu pergi ke kawasan penyakit dia balik ke kawasan dia, lembu di kawasan dia dapat penyakit. Dia carrier, lebih daripada binatang yang dapat penyakit. Itulah sebabnya kita mengambil berat, hatta kita dapat tahu di Kelantan keretapi pun jadi carrier penyakit kuku dan mulut itu. Ini dapat dipastikan kerana di tepi landasan keretapi itu yang berlaku penyakit itu. Jadi tak dapat kita ambil ringan perkara ini. Dari segi manusia saya katakan tadi rare occasion tetapi boleh jadi, symptomnya mulutnya sakit.

SURAT-SURAT ORANG KAMPUNG TIDAK SAMPAI

12. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatak:

- (a) adakah beliau sedar bahawa banyak surat-surat orang ramai kampung-kampung tidak sampai ke alamat yang tertulis di atas sampul surat tersebut, walaupun nama dan alamat cukup

terang. Akibatnya banyak surat-surat mustahak dan panggilan temuduga pekerjaan telah tercicir dan hilang;

(b) adakah beliau sedar bahawa kebiasaannya surat-surat itu dilonggokkan di Wakil-wakil Pos, Kedai-kedai kopi di simpang jalan dan rumah-rumah Ketua Kampung, walaupun surat tersebut boleh disampaikan sendiri oleh Posmen. Kerana pihak Posmen tidak mahu mencuba menyampaikan surat itu ke kampung-kampung secara direct; dan

(c) apakah sebenarnya tugas-tugas dan tugas Wakil Pos yang ada di kampung-kampung.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua,

(a) Saya sedar terdapat kelewatan atau surat-surat tidak diterima oleh penerimanya. Tetapi bilangannya adalah sangat kecil. Jabatan Pos sentiasa menyiasat jika terdapat aduan-aduan mengenai kelewatan atau surat-surat tidak sampai kepada penerima.

Dari siasatan-siasatan yang telah dibuat surat-surat yang tidak sampai kepada penerima-penerima adalah disebabkan oleh:

(i) Nama dan Alamat penerima tidak ditulis dengan terang.

(ii) Surat-surat tersebut dialamatkan ke kedai kopi atau kedai-kedai runcit atau ke wakil-wakil pos dan penerima tidak mengambilnya dari tempat-tempat berkenaan.

(b) Suka saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa hampir di semua tempat yang mempunyai Wakil Pos, surat-surat dan mel-mel diserahkan kepada penerima oleh posmen-posmen secara direct. Kecuali jika surat-surat itu dialamatkan kepada wakil-wakil pos, kedai-kedai kopi atau kedai-kedai runcit. Bagi kawasan luar bandar yang terpencil surat-surat diserahkan melalui Ketua-ketua Kampung atau Penghulu. Walau bagaimanapun Kementerian ini sedang berusaha untuk menempatkan posmen-posmen atau melantik posmen

sambilan di wakil-wakil pos tetapi ini bergantung kepada bilangan surat-surat yang terdapat di wakil-wakil pos berkenaan.

(c) Tugas-tugas wakil pos adalah seperti berikut:

(i) Menjual stem-stem.

(ii) Menerima surat-surat biasa untuk diposkan.

(iii) Menguruskan wang pos.

(iv) Menerima surat-surat berdaftar.

(v) Menerima bungkusan-bungkusan Pos.

(vi) Setengah-setengah wakil pos juga menyerahkan surat kepada penerimanya.

FAR EASTERN FREIGHT CONFERENCE—KADAR TAMBANG

13. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan iaitu memandangkan ugutan-ugutan berturut-turut hendak menaikkan kadar-kadar tambang oleh ahli-ahli Konferensi Tambang Perkapalan Timur Jauh (Far Eastern Freight Conference) telah seterusnya menjejaskan eksport barangan utama terhadap Malaysia khususnya dan ASEAN amnya, sama ada langkah-langkah positif sedang diambil oleh negara kita bersama-sama negara-negara ASEAN untuk menghadapi masalah yang sama diwujudkan oleh pihak Konferensi Tambang Perkapalan Timur Jauh (Far Eastern Freight Conference) supaya usaha-usaha yang diambil oleh negara kita untuk mendapatkan perolehan yang berpatutan daripada eksport-eksport kita tiada menjadi sia-sia sahaja.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedar akan kesan-kesan buruk terhadap eksport barangan utama akibat dari kenaikan Kadar Tambang yang berterusan oleh Perkumpulan Perkapalan Tambang Timur Jauh (Far Eastern Freight Conference—FEFC). Malah FEFC baru-baru ini telah mencadangkan kenaikan kadar tambang sebanyak 8% yang berkuatkuasa mulai 1 Mac, 1979. Menyedari akan akibat-akibat buruk dari kenaikan ini pihak Kerajaan telah menekankan supaya diadakan satu rundingan antara FEFC

dengan Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MNSC) iaitu sebuah badan di bawah Kementerian saya. Untuk mendapatkan pengaruh yang lebih berkesan lagi, pihak MNSC telah mengadakan satu mesyuarat di Kuala Lumpur pada 9hb Februari, 1979 bersama-sama dengan Persekutuan Majlis Pengguna-pengguna Kapal ASEAN (FASC) bagi mendapatkan penyertaan yang lebih aktif dari semua Majlis Pengguna-pengguna Kapal ASEAN.

Sehingga kini, iaitu selepas perundingan di antara FASC dengan FEFC, pihak Perkumpulan Perkapalan telah memutuskan supaya ditangguhkan tarikh kuatkuasa kenaikan kadar tambang ke 1hb April, 1979 serta menghapuskan bayaran tokok Terusan Suez. Konsesi-konsesi yang telah diberikan itu adalah tidak memadai dan tidak adil sama sekali. Oleh itu, Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia telah sekali lagi mendesak FASC untuk mengadakan runtingan bagi mendapatkan konsesi yang lebih menasabah. Dalam pada itu, Kerajaan juga sedang berusaha mengadakan Cargo Consolidation dengan menggunakan kapal-kapal yang bukan dikendalikan oleh FEFC. Setakat ini cara ini telah dilaksanakan bagi eksport minyak kelapa sawit mentah ke Eropah Barat.

Selain dari itu Kerajaan menyokong usaha-usaha ke arah menubuhkan Perkumpulan Perkapalan yang dipunyai serta dikawal berasaskan kepada kerjasama ASEAN. Ini akan memberi jalan keluar dari menggunakan perkhidmatan kapal-kapal FASC yang dikuasai oleh pihak asing. Adalah diharapkan dengan cara ini kita akan dapat mengawal kadar tambang perkapalan di samping memperbaiki kedudukan imbalan bayar (Balance of Payment) negara kita (termasuk negara-negara ASEAN).

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk soal-jawab mulut telah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 5 dan 14 hingga 45 adalah diberi di bawah ini).

TIME BOMB IN MALAYSIA

5. Tuan Mark Koding minta Menteri Undang-undang menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh:

(a) Jawatankuasa Hak dan Kebebasan;

(b) Pihak Polis;

(c) Peguam Negara;

Ke atas Ahli dari Petaling berhubung dengan bukunya bertajuk "TIME BOMB IN MALAYSIA" yang mengandungi ucapan-ucapan yang sensitif itu.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):

(a) Jawapan kepada bahagian (a) soalan Ahli Yang Berhormat itu ialah Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah menerima satu surat daripada Yang Berhormat wakil dari Kinabalu bertarikh 27hb Oktober 1978 yang menarik perhatian Jawatankuasa Hak dan Kebebasan/Keistimewaan Parlimen atas ucapan Yang Berhormat wakil dari Petaling dalam Parlimen yang dikatakan menyalahi undang-undang kerana menyentuh perkara-perkara sensitif, dan sekarang ucapan-ucapan itu telah diterbitkan pula dalam sebuah buku bernama "Time Bombs in Malaysia".

Sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, Yang di-Pertua Dewan Rakyat sebagai Pengerusi Jawatankuasa tersebut telah mengkaji aduan daripada Yang Berhormat itu dan mendapati aduan yang dibuat itu adalah terlalu umum. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Wakil dari Kinabalu itu telah diminta memberitahu ayat-ayat dan muka surat dalam buku "Time Bombs in Malaysia" dengan seberapa segera supaya dapat dikaji oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Surat itu dihantar pada 22hb Februari 1979 tetapi sehingga hari ini belum ada jawapan yang diterima.

(b) Mengenai bahagian (b) dan (c) soalan itu, pihak polis dan Jabatan Peguam Negara sedang mengkaji perkara itu oleh kerana ianya adalah perkara yang rumit dan melibatkan soal-soal hak dan kebebasan Parlimen. Kedua-dua Badan itu juga sedang menunggu hasil pertimbangan yang dijalankan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan dan juga keputusan rayuan kes Lim Kit Siang lwn. Pendakwa Raya kepada Mahkamah Persekutuan, iaitu Rayuan

Jenayah Mahkamah Persekutuan No. 36 tahun 1978, yang akan menjadi panduan kepada apa jua keputusan dibuat mengenai perkara ini.

BUMIPUTRA DALAM PERUSAHAAN DAN PERNIAGAAN

14. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) berapa peratuskah penglibatan bumiputra di dalam bidang perusahaan dan perniagaan sekarang ini;
- (b) berapa peratuskah saham-saham bumiputra di dalam kompeni atau syarikat-syarikat perdagangan dan perindustrian yang besar-besar dan menguntungkan; dan
- (c) golongan manakah daripada kaum bumiputra itu yang diberi perhatian oleh Kementerian untuk mendapat saham yang lebih banyak dan lebih berpeluang.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad):

(a) Berhubung dengan soalan (a), ianya adalah terlalu luas dan umum untuk saya memberi jawapan yang tepat. Walau bagaimanapun, untuk memberi gambaran penglibatan bumiputra di dalam sektor-sektor tertentu, saya perturunkan keterangan seperti berikut:

(i) Dalam sektor pembuatan, bagi projek-projek perkilangan yang diluluskan oleh Kementerian saya dan telah dilaksanakan kedudukan penyertaan ekuiti di dalam projek-projek tersebut pada 31hb Disember 1977 ialah sebanyak 17.2%. Ini terdiri dari 10% penyertaan oleh institusi-institusi bumiputra, termasuk institusi Kerajaan diamanahkan memegang saham bagi pihak bumiputra; 4% oleh syarikat-syarikat bumiputra dan 3.2% oleh bumiputra perseorangan.

(ii) Dalam pendaftaran perniagaan pula, pada tempoh hingga 28hb

Februari, 1979, sebanyak 24.3% dari pendaftaran perniagaan adalah terdiri dari bumiputra perseorangan dan perkongsian antara bumiputra dengan bumiputra; dan

(iii) Dalam lapangan pengedaran pula yang melibatkan perlantikan ajensi-ajensi pengedar, penyertaan bumiputra dari segi bilangan dalam beberapa barang tertentu pada penghujung tahun 1978 adalah seperti berikut:

(a) Simen	52.1%
(b) Besi waja	34.2%
(c) Cat	19.3%
(d) Roof material	46.4%
(e) Sanitary ware	33.7%
(f) Minyak tanah	16.6%
(g) Gas	18%
(h) Perkakas letrik	5.6%

dan (i) Pam minyak 16%

(b) Berhubung dengan soalan (b), apa yang saya fahamkan syarikat-syarikat besar adalah syarikat-syarikat awam (public companies). Perutusan saham yang dimiliki oleh bumiputra di dalam syarikat-syarikat berkenaan adalah dianggarkan sebanyak 10.3%. Untuk maklumat lanjut mengenai perkara ini, Ahli-ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada Jadual 3-5 muka surat 51 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, adalah sukar untuk memberi peratusan saham yang dimiliki dalam syarikat-syarikat yang menguntungkan sahaja kerana kedudukan keuntungan sesuatu syarikat adalah berubah dari masa ke semasa.

(c) Berhubung dengan soalan (c) pula, adalah dasar Kerajaan untuk membolehkan seberapa ramai bumiputra memiliki saham. Di samping memberi peluang kepada bumiputra perseorangan dan syarikat-syarikat bumiputra, Kerajaan juga memberi saham kepada institusi bumiputra

seperti Amanah Saham Mara dan Syarikat Permodalan Nasional Berhad yang memegang saham tersebut secara amanah. Institusi-institusi ini kemudiannya akan menjual saham-saham tersebut kepada bumiputra, terutama mereka yang berpendapatan rendah seperti ternyata dalam perenggan 138 muka surat 55 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

INSURAN—PENIPUAN AJEN-AJEN

15. **Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar tentang penipuan oleh agen-agen insuran terhadap pelanggan-pelanggan untuk mendapatkan insuran untuk kenderaan bagi mendapatkan sijil cukai jalan dan jika ya, apakah yang akan diambil untuk mengatasi perkara ini.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Setakat ini saya tidak sedar tentang perkara ini. Akan tetapi, amatlah dihargai sekiranya Yang Berhormat sendiri dan orang-orang yang mengadu dapat melaporkan kes-kes tertentu kepada pihak Polis dan kepada Bahagian Insuran, Kementerian Kewangan serta pihak-pihak berkuasa lain yang berkaitan supaya tindakan memperbaiki keadaan boleh diambil dengan serta-merta.

PROJEK LEBUHRAYA TIMUR BARAT

16. **Tuan Abdul Rahman bin Daud** meminta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

- (a) adakah Projek Lebuhraya Timur Barat yang akan menghubungkan Negeri Kelantan dengan Perak dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan;
- (b) Bilakah tempoh masa yang sebenar dapat digunakan; dan
- (c) adakah pihak Kementerian sedar akan keperluan sebuah jambatan yang akan menghubungkan antara Pasir Mas dengan Seberang Pasir Mas bagi tujuan perhubungan dan pembangunan bandar yang hampir-hampir mati di antara kedua bandar kecil ini.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato' Lee San Choon):

- (a) Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, adalah dimaklumkan bahawa berasaskan kepada kemajuan yang dicapai pada masa ini di dalam kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Timur Barat, saya percaya projek tersebut dapat disiapkan dalam jangka masa yang ditetapkan. Setakat ini 68% daripada kerja-kerja pembinaan itu telah disiapkan.
- (b) Lebuhraya itu dijangka akan dibuka kepada lalulintas apabila telah disiapkan sepenuhnya pada akhir tahun 1981.
- (c) Saya suka menyatakan bahawa pada masa ini kajian kemungkinan (feasibility study) sedang dijalankan untuk menentukan keperluan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Kelantan berhampiran dengan Pasir Mas.

TV WARNA RANGKAIAN KETIGA

17. **Tuan Leonard Linggi anak Jugah** minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (a) mengapakah siaran warna tidak diadakan menerusi Rangkaian 3 TV Malaysia bagi Sarawak dan Sabah;
- (b) jadual masa yang ditetapkan untuk pemancaran siaran warna di Rangkaian 3; dan
- (c) jadual masa yang ditetapkan untuk mengadakan liputan talivisyen ke Kapit, iaitu markas Bahagian 7 di Sarawak.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamed bin Rahmat):

- (a) Peruntukan bagi siaran warna menerusi Rangkaian 3 TV Malaysia belum diperolehi lagi. Ini adalah kerana keutamaan sedang diberi kepada pelaksanaan siaran berwarna menerusi Rangkaian Nasional. Tambahan pula studio yang ada di RTM Kota Kinabalu didapati tidak sesuai dan perlu dirancang semula serta dikaitkan dengan projek membina sebuah kompleks baru di situ.

- (b) Oleh sebab keutamaan yang saya sebutkan di atas tadi perkara ini belum dapat ditetapkan. Namun begitu Kementerian saya ada cadangan untuk menambahkan masa bagi siaran warna bagi Sabah dan Sarawak.
- (c) Projek untuk mengadakan liputan TV ke Kapit telah dimasukkan ke dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Pelaksanaan projek ini akan dimulakan dengan seberapa segera.

BELIA LUAR BANDAR

18. Tuan Umar bin Haji Ismail minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mencegah kebanjiran belia-belia luar bandar ke bandar-bandar bagi mengatasi masalah yang timbul akibat penghijrahan itu. Adakah Kementerian sedar akibat daripada penghijrahan itu telah menimbulkan masalah bagi mendapatkan tenaga pekerja di sawah, kebun getah dan lain-lainnya di kampung-kampung.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengadakan berbagai-bagai rancangan untuk belia di luarbandar, antaranya, rancangan belia peladang, rancangan belia berniaga, sebagai satu usaha supaya mereka tidak berhijrah ke kawasan-kawasan bandar.

Walau bagaimanapun tidaklah menjadi tujuan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan untuk mencegah sepenuhnya kedatangan belia-belia luarbandar ke bandar-bandar, asalkan mereka mempunyai cukup kelayakan dan kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan atau menjalankan pekerjaan sendiri di bandar-bandar. Rancangan-rancangan ini menunjukkan kesedaran Kementerian akan masalah berhubung dengan mendapatkan pekerja-pekerja pertanian di luarbandar.

PENUNTUT BUKAN BUMIPUTRA DI UNIVERSITI

19. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah positif yang telah diambil oleh beliau

untuk menambah kuota kemasukan penuntut-penuntut bukan bumiputra ke dalam kelima-lima buah Universiti tempatan berikutan pengumuman beliau pada 12hb Disember, 1978 di Parlimen bahawa Kerajaan akan memperbesar universiti-universiti tempatan yang ada sekarang bagi menambahkan lagi tempat-tempat untuk penuntut-penuntut bukan bumiputra.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Soalan yang sama dengan soalan ini telahpun saya jawab di Dewan yang mulia ini pada 19-3-1979.

PERANCANG KELUARGA

20. Tuan Ismail bin Said minta Perdana Menteri menyatakan setakat ini berapa ramai yang mengamalkan Perancang Keluarga di Semenanjung Malaysia mengikut kaum dan setakat manakah kadar kelahiran dapat dikurangkan mengikut kaum tadi.

Perdana Menteri: Semenjak program Perancang Keluarga dilancarkan pada tahun 1967, jumlah penerima sehingga akhir tahun 1978 didaftarkan ialah seramai 760,238 orang. Sementara itu penerima bagi wanita-wanita yang layak yang berumur 15-49 tahun di Semenanjung Malaysia yang sedang mengamalkan perancang keluarga lebihkurang 25% sahaja, tetapi sebanyak 45% daripada wanita-wanita layak itu telah pernah mengamalkan perancang keluarga di Semenanjung Malaysia. Di sini bererti 20% di antaranya telah berhenti mengamalkan perancang keluarga kerana mereka mahukan anak lagi ataupun umur mereka telah melebihi umur kesuburan. Amalan begini sesuai dengan polisi Kerajaan bahawa Perancang mengutamakan kesihatan ibu dan anak dengan menjarakkan kelahiran di samping meningkatkan kebajikan keluarga.

Kadar kasar kelahiran pada tahun 1976 ialah 30.6 dalam tiap-tiap seribu penduduk. Kadar kasar kelahiran golongan masyarakat pula ialah Melayu—32.1; China—28.8; dan India—29.3 dalam tiap-tiap seribu orang penduduk.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, menurut kajian penyiasatan kesuburan yang dijalankan dalam tahun 1974/1975 sebanyak 25% daripada pasangan yang mengamalkan

perancang keluarga mendapat perkhidmatan daripada klinik-klinik doktor persendirian, kedai-kedai ubat dan lain-lain sumber lagi. Dengan itu adalah ditaksirkan jumlah dan corak penerima Perancang Keluarga melalui sumber-sumber "Bukan Kerajaan" semakin bertambah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, faktor-faktor yang menurunkan kelahiran itu bukanlah bergantung kepada jumlah penerima perancang keluarga sahaja tetapi adalah bergantung kepada beberapa faktor pembangunan keseluruhannya seperti pelajaran, pekerjaan, kesihatan, perumahan, urbanisasi, rekreasi, pertanian, perindustrian, taraf wanita dan kemudahan-kemudahan alam sekitar. Faktor-faktor ini berhubung rapat dengan umur perkahwinan, keadaan hidup berkeluarga, perpisahan, perceraian dan lain-lain yang semuanya ada kaitan dengan kesuburan. Dengan itu Program Kebangsaan Perancang Keluarga bukan sahaja menyampaikan perkhidmatan untuk membolehkan ibu-ibu menggunakan cara yang baik dan selamat; untuk menjarangkan kelahiran, untuk menjaga kesihatan ibu dan anak-anak; dan untuk mengelakkan mereka menggunakan cara-cara yang merbahaya dan melalui pengguguran haram dan lain-lain tetapi juga menjalankan aktiviti-aktiviti untuk membantu membaiki pembangunan keluarga dan masyarakat berasaskan perancangan kehidupan keseluruhannya.

PENDATANG HARAM KE SABAH

21. **Datuk Stephen R. Evans** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa akibat dari kemasukan pendatang haram secara beramai-ramai ke Negeri Sabah dari Filipina Selatan, kadar jenayah di negeri tersebut telah bertambah dengan besarnya, terutama sekali kecurian, rompak bersenjata dan pembunuhan, dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengawal keadaan berkaitan dengan "Jenayah Bertambah di Sabah"; dan
- (b) sama ada Kerajaan boleh memberi jaminan bahawa adanya sebilangan besar pendatang haram di Sabah hari ini tidak akan menjadi suatu ancaman

kepada keselamatan dalam negeri tersebut oleh kerana tuntutan Filipina ke atas Sabah masih belum selesai secara rasminya.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Dalam istilah kita tidak ada pendatang haram dari Filipina Selatan.

MUFTI NEGARA

22. **Tuan Abdul Shukur Haji Siraj** minta Perdana Menteri menyatakan adakah Kerajaan bercadang hendak melantik Mufti Negara untuk menyesuaikan dengan Islam Ugama Rasmi Negara.

Perdana Menteri: Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, walaupun Islam telah ditetapkan sebagai agama negara Malaysia, tetapi hal ehwal agama Islam, baik dari segi perundangan mahupun dari segi pelaksanaan, adalah terletak di bawah bidangkuasa Negeri-negeri, kecuali di Wilayah Persekutuan. Pada masa ini tiap-tiap Negeri, termasuk Wilayah Persekutuan, ada mempunyai Muftinya masing-masing yang mempunyai tugas-tugas tertentu di bawah Undang-undang Pentadbiran Hukum Syarak yang berkenaan. Mufti Negara atau Mufti Persekutuan, jika dilantik, akan terbatas dalam tugas, kuasa dan kedudukannya. Beliau tidak mungkin mempunyai apa-apa bidangkuasa terhadap Mufti-mufti Negeri dan Wilayah Persekutuan, dan tiada apa jua perbuatan atau tindakannya mungkin dapat membawa apa-apa kesan ataupun pengaruh di Negeri-negeri dan di Wilayah Persekutuan.

Tugas yang mungkin dijalankan oleh beliau ialah hanya tugas sebagai penasihat rasmi kepada Kerajaan Persekutuan dalam perkara-perkara mengenai hal ehwal agama Islam. Selain dari itu beliau juga dapat memainkan peranan utama dalam apa-apa istiadat, upacara atau seumpamanya yang bercorak Islam yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan. Saya sukacita memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa satu kajian sedang dibuat untuk mengujudkan satu jawatan di Bahagian Ugama, Jabatan Perdana Menteri untuk memenuhi tugas dan peranan yang tersebut. Soal sama ada jawatan itu hendak dinamakan Mufti atau diberi nama lain yang lebih sesuai sedang dipertimbangkan

oleh kerana nama Mufti mungkin tidak sesuai memandangkan bidangkuasanya yang terhad dan fahaman orang ramai terhadap makna atau implikasi gelaran itu.

PENDATANG HARAM VIETNAM/ FILIPINA

23. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bahawa sehingga akhir bulan Februari 1979 ini:

- (a) berapakah pendatang haram dari Vietnam dan Filipina yang telah memasuki Malaysia, sila nyatakan bilangannya di setiap Negeri;
- (b) apakah langkah-langkah yang berkesan telah diambil untuk mencegah pendatang-pendatang haram daripada bertapak di Malaysia supaya keselamatan negara dan kestabilan sosial-ekonomi tidak terganggu dan terancam;
- (c) apakah pendirian telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah yang dibawakan oleh pendatang haram tersebut; dan
- (d) selama ini berapakah perbelanjaan telah diperuntukkan untuk menempatkan dan melayani pendatang-pendatang haram tersebut.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:

- (a) Setakat akhir bulan Februari 1979, jumlah pendatang-pendatang haram Vietnam yang memasuki Malaysia ialah 79,407 dan jumlah orang pelarian yang masuk dari Filipina ialah 92,000. Pecahan bilangan mengikut negeri ialah seperti berikut:

	<i>Dari Vietnam</i>	<i>Dari Filipina</i>
(1) Trengganu	45,650	—
(2) Johor	19,100	—
(3) Pahang	6,282	—
(4) Kelantan	5,861	—
(5) Sarawak	1,616	—
(6) Sabah	898	92,000
Jumlah	<u>79,407</u>	<u>92,000</u>

(b) Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah saya jawabkan pada 19hb Mac 1979.

(c) Jawapan kepada soalan ini telah juga dijawabkan pada 19hb Mac 1979.

(d) Semua perbelanjaan berkaitan menempatkan dan melayani pendatang-pendatang haram adalah dibiayai oleh pihak Kedutaan Besar Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bersabit Orang Pelarian (UNHCR). Dari tahun 1975 hingga akhir tahun 1978, jumlah yang dibelanjakan oleh UNHCR ialah sebanyak \$18,676,000.00 berkaitan pendatang haram Vietnam dan \$2,080,000.00 berkaitan pelarian Filipina.

KURSUS PEMETAAN DAN PERANCANGAN

24. **Tuan Hashim bin Endut** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sekumpulan pegawai-pegawai pelajaran telah dihantar ke England baru-baru ini untuk kursus peta dan perancangan; bahawa pegawai-pegawai ini sebenarnya telah menghabiskan masa dengan sesia kerana kursus-kursus yang diikuti itu tidak menguntungkan negara ini; dan sama ada Kerajaan akan menimbangkan untuk menghantar pegawai-pegawai seperti ini mengikuti kursus di negeri ini pada masa hadapan dan dengan itu menjimatkan wang Kerajaan.

Dato' Musa bin Hitam: Saya memang sedar bahawa sekumpulan pegawai-pegawai pelajaran telah dihantar ke England pada bulan Ogos tahun lalu untuk mengikuti kursus Pemetaan dan Perancangan, tetapi saya tidak fikir bahawa pegawai-pegawai ini sebenarnya telah menghabiskan masa dengan sia-sia kerana kursus ini diadakan sebagai memenuhi Rancangan Bantuan Teknik atau Fellowship yang disyaratkan dalam Pinjaman Bank Dunia Yang Keempat. Tujuan kursus ini ialah untuk membantu Kerajaan mempertingkatkan kemampuannya merancang pembinaan sekolah-sekolah. Disamping itu kursus ini juga akan memperkukuh proses pemetaan sekolah dan Struktur Bangunan untuk membolehkan perancangan pembangunan sekolah berjalan dengan lebih teratur. Proses ini akan membolehkan kita membuat keputusan-keputusan berkaitan

dengan besarnya (size) sekolah dan juga tempat (location) sekolah itu didirikan dengan baik kerana pegawai-pegawai yang dilatih itu akan memperoleh latihan dan kemahiran yang mustahak dan berkaitan dengan rancangan-rancangan pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kursus ini diadakan di University of London, sebuah universiti yang terkemuka. Setengah daripada topik-topik yang dibincangkan dalam kursus ini adalah seperti berikut:

- (i) Pemetaan Sekolah (School Mapping) yang mempertimbangkan soal distribusi penduduk (population distribution), kawasan perkampungan penduduk (catchment area), pemilihan sekolah oleh ibubapa, luas sekolah dan kemudahan-kemudahan yang ada seperti air, api, kenderaan dan lain-lain.
- (ii) Dasar Perancangan Daerah.
- (iii) Pembangunan sekolah-sekolah baru di kawasan-kawasan luar bandar.
- (iv) Pembangunan Sekolah dan Bangunan-bangunan termasuk pertalian bangunan dengan kurikulum, kegiatan-kegiatan luar bilik darjah dan juga kemungkinan bangunan itu ditambah untuk menampung bertambahnya murid-murid pada masa akan datang dan sebagainya.
- (v) Kebolehan pemetaan sekolah digunakan untuk perancangan dan pentadbiran Sekolah-sekolah di Malaysia.
- (vi) Penjagaan bangunan-bangunan sekolah (Maintenance of School buildings).

Pendekata kursus ini meliputi segala data dan butir-butir yang penting untuk pembinaan dan perancangan sekolah. Lagipun penyarah-penyarah kursus ini adalah terdiri daripada mereka yang tinggi kebolehannya dalam bidang pemetaan dan perancangan sekolah. Seorang daripadanya yang menjadi penyarah jemputan, iaitu Mr. W.T.S. Gould dari University of Liverpool, ialah seorang pakar yang terkenal dalam bidang ini. Ia pernah menjalankan kursus di International Institute of Educational Planning di Paris dan pernah juga mengadakan kursus di Indonesia dan negara-negara lain.

Memandangkan besarnya faedah yang akan diperolehi dari kursus ini maka kursus ini

tentu sahaja akan menguntungkan negara kita. Tambahan pula pegawai-pegawai yang menghadiri kursus ini adalah terdiri dari mereka yang betul-betul berkecimpung dalam alam pembangunan dan pembinaan sekolah. Mereka itu ialah Pegawai-pegawai Pembangunan di Jabatan-jabatan Pelajaran Negeri. Apabila mereka kembali kelak dari kursus ini mereka akan diberi tugas mengendalikan segala aspek berkaitan dengan perancangan dan pembangunan sekolah di negeri masing-masing.

Seciranya kursus seumpama ini dapat diadakan di negeri ini saya akan menghantar pegawai-pegawai yang berkenaan mengikutinya.

TRAFIK WARDEN BANDARAYA

25. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Traffic Wardens Bandaraya terlalu strict mengenakan kompaun kepada pemandu kereta, walaupun kesalahan kecil, sedangkan jalanraya di Ibu Kota adalah kecil, sempit dan sebok dengan kenderaan, sama ada arahan yang sama juga dikenakan kepada pedestrians yang tidak mengikut zebra crossing, overhead bridges, lampu isyarat dsb. dikenakan juga kompaun yang sama di samping memberi ingatan dan juga memberi pelajaran sivik minded kepada mereka. Jika tidak, mengapa.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Salah satu masalah yang dihadapi oleh Dewan Bandaraya ialah mengenai kesesakan lalulintas. Di antara lain sebab kesesakan lalulintas ini adalah kerana jalan-jalan dalam bandaraya ini terlalu sempit dan terlalu banyaknya jumlah kenderaan-kenderaan yang menggunakannya. Dengan itu sekiranya berlaku sebarang gangguan walau kecil sekalipun kesesakan lalulintas boleh berlaku dalam masa yang pendek sahaja.

Bagi menjamin kelancaran pengaliran lalulintas, penguatkuasaan Undang-undang Jalanraya terpaksa diperhebatkan supaya pemandu-pemandu sentiasa patuh kepada peraturan-peraturan tersebut. Tindakan yang diambil oleh Trafik Warden Bandaraya semata-mata untuk menjamin tidak berlakunya kesesakan yang disebabkan

kesalahan-kesalahan pemandu-pemandu kenderaan yang menggunakan jalan-jalanraya dalam bandaraya ini. Tindakan yang diambil oleh mereka adalah untuk mendidik orang ramai supaya sedar akan kesalahan-kesalahan yang dilakukan dari sisi Undang-undang Jalanraya dan juga akibat-akibat dari kesalahan-kesalahan yang dilakukan seperti kemalangan atau memberi kesusahan kepada pengguna-pengguna jalanraya yang lain. Tindakan ini bertujuan untuk mengujudkan sikap "civic consciousness" di kalangan pengguna-pengguna jalanraya.

Trafik Warden Bandaraya juga mengambil tindakan kepada pedestrian yang tidak menggunakan overhead bridges dan yang tidak mengikut zebra crossing, lampu isyarat dan sebagainya. Sebelum mengambil tindakan Trafik Warden Bandaraya memberi nasihat kepada pedestrian untuk menggunakan overhead bridges demi menjaga keselamatan diri masing-masing. Pagar (railing) juga telah dibina sepanjang pembahagi jalan jarak 100 kaki ke kiri dan ke kanan jejambat (overhead bridge) untuk mengelakkan pedestrian menyeberangi jalan. Walaupun begitu ramai di antara mereka yang lebih suka mengambil jalan pendek untuk menyeberangi jalan dengan melompat ataupun mencelah pagar-pagar yang dibina dan dengan itu membahayakan diri mereka sendiri. Demi menjaga keselamatan pedestrian ini tindakan-tindakan diambil ke atas mereka yang enggan menggunakan jejambat (overhead bridge) dengan mengenakan bayaran kompaun yang bayarannya adalah paling rendah sekali berbanding dengan kesalahan-kesalahan lalulintas yang lain.

PEMBORONG BUMIPUTRA—BEKALAN PEMBINAAN

26. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menentang perbuatan-perbuatan sabotaj oleh pembekal-pembekal bahan binaan sama ada dengan cara memberhentikan bekalan dengan alasan tidak ada bekalan atau dengan membekalkan bahan yang rendah mutunya atau menaikkan harga bahan ini kepada pemborong-pemborong bumiputra dan sama ada Kerajaan sedar bahawa pembekal bahan

adalah masalah pokok dan pemberhentian bekalan inilah yang menyebabkan gagalnya kontraktor bumiputra.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memang sentiasa mengikuti kedudukan bekalan barang-barang binaan di negara ini. Kebelakangan ini, memang terdapat aduan-aduan tentang kekurangan bekalan besi dan Kementerian saya telah menjalankan usaha-usaha bagi memastikan bahawa barang-barang ini mencukupi untuk kegunaan negara. Usaha-usaha ini termasuk membenarkan pengguna-pengguna besi untuk mengimpor besi dari luar negeri. Selain daripada itu, Kementerian saya telah juga meminta syarikat-syarikat pembuat mengedarkan keluaran mereka mengikut saluran-saluran yang tertentu dan juga barang-barang keluaran mereka mempunyai piawaian yang boleh diterima oleh pihak berkenaan. Setakat ini Kementerian saya belum menerima apa-apa aduan yang khusus tentang perbuatan sabotaj dan perbuatan memberhentikan bekalan seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memberitahu Kementerian saya tentang perbuatan ini supaya tindakan-tindakan dapat diambil oleh Kementerian saya.

PEJABAT BURUH DI NIBONG TEBAL

27. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau sedar kadar pengangguran yang tinggi terdapat di kawasan Seberang Perai Selatan dan sama ada beliau akan menubuhkan sebuah Pejabat Buruh di Nibong Tebal untuk mendaftarkan penganggur-penganggur dan bukan menghendaki mereka mendaftar di Pejabat Buruh, Butterworth.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Kementerian saya pada masa ini mempunyai sebuah Pejabat Pekerjaan di Butterworth dan menjalankan sebuah Pejabat Pekerjaan sambilan di Nibong Tebal. Pejabat Pekerjaan sambilan di Nibong Tebal diadakan dua kali sebulan iaitu pada tiap-tiap hari Rabu pertama dan ketiga tiap-tiap bulan. Mengikut angka-angka pendaftaran yang dapat dikumpulkan bagi tempoh antara bulan Julai 1978 hingga bulan

Disember 1978, pencari-pencari kerja yang telah datang untuk mendaftarkan diri di Pejabat Pekerjaan sambil di Nibong Tebal hanya berjumlah seramai 21 orang sahaja. Walaupun jumlah pendaftaran ini tidak dapat diambil sebagai petanda untuk menunjukkan kadar pengangguran di kawasan Seberang Prai Selatan tetapi angka itu bolehlah diambil sebagai tanda bagi menunjukkan bahawa kadar pengangguran yang terdapat di kawasan yang berkenaan tidaklah begitu tinggi. Satu lagi kemungkinan ialah kebanyakan lagi kemungkinan ialah kebanyakan penganggur-penganggur mungkin telah datang sendiri ke Pejabat Pekerjaan Butterworth dan telah mendaftarkan diri di Pejabat itu. Sebenarnya mereka tidak perlu berbuat demikian kerana pegawai-pegawai daripada Pejabat Pekerjaan di Butterworth akan pergi ke Nibong Tebal untuk menjalankan pendaftaran di sana dua kali dalam sebulan.

Kementerian saya tidak bercadang hendak membuka sebuah Pejabat Pekerjaan sepenuh masa di Nibong Tebal memandangkan bahawa sebuah Pejabat telahpun ada di Butterworth. Pejabat Pekerjaan sepenuh masa lebih sesuai ditempatkan di Butterworth kerana ianya berdekatan dengan Ladang-ladang perindustrian yang besar di kawasan-kawasan sekitarnya. Ini membolehkan Pejabat Pekerjaan berkenaan menjalin hubungan yang rapat dengan majikan-majikan di dalam kawasan-kawasan perindustrian itu untuk menempatkan pencari-pencari kerja yang mendaftarkan diri di Pejabat Pekerjaan.

RUMAH MURAH

28. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa kerja pembinaan rumah-rumah murah (yang belum siap) di Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah telah berhenti;
- (b) bila kerja pembinaan akan dimulakan semula; dan
- (c) harga anggaran untuk tiap-tiap yunit rumah murah bila disiapkan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum):

- (a) Projek rumah murah di Kampung Permatang Tinggi, Seberang Perai Tengah yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Rancangan Rumah-rumah Murah Kerajaan Negeri tersebut. Ianya tidak termasuk dalam rancangan perumahan awam kos rendah yang dibiayai melalui peruntukan daripada Kementerian saya. Saya sedar bahawa kerja pembinaan rumah-rumah tersebut telah terhenti buat sementara waktu oleh kerana kontraktor menghadapi masalah mendapatkan bekalan besi keluli. Kementerian saya diberitahu bahawa pelaksanaan projek tersebut telah berhenti semenjak awal bulan Februari, 1979.
- (b) Adalah dijangkakan bahawa kerja-kerja pembinaan akan disambung semula pada penghujung bulan April 1979.
- (c) Kerajaan Negeri Pulau Pinang masih belum dapat memastikan harga tiap-tiap yunit rumah tersebut oleh kerana keseluruhan kos yang terlibat dalam pelaksanaan projek tersebut masih belum diketahui lagi.

HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN DI SARAWAK

29. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa seorang daripada dua (2) kontraktor rancangan Bukit Kota (RISDA) Bruas, Perak di bawah Kontrak No. 10/77 bil. Kota 5 diberi tambahan 20 sen selubang lebih daripada kontraktor lain padahal pekerjaannya sama dengan kontraktor itu; itu;
- (b) sama ada beliau sedar bahawa kontraktor lain yang telah dibayar kurang 20 sen di bawah Kontrak No. 10/77 bil. Kota 5 telah membuat satu aduan kepada Pengurus RISDA; dan

(c) jika ya, adakah beliau bersedia memulakan satu penyiasatan.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

(a) Adalah benar bahawa dua kontraktor telah ditawarkan membuat kerja-kerja di Rancangan RISDA Bukit Kota di bawah Kontrak 10/72 tahun 1972 dan bukannya di bawah Kontrak No. 10/77 tahun 1977. Tambahan yang diberi kepada seseorang kontraktor itu adalah sebanyak 10 sen selubang dan bukannya 20 sen sebagaimana yang dinyatakan. Tambahan ini telah diluluskan oleh pihak Lembaga RISDA pada 21-11-74 setelah menimbang dengan teliti rayuan dari kontraktor berkenaan manakala kontraktor yang lagi satu tidak mengemukakan rayuannya pada masa kerja-kerja sedang dijalankan.

(b) Kontraktor yang dibayar kurang 10 sen berkenaan hanya mengemukakan rayuannya setelah kerja-kerja kontrak tersebut siap dilaksanakan. Rayuannya telah dikemukakan kepada pihak Lembaga RISDA pada 6-2-76 dan tidak dapat diberi pertimbangan memandangkan kontraktor ini tidak mengemukakan rayuannya semasa kerja-kerja sedang dijalankan dan rayuannya hanya dikemukakan setelah kerja-kerja siap dilaksanakan.

(c) Walau bagaimanapun jika sekiranya kontraktor ini tidak puas hati atas rayuannya itu, beliau adalah disyorkan supaya mengemukakan rayuannya kepada Arbitrator di bawah peruntukan Arbitration Ordinance 1950 sebagaimana dinyatakan di bawah Seksyen 17 perjanjian di antara Kontraktor dengan RISDA.

(d) Penyiasatan atas perkara ini tidaklah perlu diadakan.

GURU-GURU DALAM POLITIK

30. **Tuan Ting Chek Ming** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

(a) berapa banyakkah guru-guru sekolah yang mendaftarkan dirinya sebagai seorang ahli Barisan Nasional;

(b) kalau guru-guru sekolah tidak boleh memegang jawatan politik apakah tindakan beliau terhadap guru-guru yang terlibat dalam politik; dan

(c) sama ada beliau sedar bahawa guru-guru sekolah mengambil kesempatan untuk meninggalkan sekolah pada waktu sekolah untuk menghadiri upacara misalnya istiadat pembukaan oleh seorang Menteri.

Dato' Musa bin Hitam:

(a) Oleh sebab peraturan-peraturan yang ada sekarang tidak menegah pegawai-pegawai Kerajaan termasuk guru-guru daripada menjadi ahli sesuatu parti politik di dalam negara ini—melainkan parti-parti politik yang diharamkan—maka Kementerian Pelajaran tidak ada maklumat-maklumat dan tidak bercadang mengumpul maklumat-maklumat berhubung dengan perkara ini.

(b) Apa juga sikap atau tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian saya adalah seperti terkandung di bawah Perintah Am Bab D 1969.

(c) Pihak Kementerian saya tidak menegah guru-guru menghadiri upacara-upacara termasuk yang diadakan pada waktu persekolahan. Tetapi ini adalah dengan syarat:

(1) Bahawa ianya dibuat dengan pengetahuan guru-guru besar masing-masing ataupun pihak-pihak berkuasa yang berkenaan.

(2) Bahawa kehadiran mereka ini tidak memberi akibat buruk kepada tugas dan tanggungjawab mereka sebagai guru.

**RUMAH AMAH/ATENDAN HOSPITAL
DI HOSPITAL QUEEN ELIZABETH**

31. **Datuk Stephen R. Evans** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa rumah-rumah amah dan pembantu hospital di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu berada dalam keadaan buruk dan tidak sesuai untuk didiami oleh manusia oleh kerana rumah-rumah ini tidak pernah

disenggara serta diperbaiki oleh Pihak-berkuasa Hospital yang berkenaan buat sekian lamanya dan keadaan ini telah mendatangkan kerumitan serta kesulitan kepada amah-amah dan pembantu-pembantu hospital yang tinggal di rumah-rumah tersebut; dan jika ya, apakah tindakan segera yang akan beliau ambil untuk menyelesaikan perkara ini.

Menteri Kesihatan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Saya sedar bahawa rumah-rumah Amah dan Atendan Hospital di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu perlu diperbaiki dan diselenggarakan. Jabatan Perubatan Sabah telah meminta semua hospital di Sabah termasuk Hospital Queen Elizabeth, supaya mengemukakan senarai-senarai kerja untuk pembaikan dan penyelenggaraan hospital dan rumah-rumah kakitangan dengan sebutharga dari pihak Jabatan Kerja Raya. Sukacita dimaklumkan bahawa sebaik sahaja senarai-senarai ini diterima, peruntukan akan dikeluarkan bagi kerja pembaikan dan penyelenggaraan tersebut. Dalam kes Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, sebanyak \$160,000 telah diperuntukkan bagi pembaikan dan penyelenggaraan bangunan termasuk rumah-rumah Amah dan Atendan Hospital. Pembaikan dan penyelenggaraan bagi rumah-rumah kakitangan di Hospital Queen Elizabeth akan diberi keutamaan tahun ini oleh kerana pembaikan dan penyelenggaraan bangunan hospital tersebut telah dijalankan pada tahun 1977 dan 1978.

LANDASAN LAPANGAN TERBANG SEMPORNA

32. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memajukan landasan Lapangan Terbang Semporna untuk membolehkan kapal terbang jenis Fokker Friendship mendarat, dan jika ya, bila.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang hendak memajukan landasan di Semporna oleh kerana landasan yang ada sekarang sudah mencukupi untuk kegunaan kapal terbang jenis BN-2.

PEKERJA MALAYSIA DI SINGAPURA

33. **Tuan Alias bin Md. Ali** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama

ada beliau sedar tentang kegiatan agen-agen dari kilang-kilang perusahaan Singapura untuk mendapatkan tenaga buruh dari Malaysia yang telah menjejaskan perjalanan beberapa kilang perusahaan di negara ini terutama di Johor dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengawal keadaan ini.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Kementerian memanglah sedar adanya pekilang-pekilang dan pengusaha-pengusaha Singapura menjalankan kempen di Johor untuk mendapatkan pekerja-pekerja Malaysia bekerja di Singapura.

Penghijrahan tenaga kerja untuk bekerja di luar negeri bukanlah satu fenomena yang baru. Penghijrahan adalah berlaku pada setiap masa. Faktor-faktor yang penting yang perlu dipertimbangkan di dalam fenomena ini ialah sama ada penghijrahan itu melemahkan kegiatan-kegiatan dalam negara ini kepada suatu peringkat yang merugikan atau tidak. Dalam persoalan penghijrahan tenaga kerja daripada kawasan-kawasan di Johor ke Singapura, apa yang perlu dilihat ialah sama ada penghijrahan itu telah mengakibatkan pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha di Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya mengalami kekurangan tenaga kerja yang tinggi atau tidak. Berhubung dengan perkara ini Kementerian saya telah membuat satu peninjauan yang kasar pada akhir tahun 1978 berkenaan dengan kedudukan keperluan tenaga kerja di Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya dengan tujuan untuk mengetahui bilangan kekosongan yang dialami oleh kilang-kilang dan pengusaha yang berkenaan. Di dalam tinjauan yang telah dibuat itu sebanyak 21 buah kilang telah dapat dihubungi dan kilang-kilang ini menggunakan tenaga kerja sejumlah lebihkurang 5,676 orang. Daripada jumlah keperluan yang dinyatakan itu tinjauan itu menunjukkan bahawa kilang-kilang ini mengalami kekurangan tenaga kerja sebanyak 757 orang sahaja. Ini merupakan lebihkurang 13.3% daripada keseluruhan tenaga kerja yang diperlukan. Pada peringkat ini bolehlah dikatakan bahawa pengilang-pengilang atau pengusaha-pengusaha di Johor Bahru dan kawasan-kawasan sekitarnya tidak mengalami kekurangan tenaga kerja yang begitu tinggi. Jumlah kekosongan yang dapat dikesani seperti yang dinyatakan di atas itu mungkin

merupakan "turnover" biasa sahaja. Walaupun begitu Kementerian saya tidaklah memandang ringan masalah yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat kerana ini mungkin merupakan permulaan kepada satu masalah yang akan menjadi lebih serious di kemudian hari kelak. Pada masa ini Kementerian saya sedang mendalami masalah ini dengan menghubungi majikan-majikan di Johor dan kawasan-kawasan sekitarnya untuk mendapatkan pandangan-pandangan mereka tentang masalah penghijrahan tenaga kerja ke Singapura. Jika perlu Kementerian saya bercadang hendak mengadakan satu perjumpaan dengan pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha di Johor dan kawasan-kawasan sekitarnya berkenaan dengan masalah ini.

Kerajaan pada masa ini juga sedang menimbang untuk mengadakan satu undang-undang bagi mengawal semua ajensi-ajensi pekerjaan swasta termasuklah ajensi-ajensi yang menghantar pekerja-pekerja Malaysia untuk bekerja di luar negeri. Jika sekiranya undang-undang ini akan diadakan kelak maka semua ajensi-ajensi pekerjaan swasta termasuklah ajensi-ajensi yang mengelolakan penghijrahan tenaga kerja akan dikawal seperlunya bagi menentukan pengaliran tenaga kerja ke luar negeri tidak merugikan negara.

Sementara itu pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha dalam negara kita sendiri perlulah sedar bahawa Kerajaan kita mengamalkan dasar demokrasi yang memberi kebebasan kepada individu untuk memilih pekerjaan yang mereka suka termasuklah pekerjaan-pekerjaan di luar negeri. Dalam konteks ini pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha tempatan perlulah mengkaji sistem gaji dan kemudahan-kemudahan yang lain yang diberi kepada pekerja-pekerja tempatan supaya gaji-gaji dan kemudahan-kemudahan itu adalah bersaing dengan gaji-gaji dan kemudahan-kemudahan yang boleh ditawarkan oleh pengilang-pengilang dan pengusaha-pengusaha di luar negeri.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DIGANTUNG KERJA

34. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada terdapat kelewatan dalam

siyasatan terhadap Pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang digantung kerja akibat kesalahan jenayah serta kelewatan bagi membincangkan mereka yang dituduh di Mahkamah dan jika sedar apakah tindakan yang sedang diambil bagi mempercepat penyiasatan dan pembicaraan mereka itu.

Perdana Menteri: Pada amnya tidak terdapat kelewatan di pihak Badan Penyiasatan dalam menjalankan penyiasatan terhadap pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang disyaki melakukan kesalahan jenayah. Bagaimanapun, dalam beberapa hal, terdapat kelewatan dalam mendengar dan menyelesaikan kes-kes itu terutamanya oleh sebab penangguhan yang dipohon oleh pihak pendakwa atau pihak pembela. Jika kes-kes ditangguhkan atas permohonan pihak pendakwa sebab utama baginya ialah kerana saksi-saksi tidak dapat diadakan oleh kerana tidak dapat dikesan di mana mereka berada. Mengenai penangguhan yang dipohon oleh pihak pembela, ada masanya ia adalah disebabkan oleh perkara yang sama. Lagi pula Pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun yang dipertuduh selalunya suka dibela oleh seseorang peguam tertentu. Peguam yang tertentu itu mungkin mengendalikannya pada masa yang sama kes-kes lain yang melibatkan pegawai-pegawai lain dan oleh kerana itu beberapa kes telah ditangguhkan supaya peguam itu boleh hadir dalam pembicaraan yang lain. Terdapat juga keadaan di mana kes-kes tidak dapat diselesaikan (backlog) tetapi ini sedang dibereskan dengan bertambahnya bidangkuasa Yang di-Pertua Mahkamah dan Mejisteret hasil dari pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah, 1948 yang telah diluluskan tahun lepas. Langkah-langkah telah dan sedang diambil bagi melantik lebih ramai lagi Yang di-Pertua Mahkamah dan Mejisteret dan kakitangan pembantu dalam Mahkamah-mahkamah Rendah. Mahkamah juga telah diarahkan supaya memberi keutamaan iaitu dengan cara menetapkan tarikh pembicaraan yang lebih awal, kepada kes-kes yang melibatkan Pegawai-pegawai Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Setakat yang berkenaan dengan permohonan menangguhkan pembicaraan atas sebab ketiadaan saksi pihak polis juga mencuba

dengan bersungguh-sungguh untuk mengesan saksi-saksi dan memberi mereka saman supaya hadir di Mahkamah dan kes-kes sebegini adalah sedikit sahaja.

GURU-GURU DI MAKTAB LATIHAN TEKNIK

35. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada kaum Bumiputra dari keturunan rakyat Sabah dipertimbangkan dalam pengambilan guru-guru Teknik di Institusi-institusi seperti Maktab Latihan Guru-guru Teknik, di Kuala Lumpur, dan jika ya, nyatakan bilangan orang-orang Sabah yang telah pun selesai menjalani latihan mereka; dan
- (b) sama ada beliau sedar tentang kekurangan guru-guru teknik Bumiputra di Sabah.

Dato' Musa Hitam:

- (a) Kaum Bumiputra dari Keturunan rakyat Sabah akan dipertimbangkan sekiranya mereka membuat permohonan, tetapi setakat hari ini belum ada yang mempunyai kelayakan yang telah memohon;
- (b) Ya, saya memang sedar tentang kekurangan guru-guru teknik Bumiputra di Sabah.

TV MALAYSIA—RANGKAIAN KEDUA KE SABAH/SARAWAK

36. **Tuan Fung Ket Wing** minta Menteri Penerangan menyatakan bilakah TV Malaysia akan memperluaskan rangkaian keduanya ke Sabah dan Sarawak.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Kementerian saya ada cadangan meluaskan Rangkaian Kedua TV Malaysia ke Sabah dan Sarawak dan masa pelaksanaannya adalah bergantung kepada hasil pengkajian yang sedang dibuat oleh pihak RTM. Kajian tersebut perlu mengambil kira keperluan-keperluan teknik dan kakitangan yang terlatih. Ini bukanlah satu perkara yang mudah kerana ia melibatkan perbelanjaan yang besar, keperluan teknik yang banyak serta akan

mengambil masa yang lama. Namun demikian Kementerian saya akan mendapatkan peruntukan sewajar bagi melaksanakan rancangan ini dengan seberapa segera.

PENDATANG HARAM

37. **Tuan Awang bin Jabar** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah kuasa Kerajaan Negeri dalam menghadapi masalah pendatang haram.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kuasa bagi mengelolakan masalah berkaitan pendatang haram Vietnam mutlak ditanggung oleh Majlis Keselamatan Negara iaitu satu badan Kerajaan pusat yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri sendiri. Di tiap-tiap negeri, Majlis Keselamatan Negara mempunyai Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri yang dipengerusi oleh Setiausaha Kerajaan sebagai ex-officio dan Menteri Besar/Ketua Menteri sebagai Pengarah Gerakan Negeri yang ditentukan oleh arahan Majlis Keselamatan Negara.

Setiausaha Kerajaan Negeri dan Menteri Besar/Ketua Menteri menjalankan tanggungjawab sebagai dan bagi pihak Majlis Keselamatan Negara.

Oleh kerana desakan masalah pendatang haram Vietnam makin berat, Majlis Keselamatan Negara pada 24hb November 1978 menubuhkan Pasukan Petugas VII. Sebagai satu alat Majlis Keselamatan Negara tugas-tugas pokoknya ialah mencegah kemasukan pendatang haram, mengawal dan mentadbir mereka-mereka yang telah mendarat dan membuat urusan berkaitan pemindahan ke negara-negara ketiga.

Sebagai alat kepada Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri, ditubuhkan pula Pasukan Petugas Negeri yang bertanggungjawab secara langsung kepada Pasukan Petugas Persekutuan. Pasukan Petugas Negeri ini juga terikat dengan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri kerana Setiausaha Kerajaan Negeri selain daripada Pengerusi Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri adalah juga Pengarah Pasukan Petugas Negeri.

Daripada keterangan di atas nyatalah bahawa Menteri Besar/Ketua Menteri seorang yang bertanggungjawab atas keselamatan dan

juga pendatang haram Vietnam. Hanya kuasa-kuasa ada padanya datang dari Kerajaan Pusat. Peraturan ini dibuat sebegitu rupa supaya penyelarasan umpamanya dalam masalah berkaitan tanah dan perihal keselamatan dapat diuruskan dengan lebih sempurna lagi.

HOSPITAL DAERAH DI BELAGA

38. Tuan Sibat Miut anak Tagong minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau bercadang mendirikan sebuah hospital daerah di Belaga kerana aturan yang dibuat sekarang dengan menghantar pesakit yang tenat ke Hospital Kapit adalah memakan belanja yang besar dan mendatangkan kesusahan terutama kepada mereka yang miskin.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat sebelum Kementerian ini menimbangkan supaya sebuah Hospital dibina di satu-satu kawasan beberapa ukuran (criterion) hendaklah diperolehi dahulu, misalnya:

- (i) Luas kawasan dan jumlah penduduk
- (ii) Cara-cara perhubungan
- (iii) Kemudahan-kemudahan yang ada
- (iv) Rancangan pembangunan
- (v) Beban kerja yang ada
- (vi) Jumlah pesakit yang dirujuk untuk dirawat dalam hospital pada satu tahun

Mengikut rekod yang ada di Kementerian ini luas kawasan daerah Belaga ialah 7,342 batu persegi dan mempunyai 7,342 penduduk. Bandar Belaga mempunyai 1,200 penduduk dalam lengkongan 10 batu. Cara perhubungan ialah dengan sungai ke Kapit yang memakan masa lebihkurang 6-7 jam.

Di Belaga ada satu static Dispensari yang mempunyai 4 katil dan dalam sebulan 12 pesakit dimasukkan untuk rawatan lanjut. Dari jumlah ini pesakit dihantar ke Hospital Kapit. Sementara itu lebihkurang 1,000 pesakit luar dilihat di statis Dispensari dalam sebulan. Dari Belaga juga ada satu unit ubat bergerak yang melihat lebihkurang 500 pesakit sebulan. Perkhidmatan Doktor Udara mempunyai 9 tempat untuk mendarat.

Pada pendapat Kementerian ukuran (criterion) belum lagi mencukupi bagi membina sebuah hospital di Belaga. Buat masa sekarang perkhidmatan perubatan adalah mencukupi. Walau bagaimanapun pihak Kementerian akan mengkaji keadaan di Belaga dari semasa ke semasa.

PERATURAN TATATERTIB KAKITANGAN UNIVERSITI

39. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kerajaan bercadang menarik balik Peraturan-peraturan Tatatertib Kakitangan Universiti-universiti yang dikuatkuasakan baru-baru ini setelah mendapat tentangan daripada kakitangan-kakitangan universiti.

Dato' Musa bin Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama telahpun dijawab sebentar tadi.

SEKOLAH RENDAH TAMIL DI ULU LANGAT

40. Puan Chow Poh Kheng minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk mendirikan sebuah sekolah rendah pusat Tamil yang sempurna bagi menyatukan sekolah-sekolah rendah Tamil yang terdapat di ladang-ladang getah swasta di kawasan Ulu Langat yang mana keadaan sekolah-sekolah tersebut sekarang sedang mengalami berbagai-bagai masalah dan kesulitan.

Dato' Musa bin Hitam: Setakat ini Kementerian saya telahpun berusaha mencantumkan sekolah-sekolah jenis Kebangsaan (Tamil) yang terdapat di Ladang-ladang di Daerah Ulu Langat kepada Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) seperti yang ada sekarang ini iaitu Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Rinching, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Pekan Kajang. Satu lagi projek gantian yang mengandungi 5 bilik darjah, pejabat, tandas, air, api dan pagar telahpun diluluskan bagi Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) di kawasan Dengkil. Jabatan Kerjaraya akan melaksanakan dalam sedikit masa lagi.

Jika sekiranya Kementerian saya terus mencantumkan lagi sekolah-sekolah yang ada ini menjadi sebuah sekolah yang lebih besar

maka sudah tentu masalah pengangkutan murid-murid dari pendalaman akan menjadi rungutan ibubapa pula.

SEKOLAH MENENGAH SAINS BERASRAMA PENUH

41. **Tuan Yang Choong Fu** minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah bilangan sekolah-sekolah sains berasrama yang sekarang terdapat di negara ini, di mana letaknya dan jumlah bilangan penuntut di setiap sekolah tersebut. Sebutkan asas-asas bagi pemilihan penuntut-penuntut ini.

Dato Musa bin Hitam: Di Semenanjung Malaysia, Kementerian Pelajaran mempunyai sepuluh buah Sekolah Menengah Sains berasrama penuh, yang pada masa ini menempatkan seramai 6,790 orang pelajar-pelajar. Tiap-tiap negeri mempunyai sebuah sekolah Menengah Sains, kecuali Perak yang masih belum mempunyai sekolah tersebut. Butir-butir berkenaan, nama, tempat dan bilangan pelajar tiap-tiap sekolah tersebut adalah seperti berikut:

<i>Sekolah dan Alamat</i>	<i>Bilangan Pelajar</i>
1. Sekolah Menengah Tuanku Syed Putra, Kangar, Perlis ..	635
2. Sekolah Menengah Sains Kedah, Sungai Petani, Kedah	702
3. Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang, Bukit Mertajam	656
4. Sekolah Menengah Sains Selangor, Jalan Cheras, Kuala Lumpur	734
5. Sekolah Menengah Sains Negeri Sembilan, Kampung Gentam, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	676
6. Sekolah Menengah Sains Melaka, Ayer Keroh, Melaka	688
7. Sekolah Menengah Sains Johor, Batu ¾, Jalan Batu Pahat, Kluang, Johor ..	693
8. Sekolah Menengah Sultan Haji Ahmad Shah Pahang, Batu 8½, Jalan Gambang, Kuantan, Pahang	666

9. Sekolah Menengah Sains Trengganu, Wakaf Tembusu, Kuala Trengganu, Trengganu 627
10. Sekolah Menengah Sains Kelantan, Pengkalan Chepa, Kelantan 713

Asas pemilihan calon-calon bagi kemasukan ke sekolah-sekolah Menengah Sains adalah seperti berikut:

- (1) Pemilihan bagi kemasukan ke Sekolah-sekolah Menengah Sains di tiap-tiap negeri dihadkan kepada calon-calon dari negeri itu sendiri, kecuali calon-calon di negeri Perak dipilih untuk masuk ke Sekolah Menengah Tuanku Syed Putra (Sekolah Menengah Sains) Perlis dan Sekolah Menengah Sains Pulau Pinang.
- (2) Pemilihan calon-calon dibuat tiap-tiap tahun bagi kemasukan ke tingkatan satu, berasaskan kecapaian yang tertinggi dalam peperiksaan penilaian darjah lima yang diadakan pada dua tahun sebelum tahun kemasukan. Keutamaan dan pemilihan diberikan kepada calon-calon yang mendapat markah yang tertinggi.
- (3) Kemasukan ke Sekolah-sekolah Menengah Sains dihadkan kepada calon-calon dari luar bandar.
- (4) Tiap-tiap kali pemilihan seramai 120 orang calon-calon dipilih memasuki ke tingkatan satu di tiap-tiap sekolah. 70% daripada tempat-tempat di Sekolah Menengah Sains dikhaskan kepada pelajar lelaki dan 30% untuk pelajar perempuan. 10% daripada yang dipilih terdiri daripada murid-murid bukan bumiputra.

PEMERINTAHAN IRAN YANG BARU

42. **Tuan Haji Yusof bin Mallim Kuning** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada perlu atau tidak Kerajaan kita menentukan sikap buat masa ini terhadap peralihan pemerintahan di Iran yang dipimpin oleh seorang tokoh ugama yang bermazhab Shiah; yang mana Mazhab ini telah diakui terkeluar dari Mazhab Ahlissunnah-wal-Jamaah,

sedangkan negara kita mengamalkan ajaran-ajaran Islam yang berdasarkan kepada pendapat Ahlissunnah-wal-Jamaah.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Ahli Yang Berhormat sepatutnya maklum bahawa perhubungan di antara Kerajaan Iran dan Malaysia adalah berjalan seperti biasa. Pertukaran pemerintahan di Iran adalah hal ehwal dalam negeri Iran sendiri dan tidak menjejaskan hubungan Malaysia/Iran. Walau apapun corak kepimpinan baru Iran tersebut, yang menganut mana-mana ugama ataupun mazhab sekalipun, tidak menjadi soal kepada Malaysia kerana kita berpegang kepada prinsip-prinsip tidak campurtangan dalam hal ehwal dalam negeri negara-negara lain dan bersahabat dengan mana-mana negara yang ingin bersahabat dengan kita, tanpa mengirakan ideologi. Lebih-lebih lagi Kerajaan Iran telah menegaskan pegangannya kepada dasar-dasar berkecuali dan perpaduan Islam yang juga diamalkan oleh Malaysia.

LEMBAGA KUMPULAN WANG PERPINDAHAN MALAYSIA

43. **Tuan P. Patto** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) jumlah bilangan penduduk Malaysia dari Semenanjung Malaysia yang telah dibawa di bawah Lembaga Tabung Imigresen Malaysia (Malaysian Immigration Fund Board) ke Sabah untuk bekerja di ladang-ladang dan lain-lain tempat sejak Sabah menyertai Malaysia;
- (b) gaji yang dibayar bagi jenis pekerjaan semasa mereka masuk bekerja;
- (c) sama ada benar bahawa di antara mereka yang bekerja di Bal Estate di Tawau, Sabah, ada yang telah dibayar gaji hanya \$3.75 sen sehari pada tahun 1970 dan mereka dibayar gaji hanya \$4.84 sen sehari sekarang, iaitu lapan tahun selepas berkhidmat dengan majikan yang sama, dan jika ya, apakah tindakan Kerajaan telah ambil untuk memastikan pekerja-pekerja di ladang ini dibayar gaji yang lumayan untuk menikmati satu penghidupan yang sempurna memandangkan kos kehidupan di Sabah lebih tinggi daripada Semenanjung Malaysia; dan

(d) dari jumlah yang telah dibawa dari Semenanjung Malaysia untuk bekerja di bawah Lembaga Tabung Imigresen Malaysia sejak rancangan ini dimulakan, berapa orang telah kembali ke Semenanjung Malaysia dan adakah benar bahawa sebab utama mereka kembali ke Semenanjung Malaysia adalah kerana gaji yang kurang dibayar di Sabah.

Dato' Richard Ho Ung Hun:

- (a) Sepanjang yang diketahui tidak ada satu tabung yang dinamakan Lembaga Tabung Imigresen Malaysia, Ahli Yang Berhormat itu mungkin bermaksud Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia (Malaysian Migration Fund Board).

Sejak penubuhan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia pada bulan Ogos, 1966 sehingga 31-12-1978, seramai 6,683 orang pekerja dari Semenanjung Malaysia telah dipindahkan untuk bekerja di ladang-ladang pertanian di Sabah di bawah Rancangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia ini. Berikut diperturunkan bilangan pekerja-pekerja yang dihantar mengikut tahun:

<i>Tahun</i>					<i>Bil. Pekerja</i>
1967	1,069
1968	1,279
1969	736
1970	1,920
1971	720
1972	455
1973	105
1974	59
1975	231
1976	66
1977	22
1978	21
				Jumlah	6,683

- (b) gaji yang ditawarkan adalah berbeza di antara satu pekerjaan dengan lain dan di

antara satu syarikat dan syarikat yang lain.

Mengikut senarai keperluan tenaga pekerja bagi keseluruhan tahun 1978 yang diterima

daripada majikan-majikan yang ingin menggaji pekerja-pekerja pindahan di bawah Rancangan Lembaga Kumpulan Wang Perpindahan Malaysia, gaji-gaji yang ditawarkan bagi jenis-jenis pekerjaan berkaitan adalah seperti berikut:

<i>Nama Majikan</i>	<i>Pekerjaan</i>	<i>Kadar Gaji</i>
1. North Borneo Timber Bhd. Tawau	Pekerja Ladang	\$5.25 sehari
2. Syarikat Kemajuan Sabah Sdn. Bhd. (Sabahpalm Estate, Sandakan)	Penuai/Pegawai Kelapa Sawit	\$5.50 + \$1.00 E.B.K.* (Lelaki)
		\$3.85 + \$1.00 E.B.K.* (Perempuan)
3. Borneo Abacca Ltd. (BAL Estate, Tawau)	Pekerja Ladang	\$4.85 + \$1.00 E.B.K.*
	Penuai Kelapa Sawit	\$6.80 m. ton
4. Mostyn Estate Lahad Datu	Buruh Am	\$4.85 sehari
	Penuai Kelapa Sawit	\$7.60 kadar mengikut metrik
5. Lai Fook Kim Brothers Sandakan	Pengawit	\$5.00 (Lelaki/Perempuan)
	Penuai	\$9.50-\$11.00 bagi tiap-tiap satu ton
6. North Borneo Plantation Sdn. Bhd.	Buruh Am	\$5.00 (Lelaki)
		\$3.00 (Perempuan)
7. Foh Loi Co. Sandakan	Penuai	\$11.00 bagi tiap-tiap satu ton.

*E.B.K. = Elaun Bantuan Khas.

(c) Adalah benar bahawa ada pekerja-pekerja di Ladang BAL Tawau, yang dibayar gaji \$3.75 sen sehari dalam tahun 1970.

Pekerja-pekerja ini adalah pekerja-pekerja am yang dibayar gaji paling rendah kerana tidak mempunyai kemahiran (unskilled general workers). Bagaimanapun pendapatan purata mereka pada masa itu ialah \$152 sebulan, bekerja 25 hari termasuk kerja lebih masa. Mereka itu sekarang dibayar gaji \$4.85 sehari dan ditambah dengan elaun bantuan khas \$1 sehari. Pendapatan purata mereka sekarang ialah \$187 sebulan bekerja 23 hari.

Kadar gaji yang dibayar di ladang BAL Tawau, pada masa ini adalah mengikut perjanjian bersama (collective agreement) di antara BAL Estate Sdn. Berhad, Tawau,

dengan Sabah Plantation Industries Employees Union, yang ditandatangani pada 15-10-1976 dan didaftarkan di Mahkamah Perusahaan. Perjanjian bersama tersebut masih berkuatkuasa lagi.

(d) Setakat ini jumlah mereka yang telah kembali ke Malaysia ialah 3,010.

Kebanyakan daripada pekerja-pekerja yang pulang ke Semenanjung Malaysia selepas tamat bekerja di Sabah adalah kerana sebab-sebab berikut:

(1) Mereka mendapati kos hidup di Sabah lebih tinggi dan mereka tidak dapat menyimpan wang jika terus bekerja di Sabah.

(2) Mereka mendapati bahawa mereka tidak perlu pindah ke Sabah kerana peluang-peluang pekerjaan di ladang-ladang di

Sabah itu juga terdapat di Semenanjung Malaysia, di mana sara hidup jauh lebih murah.

- (3) Harapan mereka untuk menjadi peneroka Rancangan Kemajuan Tanah Negeri Sabah tidak begitu cerah kerana pertandingan dengan pemohon-pemohon tempatan Sabah yang semakin lama semakin ramai bilangannya.

KES-KES RASUAH

44. **Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad** minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) berapa banyakkah kes-kes rasuah yang dibawa ke Mahkamah oleh pihak BSN semenjak Biro itu ditubuhkan;
- (b) berapa ramaikah pegawai-pegawai atau mereka terlibat itu telah menerima hukuman dari Mahkamah dan yang menerima tindakan disiplin sahaja dari pihak BSN. Dan kes-kes yang macam manakah tindakan disiplin sahaja diambil terhadap mereka yang terlibat itu;
- (c) berapa ramaikah Pegawai Penyiasat dan penolong-penolong yang dilantik dalam BSN; dan
- (d) adakah pegawai-pegawai BSN itu sendiri yang terlibat melakukan rasuah. Jika ya, apakah tindakan terhadap pegawai tersebut dan langkah-langkah lain yang memastikan semua pegawai-pegawainya tidak terlibat dalam penyelewengan yang hendak dibasmikannya itu.

Menteri Undang-undang (Dato' Seri Haji Hamzah bin Haji Abu Samah):

- (a) Jawapan kepada bahagian (a) pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu adalah seperti berikut:

Semenjak BSN ditubuhkan pada 1hb September 1973 sebanyak 609 kes rasuah yang disiasat oleh BSN telah dibawa ke Mahkamah. Adalah dimaklumkan bahawa angka-angka ini tidak termasuk kes-kes yang dikendalikan oleh Badan Pencegah Rasuah sebelum penubuhan BSN.

- (b) Bagi menjawab bahagian (b) pertanyaan itu, pegawai-pegawai atau mereka yang telah menerima hukuman dari Mahkamah berkaitan dengan tindakan yang diambil oleh BSN adalah seperti berikut:

Pegawai kerajaan	115
Orang awam	102
Jumlah	217

Tetapi mengenai pertanyaan berkaitan dengan pegawai-pegawai atau mereka yang menerima tindakan disiplin sahaja dari pihak BSN, adalah dimaklumkan bahawa BSN tidak mempunyai kuasa mengambil tindakan tatatertib terhadap sesiapaupun selain daripada kakitangannya sendiri. Walau bagaimanapun BSN, dalam kes-kes tertentu, ada mengemukakan laporan kepada Kementerian-kementerian dan Ketua-ketua Jabatan serta dengan syor supaya tindakan tatatertib diambil oleh Ketua-ketua Jabatan berkenaan. Kes-kes disiplin yang disyorkan itu adalah kes-kes disiplin yang diperuntukkan di dalam Peraturan-peraturan Pegawai-pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Perintah-perintah Am, Bab D) 1969 seperti:

- (i) berkelakuan secara menyebabkan kepentingan persendirian bertentangan dengan kewajipan awam;
- (ii) berkelakuan mencemarkan atau mencacatkan nama baik perkhidmatan awam;
- (iii) kekurangan kecekapan dan keusahaan;
- (iv) tidak jujur;
- (v) berkelakuan secara tidak bertanggungjawab;
- (vi) menjalankan pekerjaan luar;
- (vii) meminjam wang.

Kes-kes yang dilaporkan kepada Kementerian-kementerian dan Ketua-ketua Jabatan untuk tindakan disiplin adalah kes-kes yang tidak dibawa ke Mahkamah setelah disiasat dengan sepenuhnya oleh kerana tidak cukup keterangan yang boleh dibuktikan mengikut kehendak undang-undang untuk mensabitkan kesalahan.

- (c) Bagi menjawab bahagian (c) pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu, ada tiga jenis Pegawai Penyiasat di dalam BSN yang ada sekarang:

Pegawai Penyiasatan (setaraf dengan pangkat Penolong Penguasa Polis ke atas) ..	85 orang
Penolong Pegawai Siasatan (setaraf Inspektor Polis) ..	161 orang
Pembantu Siasatan (setaraf Sarjan Polis)	203 orang
Jumlah ..	449 orang

- (d) Bagi menjawab bahagian (d) pertanyaan itu adalah dimaklumkan bahawa tidak ada pegawai-pegawai BSN sendiri yang terlibat melakukan rasuah. Langkah-langkah yang diambil supaya menjauhkan pegawai-pegawai BSN daripada melakukan rasuah atau penyelewengan ialah:

- (i) mengadakan tindakan disiplin yang kuat dan cara-cara pengelolaan penyiasatan oleh tiap-tiap Ketua Bahagian dan cawangan yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah dan Timbalan Ketua Pengarah;
- (ii) mengadakan pengawasan dan penyeliaan yang rapi ke atas semua pegawai-pegawai BSN;
- (iii) menjalankan kajian dan semakan ke atas semua kertas-kertas siasatan oleh pegawai-pegawai turus, yang mana keputusan muktamad dibuat oleh Ketua Pengarah sendiri;
- (iv) pegawai-pegawai setiap masa diingatkan atas tanggungjawab mereka dan menjaga nama baik pertubuhan BSN keseluruhannya.

PENJAJA-PENJAJA DI KUALA LUMPUR

45. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan:

- (i) adakah Kementerian beliau akan merumuskan suatu dasar bertujuan mem-

bantu penjaja-penjaja yang tidak mempunyai lesen di Kuala Lumpur untuk mendapat lesen;

- (ii) berapa orangkah penjaja-penjaja dan peniaga-peniaga kecil di Kuala Lumpur telah hingga kini diberi lesen dan lebih kurang berapa orangkah yang masih tidak berlesen;
- (iii) apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk membantu penjaja-penjaja dengan cara membaiki kemudahan asas mereka dan membantu mereka hidup lebih senang;
- (iv) adakah Kementerian beliau akan mengarah Dewan Bandaraya memberhentikan gangguan ke atas penjaja-penjaja di bandaraya sehingga pada waktu bilamana tempat-tempat yang sesuai dapat di cari untuk menempatkan mereka;
- (v) adakah hasrat Kerajaan mengadakan perbincangan yang kerap dengan Per-satuan-persatuan Penjaja bagi menyelesaikan masalah-masalah penjaja di bandaraya; dan
- (vi) bilakah Jawatankuasa Penasihat Penjaja-penjaja Dewan Bandaraya akan digerak semula untuk menyelesaikan dan membincangkan masalah-masalah penjaja di bandaraya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn):

- (i) Suatu dasar yang bertujuan untuk membantu penjaja-penjaja yang tidak mempunyai lesen di Kuala Lumpur untuk mendapatkan lesen tidak perlu dibuat oleh kerana masalah penjaja secara keseluruhannya tidak dapat diatasi dengan hanya mengeluarkan lesen-lesen sahaja kepada mereka yang tidak mempunyai lesen. Pada asasnya, sesuatu lesen penjaja itu hanya boleh dikeluarkan jika tempat atau kawasan penajaan yang berkenaan itu boleh dibenarkan untuk tujuan yang berkenaan.
- (ii) Bilangan penjaja yang berlesen sehingga 31-12-78 ialah sebanyak 13,028 orang dan dianggarkan seramai 2,350 orang lagi tanpa lesen.

(iii) Pentadbiran ini mempunyai dasar yang agak liberal terhadap penjaja. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita pentadbiran ini juga membantu dan memperbaiki lagi mutu penjajaan itu sendiri dan dengan yang demikian secara tidak langsung meninggikan lagi taraf hidup mereka yang berkenaan melalui berbagai-bagai cara seperti:

- (1) Pembinaan gerai-gerai (berkunci dan terbuka) di tempat-tempat yang boleh diluluskan.
- (2) Menggunakan padang-padang letak kereta atau tempat-tempat lapang sebelah malam.
- (3) Menggunakan lorong-lorong/jalan-jalan tertentu sama ada secara tetap ataupun di sebelah malam sahaja.
- (4) Di pasar-pasar harian ataupun kawasan yang berhampiran dengan pasar.
- (5) Pembinaan kompleks-komplek bagi menempatkan lebih ramai lagi penjaja-penjaja dan juga peniaga-peniaga kecil dari berbagai jenis perniagaan.

Selain daripada itu, tapak-tapak penjaja sentiasa diawasi dan diselenggarakan agar ianya berada di dalam keadaan yang memuaskan dan pada kebanyakan tempat-tempat tersebut kemudahan bekalan air adalah disediakan dengan percuma walaupun pentadbiran ini sedar bahawa kerap kali kemudahan tersebut di salah gunakan.

(iv) Pentadbiran ini berpendapat bahawa penjaja-penjaja tetap mempunyai fungsi serta tempat dalam masyarakat Ibukota Kuala Lumpur. Tetapi, kegiatan haruslah dijalankan dengan lebih teratur dan terkawal. Apa-apa tindakan yang dilakukan sehingga sekarang ke atas penjaja-penjaja adalah sebenarnya merupakan usaha-usaha kawalan biasa dan juga penguatkuasaan undang-undang. Tanpa kawalan yang rapi dan penguatkuasaan undang-undang, maka besar kemungkinan keadaan penjaja di sekitar Ibukota

akan menjadi buruk sehingga tidak terkawal nanti.

Sementara itu Dewan Bandaraya telah dan sedang mengambil berbagai-bagai langkah bagi menempatkan penjaja-penjaja yang berkenaan dengan cara yang lebih tetap dan sesuai lagi tanpa menimbulkan kesulitan-kesulitan lain seperti menghalang lalulintas dan sebagainya.

- (v) Perbincangan dua hala di antara Kerajaan dan Persatuan-persatuan Penjaja secara berasingan untuk menyelesaikan masalah penjaja adalah tidak perlu lagi memandangkan yang Persatuan-persatuan tersebut ada mempunyai wakil-wakil di dalam Jawatankuasa Penasihat Penjaja Dewan Bandaraya. Namun demikian, dialog di antara Persatuan-persatuan Penjaja dari kawasan tertentu sentiasa diadakan bagi menyelesaikan ataupun melicinkan lagi issue-issue yang timbul pada peringkat pegawai.
- (vi) Jawatankuasa Penasihat Penjaja Dewan Bandaraya akan bermesyuarat tidak lama lagi setelah beberapa orang ahli Lembaga Penasihat yang baru dilantik itu dipilih menganggotai Jawatankuasa tersebut.

USUL

PERTIKAIAN SYARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DENGAN KESATUAN PEKERJA PENERBANGAN (AEU)

3.36 ptg.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn):
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin membentangkan satu usul di Dewan yang mulia ini untuk dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada hari ini. Usul saya itu adalah seperti berikut:

Bahawa Dewan ini—

- (i) mengambil perhatian berat di atas perkembangan yang telah berlaku akibat pertikaian Syarikat Penerbangan Malaysia (Malaysian Airline System—MAS) dengan Kesatuan Pekerja Penerbangan (Airlines Employee Union—AEU);

- (ii) memandang berat di atas tindakan kesatuan-kesatuan sekerja dan gabungan-gabungan kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa yang telah campurtangan dalam pertikaian domestik antara MAS—AEU;
- (iii) menyokong segala tindakan Kerajaan dalam usaha untuk memelihara dan memajukan MAS sebagai sebuah perkhidmatan udara Nasional termasuk mengujudkan suasana yang sesuai bagi membolehkan pihak pekerja dan pihak pengurusan MAS menyambung semula perundingan perjanjian bersama mereka;
- (iv) menyesali serta mengecam segala campurtangan pihak kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa di dalam urusan dalam negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, pada 15hb Februari, 1979 saya telah membuat satu kenyataan melalui Radio dan Televisyen Malaysia mengenai pertikaian perusahaan di antara Pengurusan MAS dan Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan iaitu AEU. Di dalam kenyataan itu, saya telah menekankan dua perkara. Pertama, Kerajaan hendak mewujudkan keadaan dan suasana yang sesuai bagi membolehkan pihak pekerja dan pengurusan MAS menyambung semula perundingan mereka. Kedua, Kerajaan memandang berat campurtangan oleh mana-mana pertubuhan asing di dalam hal-ehwal negara ini. Saya akan menghuraikan kedua-dua perkara ini di dalam kenyataan saya pada hari ini. Saya juga hendak menerangkan dengan panjang lebar latar belakang terhadap pertikaian ini serta tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan.

Perjanjian Bersama (Collective Agreement) di antara MAS dengan AEU bagi tempoh 3 tahun telah tamat pada 31hb Mei, 1978. AEU mengemukakan cadangan barunya pada 14hb Julai, 1978. Perbincangan di antara kedua belah pihak bermula pada 13hb September, 1978. AEU membuat tuntutan kenaikan 80 peratus gaji dan 314 peratus elaun-elaun. Kenaikan gaji sahaja melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$16 juta dan perbelanjaan elaun-elaun melibatkan tambahan perbelanjaan sebanyak \$32.4 juta lagi. Tetapi

kemudiannya, selepas beberapa perbincangan, AEU telah menurunkan kadar tuntutan gaji kepada 40 peratus, sementara tuntutan elaun-elaun tetap tidak berganjak. Di perbincangan terakhir pada 28hb November, 1978 MAS telah membuat tawaran kenaikan sebanyak 6.8 peratus. Kesatuan menolak tawaran ini, dan sebagai bantahan sebilangan pekerja-pekerja mula bertindak sendiri dengan bekerja mengikut peraturan (work to rule) mulai 5hb Disember 1978 khususnya di bahagian-bahagian Kabin dan Trafik. Akibatnya adalah buruk. Seramai 1,165 orang pekerja telah terlibat yang mana seramai 874 orang adalah ahli AEU. AEU mempunyai ahli seramai 3,700 orang. Dari jumlah ini seramai 3,443 adalah pekerja-pekerja MAS.

Sebaik sahaja Syarikat MAS melaporkan kejadian itu pada 9hb Disember, 1978, Jabatan Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, terus bertindak untuk menyelesaikan pertikaian itu, tetapi tidak berhasil kerana tawaran MAS yang telah dinaikkan di antara 4 peratus hingga 16 peratus mengikut kategori-kategori pekerja telah juga ditolak oleh AEU. Pekerja-pekerja MAS terus melanjutkan tindakan perusahaan yang tidak mengikut undang-undang itu.

Walau bagaimanapun, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah dapat memberhentikan tindakan haram itu. selepas menemui Yang di-Pertua dan beberapa pegawai AEU bersama-sama penasihat undang-undang mereka. Pada 13hb Disember 1978 Kesatuan menjelaskan bahawa tindakan ahli-ahlinya itu bukanlah dianjurkan oleh Kesatuan. Menteri menyarankan supaya rundingan damai (conciliation) diadakan bagi mengatasi pertikaian ini dan meminta AEU menasihatkan ahli-ahlinya supaya menghentikan tindakan perusahaan yang tidak mengikut undang-undang itu. Kesatuan telah berjaya menasihatkan ahli-ahlinya yang terlibat dan tindakan yang tidak mengikut undang-undang itu telah diberhentikan pada hari itu juga.

Tuan Yang di-Pertua, pada 18hb Disember 1978 Jabatan Hal Ehwal Perhubungan Perusahaan telah menetapkan supaya perundingan damai dimulakan pada 3hb Januari, 1979. Rundingan telah berjalan selama 3 hari berturut-turut dan hasil perundingan di

antara kedua-dua pihak itu (Syarikat MAS dan AEU) di bawah anjuran Jabatan tersebut, adalah cerah, yakni daripada 27 perkara yang telah dirundingkan itu 17 telah dapat dipersetujui. Ini amatlah menggalakkan dan rundingan itu perlu diteruskan hingga mencapai penyelesaian yang menyeluruh. Oleh itu rundingan telah dijadualkan bersambung semula pada 9hb Januari, 1979.

Sementara itu, pada 20hb Disember, 1978, AEU telah memberi jawapan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja menjelaskan bahawa kesatuannya tidak terlibat dalam tindakan haram itu, hanya sebilangan ahli-ahlinya sahaja yang enggan bekerja lebih masa (overtime). Pada 3hb Januari, 1979 Syarikat MAS telah mengemukakan satu senarai lengkap dengan pengesahan bahawa seramai 1,165 pekerja-pekerja MAS telah terlibat, dan di antaranya ialah 874 ahli AEU.

Pendaftar telah berpuas hati bahawa ahli-ahli yang terlibat itu telah melanggar undang-undang mengikut seksyen 26 (3) Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959. Pada 8hb Januari, 1979 Pendaftar telah mengarahkan AEU supaya 874 ahlinya yang telah terlibat dalam tindakan perusahaan haram dari 5hb hingga 13hb Disember, 1978 dipotongkan nama-nama mereka dari daftar Kesatuan mulai hari itu juga. Berikut dengan tindakan Pendaftar itu, pihak AEU telah menggantungkan rundingannya dengan pihak MAS yang telah dijadualkan bersambung pada 9hb Januari, 1979, sebagai bantahan terhadap tindakan Pendaftar itu. Tindakan perusahaan haram (illegal-go-slow) sekali lagi dilancarkan oleh pekerja-pekerja MAS pada 9hb Januari, 1979.

Memandangkan perkembangan yang tidak sihat semenjak "illegal-go-slow" itu dilancarkan dan keadaan kucar-kacir timbul, khususnya di Lapanganterbang Antarabangsa Subang, Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah menjemput kesemua ahli EXCO AEU menemuinya pada 24hb Januari, 1979 untuk menerangkan dengan jelasnya akibat-akibat "illegal-go-slow" itu serta mendengar sebarang penerangan yang ingin diutarakan oleh pihak AEU.

Pihak AEU pula mendesak bahawa mereka tidak akan menyertai sebarang rundingan damai selagi tindakan perintah memotong nama 874 ahli-ahlinya dan juga penganjuran kerja beberapa pekerja MAS oleh

Syarikat MAS, tidak ditarik balik. Menteri telah menegaskan dengan jelasnya bahawa issue untuk mendapat gaji dan syarat-syarat pekerjaan yang lebih baik di bawah perjanjian bersama yang sedang dirundingkan di antara pihak Syarikat MAS dan AEU itu adalah satu issue yang berasingan, yakni tidak sekali-kali boleh disatukan dengan issue-issue untuk mengembalikan (restore) ahli-ahli yang telah dipotongkan nama dari daftar Kesatuan mereka itu, dan penggantungkan kerja beberapa ahli mereka oleh Syarikat MAS.

Tindakan "illegal go-slow" itu tidak kelihatan reda, malah semakin menjadi-jadi. Kegiatan-kegiatan menentang Undang-undang dengan cara "illegal-go-slow" yang menjadi semakin berat dari sehari ke sehari itu, menunjukkan sikap dan pendirian AEU yang negatif. Pada mulanya AEU mengakui bahawa sebilangan daripada ahli-ahlinya telah melancar "illegal-go-slow" tanpa anjuran Kesatuan, dan kemudian beralih pula dengan menyangkal bahawa ahli-ahlinya ada melakukan demikian.

Tuan Yang di-Pertua, sementara itu, Pendaftar Kesatuan Pekerja, setelah mengkaji latarbelakang di atas tektik AEU serta setelah mengikut perkembangan-perkembangan yang berlaku sejak 9hb Januari, telah pula mengambil tindakan pada 27hb Januari, 1979 dengan mengeluarkan notis kepada AEU, memintanya mengemukakan sebab-sebab mengapa pendaftaran Kesatuannya tidak sepatutnya dibatalkan atau ditarik balik.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat telah juga mengeluarkan Perintah kepada AEU melarang Kesatuan itu menjalankan kegiatannya selain daripada menjawab notis "show cause" itu dan telah memerintahkan pembekuan akaun bank AEU. Semua tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan itu adalah mengikut Undang-undang tertentu, dan Undang-undang itu juga memberi peluang dan masa bagi pihak-pihak yang terlibat membela diri.

Walau bagaimanapun tindakan perusahaan secara "illegal-go-slow" itu berterusan dan merebak kepada hampir semua bahagian perkhidmatan MAS.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, segala tindak-tanduk yang dilakukan oleh ahli-ahli AEU itu, diketahui dan digalakkan oleh

ahli-ahli Exco AEU. Tindakan menjalankan kerja lambat dan sambil lewa dan angkara-angka lain, memang sengaja diada-adakan, membuktikan tektik AEU yang sebenarnya diamalkan setiap kali perundingan seperti ini diadakan. Tindak-tanduk itu termasuklah keengganan membuat kerja-kerja lebih masa (overtime) mengarahkan ahli-ahli menggunakan kenderaan syarikat untuk datang bekerja dari rumah, dan oleh kerana kenderaan syarikat tidak mencukupi untuk menyediakan kemudahan tersebut kepada semua pekerja, sebilangan daripada mereka sengaja datang bekerja lewat masa. Jika pengurusan mengambil tindakan, AEU akan mengambil tindakan balasnya. Pekerja-pekerja yang mengendalikan pengangkutan barang-barang, mengisi minyak, dan memeriksa pesawat kapalterbang, menggunakan cara yang lain pula bagi melambatkan gerakan kapalterbang, seperti merosakkan kereta-kereta trolley, atau membocorkan tayar-tayar. Tetapi, mengusik dan merosakkan sesuatu alat penting pesawat kapalterbang adalah satu perkara yang serius, yang tidak boleh samasekali dibiarkan berlaku. Ia membahayakan keselamatan penumpang-penumpang.

Tuan Yang di-Pertua, kemalangan kapalterbang Boeing 737 MAS di Tanjung Kupang, yang telah mengorbankan 100 nyawa, masih belum lagi luput dalam ingatan kita semua. Kerajaan tidak rela dan tidak mahukan kemalangan seperti ini terjadi lagi, akibat perbuatan yang tidak diingini dan yang tidak bertanggungjawab, yang dilakukan oleh pekerja-pekerja MAS sendiri. Itulah sebabnya bagi mengelakkan angkara yang buruk seperti itu terus berlaku, dan bagi menjamin keselamatan penumpang-penumpang, serta menjaga nama baik dan kepentingan MAS dan lain-lain, maka, Tuan Yang di-Pertua, sebagai badan yang bertanggungjawab, AEU telah gagal mengawal dan menahan ahli-ahlinya yang telah bertindak secara berasingan itu, ataupun sebaliknya AEU telah, dengan sengaja, membiarkan ahli-ahlinya melancarkan "illegal go-slow" itu. Dalam keadaan ini nampaknya AEU telah tidak lagi berupaya bergerak sebagai satu badan yang sihat dan bertanggungjawab yang dikehendaki demi kepentingan orangramai khususnya, dan negara amnya. Bagi mengatasi keadaan demikian satu tindakan

tegas telah diambil supaya keadaan yang meruncing itu tidak merebak dan tidak menjadi lebih buruk lagi.

Dalam pada itu terdapat pula campurtangan oleh pihak-pihak tertentu. AEU telah mendapat sokongan moral daripada 4 Kesatuan Sekerja dari Pelabuhan Kelang, iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Pelabuhan, Kesatuan Kakitangan Lembaga Pelabuhan, Senior Officers' Association, Lembaga Pelabuhan (PASU) dan Union of Employees of Port Ancillary Services Suppliers, Pelabuhan Kelang. Sokongan itu berupa desakan bersama oleh keempat-empat Kesatuan itu. Desakan itu adalah berbunyi bahawa:

- (a) Pembuangan dan penggantungan kerja terhadap pekerja-pekerja MAS itu hendaklah ditarik balik dengan sertamerta; dan
- (b) Notis "show cause", pembekuan akaun bank dan pemotongan nama 874 ahli-ahli AEU itu hendaklah juga ditarik balik dengan sertamerta.

Desakan bersama itu terkandung dalam surat mereka bertarikh 13hb Februari, 1979 kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan Menteri Pengangkutan di mana mereka telah memberi "ultimatum" bahawa perkara-perkara yang didesakkan itu hendaklah ditunaikan dalam tempoh 48 jam dari tarikh surat mereka itu. Jika tidak, sebagai bantahan, mereka akan bersama melancarkan satu tindakan perusahaan pada 15hb Februari, 1979.

Pendaftar Kesatuan Sekerja telah menarik perhatian keempat-empat Kesatuan itu bahawa mengikut kehendak Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, adalah salah bagi mereka menubuhkan satu Jawatankuasa bertindak tanpa memperolehi kebenarannya terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan di dalam kenyataan saya pada 15hb Februari, 1979 sebuah pertubuhan asing iaitu ITF (International Transport Workers Federation) telah campurtangan dalam pertikaian perusahaan MAS—AEU dan mengerohkan lagi kedudukan. Campurtangan ini ialah melalui wakilnya bagi Asia Encik Donald Uren, iaitu seorang pemimpin Kesatuan Sekerja yang terkenal kerana peranannya mengetuai tindakan perusahaan

Kesatuan Sekerja Keretapi Tanah Melayu pada tahun 1962. Pada 15hb Januari, 1979, Donald Uren telah menulis kepada Harold Lewis, Setiausaha Agung ITF, melaporkan kepadanya mengenai pertikaian MAS—AEU serta mengesyorkan supaya ITF mengarahkan badan-badan gabungannya memulaukan pesawat MAS di peringkat antarabangsa dan mengambil tindakan desakan yang lain.

Tujuan Donald Uren pada awal-awal lagi adalah bagi merebakkan pertikaian perusahaan MAS—AEU ke peringkat antarabangsa dengan mengheret ITF untuk campurtangan dalam suatu pertikaian tempatan. Donald Uren telah memberitahu pegawai-pegawai AEU bahawa dengan penglibatan ITF, AEU tidak akan gagal. Katanya, pesawat MAS boleh bertolak dari negara ini tetapi ia terpaksa mendarat dan pada masa itu ITF akan bertindak. Donald Uren dalam pertemuan-pertemuannya dengan bangga menghebahkan kejayaan ITF menundukkan beberapa kerajaan. ITF katanya, berkuasa untuk memperjuangkan kepentingan ahli-ahlinya kerana ia mempunyai 7 juta ahli-ahli di 84 buah negara.

Donald Uren juga bertujuan pada awal-awal lagi bagi merebakkan pertikaian perusahaan MAS—AEU dengan melibatkan Kesatuan-kesatuan Sekerja yang lain di dalam negara kita ini. Uren pernah menyuarakan pendapatnya bahawa pertikaian MAS—AEU masih lagi berada di peringkat pertempuran kecil dan peperangan belum lagi bermula. Katanya "this is only a skirmish, the war is yet to begin". Berikutan dari laporannya kepada ITF pada 6hb Februari, 1979, ITF telah mengeluarkan arahan kepada badan-badan gabungannya untuk mengambil tindakan terhadap MAS. Pada 12hb Februari, 1979 Donald Uren telah menganjurkan perjumpaan dengan empat kesatuan dari Pelabuhan Kelang dengan tujuan untuk mengaturkan tindakan. Donald Uren telah memberi nasihat dan ia sendiri telah menyusun memorandum ultimatum kepada Kerajaan yang ditan-datangani oleh keempat-empat kesatuan tersebut. Donald Uren juga telah cuba berhubung dengan Kesatuan-kesatuan Keretapi Tanah Melayu, Lembaga Letrik Negara dan General Transport Workers' Union untuk mendapatkan sokongan dan penglibatan mereka di dalam pertikaian MAS—AEU.

Semenjak 8hb Januari, 1979, Donald Uren telah mengadakan pertemuan dengan Exco AEU tidak kurang dari tujuh kali. Dalam pertemuan-pertemuan itulah tindakan menentang MAS disusun. Ia telah menggalakkan tindakan bagi melumpuhkan perkhidmatan MAS. Di antara tindakan itu ialah keputusan menyeru supaya pekerja Bahagian Engineering membawa balik alat-alat kerja mereka. Ia menggalakkan juga Cabin Crew menggunakan toha dan bekerja selama 8 jam sehari sahaja. Tambahan pula, ini bukanlah kali pertama Donald Uren melakukan perbuatan hasutan. Dalam pertikaian MAS—AEU pada tahun 1975 Donald Uren juga telah menjadi batu api. Ia telah menganjurkan supaya Cabin Crew menggunakan toha dengan tujuan mengumpan pihak MAS mengambil tindakan disiplin terhadap mereka yang terlibat. Ia tahu bahawa tindakan pihak pengurusan MAS akan mengakibatkan kekurangan tenaga kerja untuk MAS terus berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, Harold Lewis pula telah menyatakan bahawa ITF perlu dan berhak memberi nasihat kepada badan gabungannya. Harold Lewis juga telah menyatakan bahawa tindakan Donald Uren adalah tindakan yang sah sebagai seorang wakil dan pegawai ITF. Tindakan Donald Uren sebenarnya bukanlah merupakan nasihat yang membina. Sebaliknya ia berupa hasutan yang bertujuan memburukkan lagi keadaan.

Sepertimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi, bahawa Donald Uren pada awal-awal lagi bertujuan merebakkan pertikaian perusahaan MAS—AEU di dalam dan luar negeri. Kiranya tindakan-tindakannya itu berjaya, akibat daripada penglibatan ITF dan badan-badan gabungannya di dalam negeri, maka perkhidmatan perlu di negara ini akan terjejas dan ini semestinya akan melumpuhkan ekonomi negara kita.

Pada 14hb Februari, Johann Hauf, Penolong Setiausaha Agong ITF yang telah diberi pas sebagai pelancung melawat Pulau Pinang telah juga melemparkan ugutan meminta badan gabungan ITF untuk memulau pesawat MAS tanpa menyiasat bahawa tindakan yang dijalankan oleh AEU adalah melanggar Undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, selain dari pegawai-pegawai ITF ini, beberapa orang Ahli Exco AEU dan pekerja-pekerja turut sama memainkan peranan sebagai penghasut dalam pertikaian ini. Keadaan bertambah kucar-kacir. Kerana hasutan itu, maka berlaku kejadian sabotaj ke atas pesawat MAS. Memandang kepada perkembangan ini dan tindakan untuk melibatkan kesatuan-kesatuan sekerja lain dalam pertikaian ini, maka saya telah mengambil keputusan membuat kenyataan pada 15hb Februari 1979 dan pihak Polis telah diarah bertindak untuk menangkap 22 orang pegawai dan ahli-ahli AEU dan juga Donald Uren yang diketahui terlibat dalam perbuatan menghasut.

Alhamdulillah, tindakan tegas oleh Kerajaan telah dapat mententeramkan keadaan dan mengelak tercetusnya rusuhan di antara pihak-pihak yang berbalah.

Tuan Yang di-Pertua, adalah hasrat dan tujuan Kerajaan hendak menyelesaikan masalah pertikaian di antara pekerja-pekerja MAS dengan pentadbiran MAS dengan seberapa segera. Oleh kerana keadaan telah-pun reda sedikit, kemungkinan mencapai matlamat ini adalah cerah.

Pada 28hb Februari, 1979 AEU telah menjawab notis "show cause" dan jawapan itu sedang diteliti oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Kerajaan sedar memang terdapat beberapa kelemahan dalam pentadbiran MAS. Sebagaimana kita sedia maklum MAS telah berkembang dengan begitu pesat sejak ia ditubuhkan pada tahun 1971. Tenaga Lembaga Pengurusan MAS telah ditumpukan kepada perkembangan syarikat. Consolidasi pentadbiran telah tertinggal. Usaha-usaha sudahpun dijalankan untuk memperbaiki dan memperkukuhkan pentadbiran MAS. Usaha-usaha ini akan dipergiatkan dan satu usaha menyusun semula pentadbiran MAS akan dilaksanakan selepas kajian-kajian mendalam selesai dikendalikan.

Tuan Yang di-Pertua, pertikaian di antara AEU dan MAS adalah masalah perhubungan perusahaan biasa di antara majikan dan pekerja. Usaha-usaha menyelesaikan pertikaian itu hendaklah dijalankan mengikut Undang-undang dan amalan di negeri ini. MAS adalah Syarikat milik Kerajaan. Kerajaan sedar di atas tanggungjawab

terhadap MAS, pekerja-pekerja MAS dan kepentingan negara. Sebagaimana dengan pekerja-pekerjanya yang lain, Kerajaan akan memberi keadilan kepada tuntutan-tuntutan yang dikemukakan oleh pekerja-pekerja MAS.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan amat kesal di atas kelakuan dan tindakan yang telah dilakukan oleh sebilangan pekerja-pekerja MAS yang terpengaruh dengan hasutan-hasutan untuk memusnahkan MAS. Mereka itu adalah terdiri dari warganegara kita sendiri. Pada hal semasa perpecahan syarikat penerbangan perkongsian Malaysia dan Singapura (MSA) dalam tahun 1971, pada masa itu MAS yang baru memulakan perkhidmatannya masih kecil dan muda lagi, Kerajaan telah mengarahkan supaya MAS mengambil semua warganegara Malaysia yang berkhidmat dengan MSA, yang telah menawarkan diri dan sanggup bekerja dengan syarikat MAS, sekalipun bilangan mereka melebihi pekerja-pekerja yang diperlukan oleh MAS pada ketika itu. Kerajaan pada masa itu menganggap bahawa mereka itu, tidak akan merosakkan nama baik MAS dan berkhidmat dengan penuh semangat dedikasi dalam syarikat ibundanya sendiri. Sebagai warganegara mereka janganlah semata-mata mementingkan diri sendiri tetapi hendaklah meletakkan kepentingan negara di atas kepentingan diri.

Tetapi yang sedihnya, Tuan Yang di-Pertua, setelah bertapak dan diberi latihan serta menerima layanan baik dan menikmati kemudahan-kemudahan, mereka telah sanggup melakukan perbuatan buruk dan pengkhianatan dan penganiayaan. Saya merasa amat sedih kerana jasanya kita itu telah tidak dihargai sama sekali.

Mereka telah terpengaruh dengan hasutan-hasutan pemimpin-pemimpin kesatuan AEU dan gabongannya ITF dengan tidak sedikit pun menaruh serta memikirkan kepentingan negaranya sendiri. Mereka sanggup ber-subahat dengan orang-orang yang tidak mempunyai kepentingan dengan negara ini dan yang mempunyai matlamat dan tujuan hendak menghancurkan dan memusnahkan negara kita ini.

MAS menghadapi persaingan yang hebat dan mengalami keuntungan yang turun naik. Syarikat MAS memerlukan wang untuk menggantikan kapal terbang-kapal terbang yang lama. Ia memerlukan wang bagi

membiaiyai perbelanjaan urusan yang semakin meningkat. MAS juga perlu dibesarkan dan berkembang bagi memperluaskan perkhidmatannya. Dengan jalan ini, lebih ramai lagi rakyat jelata, terutama belia-belia, dapat bekerja dengan MAS. Oleh itu, pekerja-pekerja MAS hendaklah bertimbangrasa dan mestilah mengemukakan tuntutan-tuntutan yang berpatutan dan munasabah supaya MAS dapat terus berkembang dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, tindakan yang diambil oleh Donald Uren dan ITF menyokong perbuatan haram di sisi Undang-undang negeri ini adalah satu perbuatan yang kita tidak dapat terima. Ini adalah satu prinsip yang besar yang kita tidak boleh kompromi.

Sekarang ini ITF cuba menutupkan kesalahannya dengan satu kempen memburuk-burukkan imej negara kita di kalangan antarabangsa terhadap tindakan menangkap dan menahan beberapa orang yang terlibat. Kepada kesatuan negara-negara gabungannya ITF telah berdakwah bahawa Malaysia telah menangkap bukan 23, tetapi beratus-ratus (hundreds) pemimpin kesatuan sekerja. Setiausaha Agungnya, Harold Lewis, dalam pertemuannya dengan pegawai-pegawai Suruhanjaya Tinggi kita di London bukan sahaja telah mencerca tindakan kita serta mengeluarkan kata-kata yang buruk terhadap Kerajaan, bahkan telah mengeluarkan ugutan-ugutan bahawa ITF akan mengambil tindakan memulaukan pengendalian kapal-terbang-kapalterbang MAS di mana-mana juga MAS menjalankan perkhidmatannya. Ia melahirkan pandangan ITF bahawa sikap kita mengusir keluar Johann Hauf dan penahanan Donald Uren, adalah sama dengan tindakan diktator Latin Amerika. Dalam bahasa Inggerisnya, he likes our attitude to that of some Latin America Dictatorship.

Harold Lewis juga mengirim telegram kepada kesatuan-kesatuan besar gabungannya di Amerika Syarikat supaya mereka juga mempelupori segala dayausaha dalam semua bidang bagi menekan negara kita, termasuklah membuat bantahan yang keras, menentang cadangan kita untuk mendapatkan hak mendarat bagi kapal-kapalterbang MAS di Amerika Syarikat, dan juga memulaukan pengendalian barang-barangan Malaysia di pelabuhan-pelabuhan di Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya, ITF berlagak sebagai sebuah badan yang berkuasa, lebih daripada mana-mana Kerajaan yang mempunyai mandat dari rakyat. ITF kononnya memperjuangkan hak manusia dan kesatuan sekerja. Di dalam perjuangannya itu, ITF tidak langsung menghiraukan keadaan politik dan ekonomi sesebuah negara itu. Peranannya, di sebalik usaha menyokong tuntutan-tuntutan kesatuan yang bergabung dengannya, ialah mengugut, menekan dan memblackmail Kerajaan-kerajaan yang sah terutama negara-negara yang kecil dan yang sedang membangun memaksa mereka itu tunduk dan turut kepada desakan gabungannya. (*Tepuk*)

Dengan beribu pejabat di London, ITF telah menetapkan dasar-dasar luar negerinya sendiri serta mengeluarkan arahan-arahan kepada semua kesatuan-kesatuan gabungannya mengambil tindakan terhadap sesuatu majikan atau sesebuah Kerajaan supaya sentiasa tunduk dan turut kepadanya. Pada hemat saya ITF ialah sebuah Pertubuhan Dictator berbentuk baru (*Tepuk*) iaitu sama seperti sebuah kuasa imperialis corak baru (*Tepuk*) yang matlamat akhirnya, hendak memusnahkan ekonomi negara-negara yang tidak tunduk dan tidak turut kepadanya. Malaysia sekarang ini adalah sebuah negara yang menjadi mengsa ITF kerana Malaysia tidak sekali-kali hendak tunduk dan menjadi hamba abdi kepada ITF (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, akibat dari arahan ITF kepada kesatuan gabungannya di Australia supaya memulaukan pesawat DC-10 MAS, kapalterbang kita itu telah dirampas dan ditahan oleh pekerja-pekerja lapanganterbang Sydney, walaupun pada mulanya MAS telah diberi jaminan oleh pihak kesatuan tersebut bahawa kapalterbang MAS itu boleh mendarat dan boleh dibenarkan berlepas balik dari Sydney. Pada 16hb Mac, 1979, Harold Lewis, Setiausaha Agong ITF—atau patut saya panggil “Emperor Harold Lewis” (*Ketawa*)—telah mengeluarkan arahan kepada kesatuan sekerja Australia itu supaya membebaskan serta membenarkan kapalterbang MAS bertolak balik ke Kuala Lumpur walaupun arahan itu bertentangan dengan kehendaknya. Arahannya itu telah tidak dihirau dan diendahkan oleh pekerja-pekerja Australia itu. Ini jelas menunjukkan bahawa ITF tidak bertanggungjawab. ITF boleh menimbulkan kekacauan, tetapi tidak berupaya untuk memulihkan keadaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kudrat Tuhan dan usaha yang bersungguh-sungguh oleh Kerajaan Australia, kapalterbang DC-10 MAS di Sydney itu telah dapat dibebaskan dan pesawat tersebut talahpun selamat tiba di Lapanganterbang Subang pada awal pagi, hari Ahad. Saya sukalah mengambil peluang merakamkan di Dewan yang mulia ini, ucapan berbilang terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan Kerajaan Malaysia kepada Kerajaan Australia di atas usahanya itu (*Tepuk*). Usaha Kerajaan Australia melibatkan perkhidmatan Angkatan Tentera Udaranya merupakan satu pengorbanan yang berani yang disanjung tinggi oleh Kerajaan dan rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun telah berlaku, Kerajaan Australia tetap telah berjaya menunaikan tanggungjawabnya. Tetapi, ITF yang sombong dan bongkak itu, telah gagal mempengaruhi kesatuan gabungannya sendiri. Peranan yang telah dimainkan oleh Kerajaan Australia itu sudah tentu akan meningkatkan lagi perhubungan baik, yang memang sentiasa sedia wujud, di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Australia serta mengeratkan lagi hubungan persahabatan dan persefahaman di kalangan rakyat kedua-dua negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, penyiasatan lanjut terhadap orang-orang yang sedang ditahan kerana penglibatan mereka dalam pertikaian MAS—AEU akan dijalankan. Tindakan undang-undang selanjutnya akan diambil terhadap mereka.

Kerajaan memang sentiasa mengambil tindakan mengikut undang-undang, sama ada di bawah undang-undang buruh, undang-undang perhubungan perusahaan, undang-undang ketenteraman awam ataupun undang-undang Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Setiap rakyat dan penduduk mestilah sentiasa patuh serta pada setiap masa menjunjung tinggi kepada undang-undang yang dikuatkuasakan dalam negeri ini.

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, kita harus menumpukan segala usaha dan kegiatan kita kepada perkembangan ekonomi negara. Kita tidak semestinya mengikut sikap konfrantasi di antara pekerja dan majikan yang diamalkan di negara-negara Barat. Sikap konfrantasi di negara-negara Barat itu tidak boleh diamalkan di negara kita, dan jika diamalkan juga akibatnya ialah bukan sahaja

kemerosotan pembangunan negara, bahkan kehancuran dan kemusnahan negara kita sendiri.

Saya menggesa pekerja-pekerja dan majikan di negara ini supaya benar-benar memahami hakikat ini dan hendaklah sentiasa mewujudkan suasana ketenteraman dalam bidang perhubungan perusahaan. Dengan redanya pertikaian MAS—AEU ini serta pulihnya keadaan dan suasana persefahaman, saya penuh yakin pekerja-pekerja dan pengurusan MAS bolehlah menyambung semula rundingan perjanjian bersama mereka itu. Saya harap semua pihak akan dapat bekerjasama dalam usaha Kerajaan untuk memelihara dan memajukan MAS supaya ia boleh menjadi sebuah perkhidmatan udara Nasional yang besar dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, walaupun pada hari semalam saya telah menyatakan bahawa usul mengenai Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga itu dibahaskan pada hari ini, iaitu lepas daripada usul yang ada di hadapan Majlis ini, tetapi kiranya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbincangan usul yang ada sekarang ini bolehlah perbincangan atau perbincangan pada usul yang pada hari semalam itu ditangguh kepada esok. Sekiranya ramai juga lagi yang hendak bercakap dan kiranya hendak sambung lepas pukul 6.30 petang pun, saya akan timbangkan.

Sekarang usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagaimana yang ada di hadapan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian terbuka untuk perbincangan.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling.

4.43 ptg.

Tuan Lim Klt Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, pertikaian MAS—AEU yang masih berlanjutan dan belum lagi diselesaikan bersama dengan peristiwa-peristiwa yang menyelubunginya telah menyebabkan kerosakan besar terhadap ekonomi dan imej antarabangsa Malaysia.

Pertikaian tersebut telah dan masih menyebabkan penggantungan dan terkadannya perkhidmatan penerbangan antarabangsa MAS yang mengakibatkan kerugian kewangan berjuta-juta ringgit baik pun kepada pihak MAS atau Malaysia.

Pertikaian tersebut juga lagi sekali telah menunjukkan negara Malaysia di arena dunia sebagai sebuah negara yang tidak menghormati hak-hak asasi manusia dan kebebasan asas warganegara dengan memperluaskan pencerobohan Kerajaan terhadap hak-hak asasi manusia di dalam arena pekerja-pekerja dengan menggunakan undang-undang tahanan tanpa bicara seperti penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri terhadap pemimpin-pemimpin dan aktivist-aktivist kesatuan sekerja yang hanya menjalankan kegiatan-kegiatan kesatuan sekerja.

Pertikaian MAS—AEU ini juga telah mengancam menempatkan Malaysia di tengah-tengah suatu konfrantasi perusahaan antarabangsa yang bukan sahaja melibatkan perkhidmatan udara tetapi juga mungkin melibatkan pengangkutan-pengangkutan yang lain seperti perkapalan yang akan mengakibatkan kerosakan besar terhadap ekonomi terbuka Malaysia.

Maka nyatalah menjadi tanggungjawab Parlimen untuk mendapat tahu bagaimanakah suatu pertikaian biasa di antara majikan dengan pekerja yang melibatkan perjanjian kolektif yang baru boleh dibenarkan menjadi satu pertikaian yang besar dan juga adalah menjadi tanggungjawab Parlimen membantu mencari jalan untuk menyelesaikan pertikaian MAS—AEU itu kerana adalah jelas kepada orang-orang yang berfikiran waras bahawa Kementerian-kementerian dan pegawai-pegawai Kerajaan yang bersangkutan-paut dan yang bertanggungjawab untuk menyelesaikan pertikaian tersebut telah sebenarnya membesarkan pertikaian tersebut sehingga pertikaian tersebut menjadi satu krisis nasional dan international.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, usul Kerajaan yang baru dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri harus sebenarnya membuat satu sumbangan ke arah mencari jalan-jalan baru untuk memecahkan kebuntuan

MAS—AEU ini dan saya sukacita daripada segi ini bahawa usul ini tidak mencari jalan keluar untuk menyelesaikan pertikaian ini.

Usul ini sebenarnya secara menyeluruh tidak ambil kira bagaimana dan mengapa suatu pertikaian biasa di antara majikan dengan pekerja MAS telah menambah menjadi satu krisis nasional dan international. Usul yang dicadangkan menyelesaikan pertikaian ini adalah tidak relevant dan daripada segi ini merupakan suatu “red herring” sahaja kerana ia memberikan satu gambaran yang tidak benar yakni masalah pertikaian MAS—AEU ini ialah oleh kerana campur tangan kesatuan-kesatuan sekerja dan gabungan kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa. Tidak seorang pun yang bersikap adil boleh menafikan bahawa kesatuan-kesatuan sekerja dan gabungan kesatuan-kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa hanya campur tangan selepas pertikaian MAS—AEU telah menjadi suatu konfrantasi besar di mana seramai 874 orang ahli-ahli AEU dibatalkan keahlian mereka; percubaan untuk membatalkan pendaftaran kesatuan sekerja tersebut, pengharaman yang dikenakan ke atas perundingan-perundingan dan penahanan pegawai-pegawai dan aktivist-aktivist AEU di bawah ISA.

Apakah sebenarnya yang menyebabkan pertikaian biasa MAS itu mengenai gaji menambah menjadi satu krisis nasional dan international? Saya pasti jika suatu “national opinion poll” dijalankan untuk mendapat tahu apakah yang difikirkan oleh orang ramai sebagai punca penting yang mengakibatkan krisis tersebut, saya pasti orang ramai akan mengatakan punca penting itu ialah salah pengendalian (mishandling) dan salah pengurusan (mismanagement) secara terusterusan pertikaian tersebut oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan pegawai-pegawainya.

Namun, usul ini sepertimana ianya diusuli meminta Parlimen memberikan sokongan dan pengesahan terhadap salah pengendalian dan salah pengurusan pertikaian tersebut oleh Kerajaan!

Sebuah akhbar dalam lidah pengarangnya telah berkata bahawa “The MAS dispute is a classic example of how not to conduct good industrial relation.” Pada pendapat saya pertikaian MAS ini merupakan satu contoh classic mengenai kegagalan (failure) dalam

crisis management oleh Kementerian Buruh untuk menguruskan suatu krisis dengan memburukkan krisis MAS itu menjadi satu krisis lebih besar, satu krisis antarabangsa.

Saya tidak bercadang untuk membincangkan merit-merit di dalam tuntutan kesatuan sekerja AEU itu untuk mendapatkan bayaran gaji yang lebih sungguhpun saya berpendapat mereka mempunyai alasan-alasan yang kuat untuk meminta supaya gaji mereka dikaji semula jika kita sebagai contoh mengambil ingatan bahawa gaji asas yang dibayar kepada seorang pekerja yang paling rendah sekali dalam perkhidmatan Kerajaan ialah \$195 sedangkan gaji yang dibayarkan kepada seorang pekerja yang paling rendah sekali dalam perkhidmatan MAS ialah \$154. Saya rasa issue kenaikan gaji ini adalah lebih elok jika ianya dikendalikan melalui negotiation atau dirujuk kepada arbitration. Saya bercadang untuk menyoal cara dan stail dengan mana pihak Kementerian Buruh telah campurtangan dalam pertikaian MAS—AEU itu kerana perkara campurtangan Kementerian Buruh inilah mungkin dengan pakatan dengan pihak pengurusan MAS yang mengakibatkan krisis MAS ini.

Keputusan Pendaftar Kesatuan Sekerja pada 8hb Januari untuk membatalkan keahlian 874 orang ahli AEU merupakan punca paling utama yang menyebabkan pertikaian MAS—AEU tergelincir dari landasan perundingan dan penyelesaian damai (negotiated settlement) dan mencetuskan reaksi-reaksi konfrontasi dan eskalasi yang harus akan diduga oleh sesiapa yang berpengalaman dalam perkara pengurusan krisis (crisis management) dan industrial relations. Dan keterangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ada memperkuatkan hujah-hujah saya ini oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyatakan bahawa dalam negotiation yang diadakan tiga kali itu menunjukkan bahawa terdapat peluang sangat cerah untuk mencapai kejayaan untuk selesaikan pertikaian antara kedua-dua pihak. Tetapi pihak MAS dan AEU telah berbalik ke meja perundingan bagi kali yang kedua untuk perbincangan dan mereka telah sebenarnya berunding pada 3, 4, 5hb Januari dan juga telah menetapkan 9, 10, 11hb Januari sebagai hari untuk meneruskan perundingan. Tiba-tiba pula, datangnya arahan Pendaftar Kesatuan Sekerja untuk membatalkan

keahlian 874 orang ahli AEU yang telah mengakibatkan secara menyeluruh perundingan-perundingan itu diberhentikan.

Yang Berhormat Menteri Buruh telah cuba mempertahankan tindakan 8hb Januari oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja itu. Misalnya, Menteri berkenaan dalam jawapan bertulisnya semalam berkata tindakan Pendaftar Kesatuan Sekerja untuk memotong nama 874 orang ahli AEU adalah mengikut undang-undang akibat tindakan perusahaan haram yang diambil oleh kesatuan.

Tuan Yang di-Pertua, arahan Pendaftar Kesatuan Sekerja bertarikh 8hb Januari itu hendaklah dan disalahkan atas dua sebab: Pertama oleh kerana tindakan itu mempunyai dubious legality. Dan kedua, oleh kerana itu juga merupakan satu "gross misjudgement" yang mencetuskan reaksi dan eskalasi dan konfrantasi yang menukar menjadikan pertikaian tersebut kepada satu krisis antarabangsa.

Saya katakan tindakan Pendaftar itu adalah satu tindakan dengan dubious legality, oleh kerana dengan membatalkan keahlian 874 orang ahli AEU yang juga merupakan satu penafian hak asasi mereka terhadap kebebasan association dan menyertai kesatuan-kesatuan sekerja, Pendaftar berkenaan bukan sahaja bertindak bertentangan dengan peraturan-peraturan "natural justice" dengan tidak memberikan pekerja-pekerja yang terlibat itu peluang untuk membela diri untuk menentukan sama ada berlakunya "tindakan perusahaan haram" mulai 5hb Disember hingga 13hb Disember dan juga sama ada mereka yang berkenaan telah terlibat dalam "tindakan perusahaan haram" itu. Sebaliknya, Pendaftar Kesatuan Sekerja telah menunjukkan sikap berat sebelahnya dengan mempercayai laporan berat sebelah yang diberikan oleh pihak pengurusan MAS di mana pihak pengurusan MAS telah menghantar suatu senarai yang mengandungi nama-nama mereka yang patut dibatalkan pendaftaran keahlian AEU mereka dan senarai tersebut telah diterima sebulat-bulatnya oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja dan menurut satu laporan yang diterima senarai tersebut mengandungi nama-nama mereka yang sedang mengambil cuti tahunan mereka, ada yang cuti bersalin ada pula yang cuti sakit malah mereka yang telah bekerja lebihmasa dan seorang yang

telah meninggal dunia pun terus masuk di dalam senarai itu.

Dubious Legality tindakan Pendaftar Kesatuan Sekerja itu adalah diragukan dan memburukkan lagi "gross misjudgement" keputusan beliau itu. Saya hendak bertanya Pendaftar Kesatuan Sekerja dan juga Yang Berhormat Menteri Buruh sama ada mereka sedar dan insaf bahawa dengan mengarahkan pembatalan pendaftaran 874 orang ahli-ahli AEU itu di bawah keadaan dubious legality dan dengan timing itu, mereka boleh memburukkan perundingan-perundingan yang masih berjalan di antara pihak MAS dengan pihak AEU ketika itu. Apakah Menteri Buruh dan Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak sedar dan tidak berinsaf tindakan mereka boleh merumitkan lagi konflik tersebut serta memburukkan lagi pertikaian tersebut? Jika sekiranya Pendaftar Kesatuan Sekerja dan Yang Berhormat Menteri Buruh sedar akan consequences ini, maka, saya hendak tahu mengapakah mereka tidak mengendahkan consequences ini, jika mereka tidak sedar atau insaf akan "consequences" ini, jelaslah mereka masing-masing tidak layak memegang jawatan-jawatan yang penting itu.

Peranan yang seharusnya dimainkan oleh Kementerian Buruh di dalam mana-mana pertikaian perusahaan ialah untuk mencuba menyelesaikan dan menjadi orang tengah dalam mana-mana pertikaian dan juga untuk membawa pihak-pihak yang bertikai itu ke meja perundingan serta mewujudkan keadaan untuk mengadakan suatu "settlement" yang diperundingkan dan jika perlu mewujudkan satu "cooling-off period" supaya boleh meredakan perasaan dan mencegah berlakunya konfrantasi-konfrantasi perusahaan yang patut boleh diselesaikan.

Tetapi apa yang dibuatkan oleh Kementerian Buruh pada 8hb Januari adalah berlawanan sama sekali. Kementerian Buruh telah sebenarnya memulakan suatu kebakaran besar. Peranan Kementerian Buruh ialah untuk put out fire tetapi di sini bukan sahaja tidak put out fire tetapi memulakan satu inferno.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Menteri Buruh menduga dan "anticipate" jenis reaksi daripada pegawai-pegawai dan ahli-ahli AEU terhadap arahan Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Adalah jelas reaksi yang natural pihak AEU terhadap arahan itu ialah Kementerian Buruh telah berpakat dengan pihak pengurusan MAS kerana kedua-dua pihak ini merupakan sebahagian Kerajaan yang sama dan kedua-dua pihak itu telah berkongsi untuk melemahkan dan menjahanamkan kesatuan sekerja dengan membatalkan pendaftaran ahli-ahlinya. Kerana dengan tidak adanya ahli-ahlinya survival dan existence sesebuah kesatuan sekerja adalah terancam dan perkara perundingan dan menuntut kenaikan gaji menjadi perkara penting kedua. Tujuan pengurusan krisis bukanlah bertujuan memaksa mana-mana pihak "look over the brink into the precipice" tetapi inilah yang sebenarnya dibuat oleh Kementerian Buruh pada 8hb Januari melalui perintah Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Adalah tidak hairan keputusan Pendaftar Kesatuan Sekerja itu yang dibuat pada 8hb Januari telah dibuat secara sewenang-wenang, salah anggap dan "unjustified" yang menetuskan satu "chain reaction" seperti tergendalnya perundingan-perundingan ketegangan di dalam MAS pengendalian perkhidmatan MAS, notis beri sebab-sebab kepada AEU mengenai tidak deregistered, perintah larangan, tahanan ahli-ahli kesatuan sekerja AEU di bawah ISA dan lain-lain. Oleh kerana tindakan 8hb Januari semua yang ikut itu semacam satu great tragedy yang mesti diikuti.

Bukankah Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat boleh menggunakan Fasal 34 dalam Akta Perhubungan Perusahaan dan melantik sebuah Lembaga Siasatan untuk menyiasat pertikaian MAS—AEU, dan tidak perlu mengeluarkan satu perintah atau notis untuk menunjukkan sebab AEU tidak ditutup. Dan lagi apakah perlunya Kementerian mengeluarkan perintah Pendaftar melarang AEU daripada semua kegiatan kecuali untuk menjawab notis dan memberikan sebab-sebab. Kemudian kita dapati kenyataan Yang Berhormat Menteri yang sangat ridiculous iaitu AEU boleh menulis memohon untuk meminta perintah larangan dilonggarkan supaya membenarkan AEU berunding dengan MAS, sedangkan perintah larangan Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat adalah satu perintah larangan yang total selain daripada memberi jawapan kepada

Registrar mengapa tidak ditutup. Perintah larangan Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sendiri tidak benar; tidak benar AEU menulis kepadanya meminta variation of the order. Itulah menunjukkan cara mishandling pertikaian ini.

Dan lagi apakah alasan bagi menahan, menangkap pegawai-pegawai dan aktivis AEU di bawah ISA. Pada hari mereka ditahan, pihak berkuasa telah menyatakan yang mereka ditahan kerana telah merosakkan (tamper) kapalterbang. Pada hari tersebut, semua kapalterbang MAS telahpun digrounded.

Alasan-alasan Kerajaan menangkap mereka di bawah ISA adalah tidak munasabah sama sekali, kerana sekiranya mereka didapati merosakkan enjin kapalterbang mereka hendaklah ditangkap di bawah undang-undang biasa dan didakwa di mahkamah, tetapi sehingga hari ini sungguhpun sudah lebih daripada satu bulan mereka belum lagi dibawa ke mahkamah dan didakwa. Dan pemulihan penerbangan perkhidmatan MAS selepas dua hari dibatalkan membuktikan betapa lemahnya tuduhan-tuduhan bahawa ada percubaan untuk merosakkan (tampering) kapalterbang.

Pertelingkahan MAS—AEU adalah satu kisah sedih yang disalahkendalikan dan disalahuruskan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan lain-lain pihak berkenaan. Satu masalah kecil majikan pekerja sepatut janganlah berlarutan hingga menjadi krisis antarabangsa sebagaimana terbukti dengan terkandasnya MAS DC—10 di Sydney Australia selama 10 hari. Walaupun DC—10 telah kembali dari Sydney, tetapi keadaan masih menunjukkan adanya kemungkinan konfrantasi perusahaan antarabangsa, bukan sahaja di dalam perkhidmatan penerbangan tetapi juga di dalam lain-lain bidang.

Tuan Yang di-Pertua, usul Kerajaan yang menghendaki Parlimen memberi persetujuan kepada senarai tindakan salahurus dan salahkendali yang panjang yang disebutkan tadi atas pertikaian MAS—AEU bilamana tindakan salahurus dan salahkendali inilah yang menimbulkan krisis international. Usul Kerajaan juga menghendaki Parlimen

meluluskan penggunaan ISA terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan sekerja kerana aktiviti-aktiviti kesatuan. Saya tidak nampak bagaimana Parlimen boleh buat begitu. Sebenarnya, Parlimen patut mengutuk salahurus dan salahkendalian Kerajaan dalam pertikaian ini, mendesak perletakan jawatan Menteri Buruh dan juga mengutuk (*Tepuk*) penggunaan ISA terhadap pemimpin-pemimpin kesatuan.

Usul Kerajaan dalam menekankan atas campur tangan pihak kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa di dalam urusan dalam Malaysia telah cuba mengalihkan perhatian dari asas sebab-sebab dan langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi pertikaian MAS—AEU.

Reaksi pemimpin Kerajaan yang menggunakan taktik kuku besi untuk menghancurkan AEU dan pekerja-pekerja lapanganterbang digemparkan dengan tindakan protes pekerja-pekerja lapanganterbang Australia dapat difahamkan tetapi kenapa begitu meradang. Mereka berhak untuk mengutuk perbuatan asing yang begitu. Tetapi untuk meminta Parlimen untuk mengutuk perbuatan yang begitu adalah merupakan satu cadangan yang lain sama sekali.

Sebagai Ahli Parlimen, kita mesti mengelakkan emosi dari mempengaruhi pertimbangan dan fikiran kita. Sungguhpun prinsip secara umum dapat diterima yang tidak sesiapa pun mahu mana-mana pihak mencampuri urusan rumah tangga, kita juga mesti menerima setengah-setengah issue dan prinsip yang mengatasi batasan national, issue-issue seperti menghormati hak-hak asasi manusia, menghormati nilai (dignity) dan worth seorang manusia. Kerana pencabulan setengah dari hak asasi ini, Malaysia di masa yang lampau telah bertindak bukan sahaja menerusi ucapan-ucapan di Bangsa-bangsa Bersatu tetapi juga dengan mengambil tindakan yang konkrit seperti memutuskan hubungan diplomatik dan memulaukan perdagangan dengan Afrika Selatan sebagai tanda protes terhadap Apartheidnya. Malaysia melakukan ini sebagai menentang undang-undang Afrika Selatan dan ini merupakan campur tangan dengan dasar dalam negeri Afrika Selatan, dan sebenarnya juga kerana

ada hak-hak tertentu yang setiap manusia berhak kepadanya, bukan kerana ianya seorang warganegara di mana-mana tetapi oleh kerana human personality beliau sendiri. Dan apa yang kita buat adalah betul dan kita mengutuk dasar-dasar Afrika Selatan dan pengambilan tindakan, ini juga merupakan campur tangan urusan Afrika Selatan. Beranikah sesiapa bangun dan menyatakan yang dasar serta tindakan kita terhadap Afrika Selatan adalah salah dan patut dikesam dan dikesali kerana ia adalah perbuatan campur tangan dengan dasar-dasar dalam negeri Afrika Selatan. Atau ambil sahaja contoh Israel, di mana Malaysia telah bergabung di peringkat antarabangsa dan menentang penafian hak menentukan masa depan sendiri (self-determination) rakyat Palestine. Beranikah sesiapa bangun mengatakan bahawa tindakan kita menyokong rakyat Palestine adalah salah dan merupakan perbuatan campur tangan dalam urusan dalam negeri Israel?

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita rasa dalam perkara semacam ini kita tidak patut letakkan Parlimen ini dalam satu keadaan di mana kita ambil satu tindakan yang akan menunjukkan bahawa tindakan kita terhadap Afrika Selatan dan Israel adalah salah. Oleh kerana kalau kita luluskan bahagian (iv) dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini bererti kita membuat satu pengumuman bahawa kita forfeit hak kita untuk mengutuk dan mengambil tindakan terhadap mana-mana negara di mana ada berlaku violation yang teruk terhadap hak-hak asasi seperti Israel dan Afrika Selatan. Kita tidak boleh ada "double standard" dalam tindakan dan pendirian kita di arena antarabangsa. Dan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, tidak bijak bagi Dewan yang mulia ini diletakkan dalam satu keadaan semacam ini. Saya faham apa yang saya baru berucap mungkin akan disalah faham dan di distorted oleh orang-orang yang tidak berprinsip yang akan menuduh saya bukan seorang nasionalis tetapi saya mahu menitikberatkan di sini bahawa seorang nasionalis bukan seorang yang mengambil tindakan yang bodoh dan akhirnya meletakkan negara kita dalam satu keadaan yang sangat ridiculous di peringkat sedunia dan marah oleh kerana reaksi dunia. Tetapi

seorang nasionalis sebenarnya ialah seorang yang apabila berlaku tindakan yang menempatkan negara kita dalam satu keadaan yang ridiculous di dunia mengambil tindakan untuk menyelesaikan perkara itu.

Kita dalam DAP boleh lawan dengan sesiapa dalam Dewan ini (*Tepuk*) mengenai sikap pendirian kita, taat setia kita kepada negara ini dan kita tidak tewas kepada sesiapa untuk mempertahankan negara kita dan kami sanggup berkorban nyawa, jika perlu. Oleh yang demikian, saya harap dalam perbahasan nanti tidak akan ada sesiapa yang "bark up the wrong tree". Jika usul ini diluluskan ianya tidak akan membawa credit international kepada image kita bahkan juga tindakan membantu menyelesaikan pertikaian MAS—AEU.

Saya rasa adalah lebih membina kalau Parlimen menumpukan masa dan menumpukan fikirannya terhadap bagaimana kita boleh merangka garis-garis panduan yang boleh dijadikan satu asas untuk menyelesaikan dengan segera pertikaian tersebut.

Dengan ini, saya mencadangkan satu pindaan kepada usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan tujuan menumpukan fikiran Parlimen ini, Dewan yang mulia ini atas unsur-unsur yang boleh menyelesaikan pertikaian ini. Mengikut Peraturan Mesyuarat 32 satu usul pindaan shall be put in writing by the mover. Saya ada buat surat. Saya baca pindaan saya kepada usul ini yang berbunyi:

"Potong perenggan-perenggan kecil (ii), (iii) dan (iv), dan gantikan dengan perenggan kedua yang baharu yang berbunyi:

(ii) memutuskan bahawa garis-garis panduan yang berikut diterima sebagai asas untuk penyelesaian segera pertikaian MAS—AEU oleh semua pihak yang berkenaan:

- (a) Pemulihan penuh hak Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan (AEU) untuk bertindak sebagai sebuah Kesatuan Sekerja untuk mewakili kepentingan ahli-ahlinya;
- (b) Bebaskan segera pegawai-pegawai dan ahli-ahli AEU yang ditahan di

bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan jua wakil ITWF rantau Asia, Donald Uren;

- (c) Mengambil balik semua pekerja-pekerja MAS yang digantung kerja atau dibuang kerja semasa berlakunya pertikaian MAS—AEU;
- (d) Menubuhkan sebuah Lembaga Siasatan di bawah Fasal 34 Akta Perhubungan Perusahaan di ketuai oleh seorang Pengerusi yang dihormati oleh kedua-dua pihak untuk menyiasat ke dalam pertikaian MAS—AEU itu dan melaporkan kepada Kerajaan dan Parlimen perakuan-perakuannya yang bukan sahaja akan memulihkan keamanan dan keharmonian perusahaan di dalam MAS tetapi juga akan membawa ke arah kecekapan, productivity dan profitability yang lebih di dalam penerbangan kebangsaan kita.

Tuan Yang di-Pertua, formula empat mata ini bolehlah menjadi satu asas bagi kita menyelesaikan pertikaian tersebut dan mencegah pertikaian tersebut daripada diperluaskan dan menjadi satu perkara Antarabangsa dan baru malam tadi kapalterbang pesawat MAS DC-10 telah terkandas lebih daripada tiga jam kerana pekerja-pekerja lapangan terbang Jerman Barat memprotes terhadap penahanan pegawai-pegawai AEU. Jika pertikaian ini dibenarkan berlanjutan dan terus menjadi lebih buruk maka masa depan MAS adalah tipis dan rancangan MAS yang terkandung dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga untuk mengadakan penerbangan ke Amsterdam, Brussels dan Paris tidak akan dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan pindaan usul ini.

Tuan V. David: Tuan Yang di-Pertua, saya sokong usul yang dibawa oleh Yang Berhormat dari Petaling. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Nanti! sebelum hendak sokong, hendaklah perkara itu ada kaitan dengan usul asal. Nanti saya hendak

kaji sekejap! Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain supaya dapat mengikuti pindaan kepada usul ini, saya bacakan—

“Potong perenggan-perenggan kecil (ii), (iii) dan (iv)—maksudnya tinggal yang (i)—Bahawa Dewan ini mengambil perhatian berat—itu sahaja yang tinggal. Diganti dengan:

(ii) Memutuskan bahawa garis-garis panduan yang berikut diterima sebagai asas untuk penyelesaian segera pertikaian MAS—AEU oleh semua pihak yang berkenaan:

(a) Pemulihan penuh hak Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan (AEU) untuk bertindak sebagai sebuah Kesatuan Sekerja untuk mewakili kepentingan ahli-ahlinya;

(b) Bebaskan segera pegawai-pegawai dan ahli-ahli AEU yang ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dan juga wakil ITWF rantau Asia, Donald Uren;

(c) Mengambil balik semua pekerja-pekerja MAS yang digantung kerja atau dibuang kerja semasa berlakunya pertikaian MAS—AEU;

(d) Menubuhkan sebuah Lembaga Siasatan di bawah Fasal 34 Akta Perhubungan Perusahaan diketuai oleh seorang Pengerusi yang dihormati oleh kedua-dua pihak untuk menyiasat ke dalam pertikaian MAS—AEU itu dan melaporkan kepada Kerajaan dan Parlimen perakuan-perakuannya yang bukan sahaja akan memulihkan keamanan dan keharmonian perusahaan di dalam MAS tetapi juga akan membawa ke arah kecekapan, productivity dan profitability yang lebih di dalam penerbangan kebangsaan kita.

Saya tidak dapat terima pindaan ini kerana pindaan ini berbeza dan terkeluar daripada maksud dan hasrat usul asal ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, ini berkaitan pertikaian MAS—AEU?

Tuan Yang di-Pertua: Bukan berkaitan MAS—AEU—berkaitan dengan usul asal.

Tuan Lim Kit Siang: Usul asal ialah pertikaian MAS—AEU di mana sudah berlaku, sudah tercetus. Bagaimana kita mahu selesai!

Tuan Yang di-Pertua: Di sini ada menyebut tentang banyak perkara; laporan luar negeri dan sebagainya. Jadi, ini keputusan saya, dan mengikut Peraturan 43, keputusan saya muktamad.

Tuan Lim Kit Siang: Keputusan ini tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau hendak bantah buat satu usul khas membantah keputusan saya.

Tuan Lim Kit Siang: Apa gunalah macam ini (*Ketawa*). Tidak gunalah (*semua Ahli-ahli DAP meninggalkan Dewan*).

5.10 ptg.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong serta turut membahaskan usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri mengenai Syarikat Penerbangan Malaysia atau lebih terkenal dengan nama MAS.

Seperti yang kita tahu MAS (Malaysian Airlines System) adalah satu-satunya Syarikat Penerbangan Kebangsaan negara kita yang selama ini kita rakyat Malaysia sentiasa berasa megah dan berbangga dengannya. Semenjak ditubuhkan hingga berlakunya pertikaian dengan pekerja-perkerjanya baru-baru ini, MAS telah banyak berjasa kepada negara dan rakyatnya. Nama Malaysia menjadi harum dalam masa yang singkat di kalangan pelancung-pelancung luar negeri.

Selain dari itu satu faktor terpenting yang harus diambil ingatan dengan wujudnya MAS, seramai lebih kurang 4,000 orang mendapat pekerjaan dalam berbagai bidang. Jika hitung panjang seorang pekerja mempunyai 5 orang tanggungan, ini berarti seramai 20,000 orang bergantung hidup kepada MAS dan bilangan ini tidak termasuk mereka yang mendapat

faedah secara tidak langsung dari syarikat penerbangan kita ini seperti pemandu-pemandu teksi, pengusaha-pengusaha syarikat pelancungan, hotel, kedai makan dan sebagainya.

Semasa perkhidmatan MAS dihentikan sama sekali baru-baru ini keadaan kelam-kabut dan panik berlaku di sana-sini. Banyak tugas-tugas penting bagi peniaga-peniaga dan pentadbiran Kerajaan tertangguh dan tidak dapat dilaksanakan. Kita bersyukur ke hadirat llaHi kerana perkhidmatan MAS yang dihentikan sama sekali itu dapat dipulihkan dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, itulah tadi gambaran secara ringkas tentang betapa pentingnya MAS itu terhadap rakyat dan ekonomi negara kita. Bagi orang ramai yang mengikuti pergolakan pekerja-pekerja MAS dengan majikannya melalui akhbar dan radio, mereka berpendapat pihak Kerajaan bersikap terlalu lembut menghadapi tindakan haram oleh sebahagian kecil pekerja-pekerja MAS itu. Selain dari bersikap lembut, Kerajaan juga mengambil masa yang agak panjang sehingga keadaan menjadi begitu genting, barulah campur tangan secara langsung mengatasinya.

Walau bagaimanapun langkah tegas lagi konkrit yang diambil oleh Kerajaan di saat-saat akhir ketika keadaan begitu genting mendapat sokongan penuh dari orang ramai. Mereka menganggap tindakan tegas yang dibuat oleh Kerajaan terhadap pihak-pihak yang terlibat itu; maksud saya yang menjadi dalang, yang menghasut pekerja-pekerja itu, sangat patut dan harus diberi pujian. Kepada sebilangan besar pekerja-pekerja terutama kepada Jawatankuasa Bertindak Pekerja-pekerja MAS yang telah ditubuhkan ketika krisis itu sedang memuncak, saya mengambil kesempatan di dalam Dewan yang mulia ini merakamkan ucapan tahniah dan syabas atas kesedaran dan keinsafan saudara-saudara bahawa kepentingan negara wajib diutamakan dari kepentingan diri sendiri. Dengan adanya kesedaran dan keinsafan dari merekalah, maka salah satu nadi ekonomi negara kita dapat digerakkan semula.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai punca masalah yakni tuntutan gaji dan layanan bagi pekerja-pekerja MAS, saya berharap langkah-langkah perlu hendaklah

diambil bagi membolehkan perundingan antara kesatuan dan majikan diadakan seberapa segera yang mungkin. Dengan adanya rundingan semula itu maka dapat dielakkan kejadian-kejadian yang tidak diinginkan Kerajaan dapat membuktikan bahawa ia sangat menghargai khidmat bakti dan keinsafan yang telah ditunjukkan oleh sebahagian besar pekerja-pekerja MAS.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Kerajaan tentang nasib 874 orang pekerja yang dianggap oleh pihak pengurusan MAS terlibat dalam tindakan-tindakan haram. Saya sangat bersetuju dengan kenyataan akhbar yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan 12hb Februari, 1979 dan saya mohon izin membaca petikan kenyataan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Saya quote:

“Peristiwa-peristiwa yang diikuti rapi oleh Kerajaan di dalam hal ini telah menunjukkan ada kemungkinan bahawa kebanyakan 874 pekerja-pekerja itu tidaklah melibatkan diri mereka secara sukarela. Jika mereka mengetahui dan faham bahawa tindakan perusahaan itu adalah haram dan akan memberi akibat yang buruk terhadap ekonomi negara, mereka tentu tidak rela melibatkan diri dalam tindakan tersebut. Yang demikian mereka yang percaya bahawa mereka tidak bersalah hendaklah dengan segera memohon kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dengan menyatakan alasan-alasan bagi pemulihan semula keahlian mereka itu”.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kenyataan Yang Berhormat Menteri itu, nyatalah Kerajaan memang sedar dan insaf bahawa tindakan-tindakan haram yang dilakukan oleh 874 pekerja-pekerja MAS itu adalah akibat dari hasutan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dan pekerja-pekerja itulah yang menjadi mangsanya.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya harap dan berseru kepada Kerajaan supaya mengarahkan pihak pengurusan MAS menerima semula pekerja-pekerja itu dengan beberapa syarat yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang AEU atau Kesatuan Pekerja-pekerja Penerbangan, saya mendapat faham bahawa Kesatuan ini dianggotai oleh pekerja-pekerja dari berbagai syarikat penerbangan. Dengan itu taraf gaji dan kedudukan pekerja-pekerja itu berbeda antara satu dengan lain dan itulah puncanya yang menyebabkan timbulnya rasa tidak puashati pekerja-pekerja atas layanan yang mereka terima berbanding dengan rakan-rakan mereka dalam syarikat-syarikat lain. Selain dari itu keanggotaan Kesatuan itu jika dibiarkan seperti sekarang maka Kesatuan itu akan terdedah kepada perlakuan-perlakuan eksploitasi oleh pihak-pihak tertentu yang bertujuan merosakkan imej syarikat penerbangan negara kita ataupun mensabotajkan ekonomi negara kita ini.

Oleh yang demikian Kerajaan mesti mengambil langkah-langkah tertentu supaya pekerja-pekerja MAS hendaklah menubuhkan kesatuan mereka sendiri tanpa membuka keanggotaannya kepada pekerja-pekerja dari syarikat penerbangan yang lain. Dan Kesatuan AEU yang ada sekarang ini hendaklah dibubarkan seberapa segera yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, telah banyak saya menyentuh tentang pekerja-pekerja MAS. Sekarang ingin pula saya bercakap mengenai pengurusan MAS. Pepatah Melayu ada mengatakan “Tepuk tangan sebelah, takkan berbunyi”. Ini bermakna masalah MAS ini berlaku disebabkan kesalahan kedua-dua belah pihak. Kalau tidak banyak; sedikit memang ada. Berbagai tuduhan dilemparkan oleh beberapa pihak terhadap pengurusan MAS setakat ini. Walau bagaimanapun tuduhan-tuduhan itu setakat ini belum dapat dibuktikan di mahkamah atau di mana-mana juga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hubungan ini saya ingin menarik perhatian Dewan ini tentang kurang telitinya Pengurusan MAS dalam membuat dan memutuskan dasar-dasar yang penting. Contohnya, pembelian Pesawat DC-10. Keputusan hendak membeli pesawat yang besar dan mahal ini tentulah pada pandangan orang ramai telah dikaji, diteliti dengan sehalus-halusnya. Pihak Pengurusan tentulah sudah pasti akan menarik lebih ramai penumpang menaiki penerbangan kita.

Tetapi apa yang telah berlaku, tidak lama selepas kita membeli Pesawat DC-10 itu, sebuah daripadanya, terpaksa kita sewakan kepada Syarikat Penerbangan Singapura. Ini sekali imbas pada pandangan orang ramai mencerminkan atau membuktikan yang jangkaan atau perhitungan pihak Pengurusan sudah meleset dan tidak tepat atau boleh juga kita katakan kurang teliti. Apa yang saya dan orang ramai lebih tidak faham lagi tidak lama selepas kita menyewakan Pesawat DC-10 itu kepada Syarikat Penerbangan Singapura, pihak Pengurusan MAS pula sedang beruraura hendak membeli pesawat terbang baru yang lebih besar yang dikenalkan dengan nama "Airbus". Kalau DC-10 yang agak lebih kecil daripada "Airbus" tadi tidak dapat kita mencari penumpang, ini kita hendak membeli "Airbus" yang lebih besar. Dimanakah lojiknya ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika saya hendak cakapkan rasa tidak puas hati, atas dasar apakah pertimbangan dibuat atau diberi untuk membeli "Airbus" ini. Ini ingin kita kemukakan kepada pihak Pengurusan MAS. Atas dasar apakah dan pertimbangan apakah maka kita terpaksa membeli "Airbus".

Tuan Yang di-Pertua, jika saya hendak cakapkan rasa tidak puas hati pekerja-pekerja MAS terhadap Pengurusan, barangkali ianya mengambil masa yang panjang dan saya tidak berhajat hendak bercakap mengenainya. Saya menyeru Kerajaan mengkaji kedudukan pegawai-pegawai tinggi MAS dan jika perlu mengambil tindakan menyingkirkan dan menyusun semula kedudukan pegawai-pegawai tersebut demi kepentingan ekonomi bangsa dan negara Malaysia yang tercinta.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai campur tangan ITF di dalam pertikaian MAS khususnya tindakan liar yang dibuat oleh ahli gabungan ITF cawangan Australia yang telah menahan Pesawat DC-10 kita selama lebih kurang 10 hari dan kalau dikira dengan penerbangan balik boleh jadi 12 hari yang menyebabkan kita kerugian berjuta-juta ringgit. Pesawat itu hanya akan dibenarkan terbang setelah Kerajaan Malaysia membebaskan 23 orang ahli-ahli Kesatuan AEU.

Tuan Yang di-Pertua, jika kejadian merampas kapalterbang Pesawat MAS DC-10

yang dilakukan oleh pekerja-pekerja lapanganterbang Australia itu berlaku 100 atau 120 tahun dulu, kita boleh faham dan mengerti sebab-sebabnya berlaku perkara liar seperti itu. Maksud saya 100 atau 120 tahun yang dahulu, pihak pengkaji sejarah dan orang ramai boleh faham mengapa kejadian itu boleh berlaku. Tetapi kejadian itu berlaku pada tahun 1979 di mana pekerja-pekerja lapanganterbang Australia itu sudah berada di puncak tamadun yang tinggi sekali.

Tindakan ITF itu sama seperti tindakan pengganas udara yang merampas kapalterbang-kapal terbang dan menuntut tebusan. Maka dengan itu, nama ITF yang sebenarnya International Transport Workers Federation itu lebih sesuai kita namakan International Terrorist Federation atau bahasa Melayunya Persekutuan Pengganas-pengganas Antarabangsa (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, sudah terang dan jelas bahawa ITF telah membuktikan yang ianya tidak memberi sebarang menafaat, sebarang faedah kepada pekerja-pekerja kita lebih-lebih lagi kepada negara kita ini. Sebagai contoh, ITF telah menghasut pekerja-pekerja MAS ini memakai toha seperti yang dicakapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi. Saya tidak tahu apa tujuan pakaian toha ini. Apa yang saya faham, yang memakai toha ini biasanya dilakukan oleh saudara-saudara saya orang-orang Tionghua ketika berlakunya kematian saudara-mara mereka. Ertinya mereka ini berasa susah hati atau tanda perkabungan. Dengan tujuan hasutan ITF menyuruh pekerja-pekerja MAS memakai toha itu bererti mereka merayakan kemusnahan dan kejatuhan MAS. Ini telah membuktikan bagaimana busuk dan khianatnya sikap ITF terhadap syarikat penerbangan negara kita. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru kepada Kerajaan mulai daripada sekarang atau seberapa segera yang dapat, mesti membubarkan cawangan ITF di Malaysia ini dan mengharamkan penubuhan ITF di negara kita. Dan dalam hubungan ini, saya tahu ada talibarut ITF dalam Dewan ini. Kalau bossnya sudah mengeluarkan kenyataannya, telah memburuk-buruk keadaan ITF yang berlaku, perlakuan ITF Cawangan Australia itu, maka kita hendak tahu pula sikap talibarut ITF dalam Dewan ini dan

sikap DAP terhadap perlakuan ITF itu sama ada mereka menyokong pihak ITF ataupun menyokong pihak Kerajaan. Kita ingin tahu dan saya ingin mendengar jawapannya dalam Dewan ini juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir itulah pandangan dan pendapat saya dalam masalah pertikaian MAS ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum saya memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain bercakap, saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang bagaimana hendak meminda sesuatu usul. Sesuatu usul itu memang boleh dipinda. Saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 30:

“30. (1) Pada masa sesuatu usul itu dalam timbangan Majlis Mesyuarat atau Jawatan-kuasa Majlis Mesyuarat, bolehlah dicadangkan pindaan-pindaan jika pindaan itu berkaitan dengan usul itu.

(2) Pindaan ini pula boleh dicadangkan dipinda jika berkaitan dengan pindaan asal.

(3) Sesuatu pindaan itu tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang disyaratkan oleh Peraturan-peraturan Majlis hanya boleh dikeluarkan dengan usul tersendiri setelah dikeluarkan pemberitahu.”
Atau dalam bahasa Inggeris:

“30. (1) When any motion is under consideration in the House or in a committee thereof, an amendment may be proposed to the motion if it is relevant thereto.

(2) An amendment may be proposed to any such amendment if it is relevant thereto.

(3) An amendment must not raise any question which, by the rules of the House, can only be raised by a substantive motion after notice.”

Peraturan Mesyuarat 30 (3) adalah lebih penting lagi.

Jadi saya menolak pindaan kepada Usul ini tadi atas Peraturan Mesyuarat 30 (1) dan 30 (3) iaitu perkara-perkara yang dicadangkan dalam pindaan kita sebenarnya boleh dibuat

satu usul khas yang diberi notis dengan sebab itu saya telah menolak. Begitu juga Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai panduan perkara ini boleh dipinda dan biasa dalam Dewan ini dipinda satu usul dan pindaan atas pindaan telah dilakukan di dalam Dewan ini.

Sekarang terbuka untuk perbahasan. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

5.31 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Trengganu): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada di hadapan kita dan mengutuk tindakan oleh Ahli-ahli DAP yang tidak langsung memperhitungkan dan tidak menghormati peraturan-peraturan berparlimen. Walaupun setengah-setengah daripada mereka sudah lama berada dalam Dewan ini, mereka sepatutnya menunjukkan contoh yang baik, tauladan yang baik kepada orang-orang baru seperti saya dan menghormati unsur-unsur demokrasi berparlimen. Sebaliknya kalau mereka gagal dalam satu-satu usaha mereka, mereka mengambil keputusan keluar daripada Dewan ini dan ini bukanlah tindakan yang pertama yang mereka lakukan. Dan saya percaya ini bukanlah tindakan yang akhir yang akan mereka lakukan pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong Usul ini saya ingin mencadangkan supaya dipinda Trade Union Ordinance, 1959 khususnya seksyen 50 (7) menyentuh hak Kesatuan-Kesatuan Sekerja dalam negeri bergabung dengan badan-badan Kesatuan Sekerja antarabangsa. Saya mohon mencadangkan supaya seksyen ini dipinda dan mengadakan peruntukan yang baru yang mengharamkan sama sekali gabungan serupa itu. Cadangan ini tentulah dianggap extreme oleh activist-activist Kesatuan Sekerja, tetapi saya membuat cadangan ini dengan penuh rasa tanggungjawab terhadap kepentingan negara saya sendiri. Satu perkara sudah jelas, kita tidak boleh membiarkan orang-orang asing menentukan masa depan negara kita. Kita tidak membenarkan orang-orang politik daripada luar negeri campurtangan dalam urusan hal ehwal negara kita. Yang demikian kita tidaklah juga patut membiarkan ahli-ahli Kesatuan Sekerja daripada

luar negeri menggugat ekonomi kita oleh kerana ekonomi sesebuah negara mempunyai perkaitan yang rapat dengan kestabilan politik sesebuah negara.

Saya mencadangkan Trade Union Ordinance yang ada sekarang yang sudah berusia 20 tahun itu dipinda kerana dalam masa 20 tahun itu sikap dan cara bertindak masyarakat Kesatuan Sekerja Antarabangsa sudah berubah. Kita sekarang menghadapi satu masyarakat Kesatuan Sekerja Antarabangsa yang militan, yang professional, yang diupah. Mereka tidak mempunyai taat setia kepada mana-mana negara kecuali gerakan Kesatuan Sekerja mereka, mereka akan menyokong dan menggalakkan tindakan perusahaan oleh ahli-ahli badan gabungan mereka, baik tindakan itu haram ataupun halal.

Sejak akhir-akhir ini kita telah melihat peranan yang dimainkan oleh masyarakat Trade Union Antarabangsa ini kian jelas bahawa mereka tidak mempedulikan sama ada sesebuah negara itu runtuh akibat tindakan mereka. Mereka juga tidak peduli kalau sesebuah Kerajaan yang demokratik yang dipilih secara popular oleh rakyat tumbang akibat kekecohan ekonomi yang dicituskan oleh kegiatan mereka.

Dalam tahun 1972 kalau saya tidak salah Kerajaan Harold Wilson di Britain rebah kerana tindakan-tindakan masyarakat Kesatuan Sekerjanya. Kerana tindakan-tindakan perusahaan yang tidak putus-putus Britain turun menjunam dari sebuah negara perusahaan dunia yang utama kepada keadaannya seperti yang ada sekarang. ITF seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi telah menundukkan beberapa buah negara dengan tindakan-tindakan perusahaan mereka, sekarang mereka mahu mencuba pula nasib mereka di Malaysia. Kita tidak boleh membenarkan keadaan ini berlaku, kita tidak boleh membenarkan mana-mana juga badan antarabangsa menjahanamkan kestabilan ekonomi dan politik negara kita. Kita tidak boleh membiarkan mereka melumpuhkan negara kita dan menjatuhkan Kerajaan yang rakyat telah pilih dalam satu pilihanraya yang demokratik. Soal menjatuhkan Kerajaan atau menaikkan Kerajaan adalah hak rakyat negara ini sendiri dan hanya rakyat yang boleh

menentukan sama ada tindakan kita betul atau tidak. Begitu juga hanya rakyat negeri ini yang boleh menentukan apakah Kerajaan kita ini berpegang teguh kepada prinsip-prinsip hak manusia seperti yang disebut-sebut tadi oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Kalau Kerajaan kita tidak menghormati hak-hak kebebasan manusia, rakyat negeri ini yang boleh menghukum menurunkan Kerajaan kita dan bukan masyarakat antarabangsa (international) seperti ITF.

Saya merasa kesal Tuan Yang di-Pertua, bahawa Ketua Pembangkang kita dalam negeri ini seolah-olah telah menyamakan hak asasi manusia dalam negeri ini seperti keadaan yang berlaku di Afrika Selatan dan di Israel. Saya rasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang patut merasa malu bahawa beliau telah terlajak membuat tuduhan seperti ini, bahawa beliau telah terlajak menyamakan keadaan dalam negara ini sama seperti keadaan di negara-negara Afrika Selatan dan Israel. Kalau kita tidak menghormati hak asasi manusia, saya percaya Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak akan berada di tempatnya sekarang dan begitu juga ahli-ahli pembangkang yang lain tidak akan berkesempatan untuk menggondol title "Yang Berhormat".

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada cerita kisah campurtangan masyarakat international dalam hal ehwal ekonomi dan politik negara lain, beberapa tahun yang lalu kita telah mendengar cerita bagaimana yarikat-syarikat multi-national telah mengacau hal ehwal ekonomi negara-negara dunia lain, terutama negara-negara kecil yang sedang membangun sehingga ekonomi negara itu tergugat yang goncang. Sekarang ini selepas melihat kejayaan Multi-national Corporations itu pihak kesatuan sekerja antarabangsa pula sudah cuba meniru kegiatan ini dan sekali lagi yang akan menjadi mangsa ialah negara-negara kecil yang sedang membangun seperti negara kita. Ahli-ahli kesatuan dalam negara ini boleh berseronok menyanyi sekuat hati ketika mereka mengadakan tunjuk perasaan, mengadakan tindakan perusahaan, akan tetapi bila ekonomi negara runtuh, bila kita tidak dapat menikmati kehidupan seperti yang ada sekarang akibat kekecohan ekonomi maka masyarakat kesatuan antarabangsa akan

ketawa pada ketika itu melihat kita menangis dan bila saya menyebut "kita" termasuklah ahli-ahli kesatuan sekerja yang tadinya menyanyi dengan penuh semangat seolah-olah ekonomi itu adalah satu perbuatan suka-suka yang boleh kita nyanyi-nyanyikan dan kita ganggu ekonomi itu sambil kita berseronok-seronok.

Tuan Yang di-Pertua, saya teringat satu kenyataan yang dibuat oleh Setiausaha Agong NTUC Singapura, Encik Devan Nair dalam Dewan Parlimen Singapura, kalau tidak salah saya pada 16hb Mac yang lalu. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua saya hendak quote satu-dua paragraph daripada ucapan beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau pendek tak apalah.

Tuan Alias bin Md. Ali: Encik Devan Nair yang kita kenal seorang ahli kesatuan sekerja yang ulung di rantau ini telah menyebut begini:

"A prominent trade unionist and Singaporean Member of Parliament, Mr. C.V. Devan Nair, has described the so-called international labour solidarity as one of the biggest on-going humbuggeries in the modern world. He said trade unions in developed countries and some international trade union organisations which they controlled were the real culprits behind protectionism. He dubbed them as the new imperialists".

Tuan Yang di-Pertua, Encik Devan Nair bukanlah seorang yang bodoh dan bukanlah seorang pembelot kepada cita-cita dan falsafah trade unionism. Beliau besar, dewasa dan tua dalam kegiatan trade union tetapi bila melihat keadaan-keadaan yang berlaku dalam masyarakat trade union antarabangsa seperti yang ada sekarang beliau muncul sebagai seorang yang berani dan sanggup menentang rakan-rakannya sendiri dalam kesatuan sekerja kerana beliau tahu bahawa orang-orang ini tidak langsung memperhitungkan kepentingan kesejahteraan dan masa depan sesebuah negara dalam mengambil tindakan perusahaannya terhadap negara itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengagak bahawa rakan-rakan Encik Devan Nair di Malaysia ini yang satu ketika dahulu amat rapat

dengan beliau tentulah akan mengambil sikap yang sama mengutuk apa yang dipanggilnya tadi "new imperialists", akan tetapi kita telah mendengar ucapan Ketua Pembangkang tadi iaitu daripada sebuah parti yang satu ketika amat rapat dengan parti yang didokong oleh Encik Devan Nair seolah-olah memberi gambaran dan memberi galakan kepada masyarakat kesatuan sekerja antarabangsa meneruskan cita-cita dan kegiatan mereka untuk merosakkan ekonomi negara-negara kecil seperti kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ulangi harapan saya dan cadangan saya supaya kita jangan benarkan kesatuan sekerja negara-negara kita ini bergabung dengan kesatuan sekerja antarabangsa dan saya menyokong apa yang dicadangkan tadi oleh wakil dari Balik Pulau supaya kita tutup semua pejabat-pejabat, bukan sahaja pejabat ITF tetapi juga semua pejabat-pejabat kesatuan buruh antarabangsa yang terdapat di Kuala Lumpur pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar.

5.47 ptg.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar (Kota Setar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bercakap sepatah dua di dalam membahaskan usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya telah mendengar penerangan-penerangan yang telah disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di waktu mengemukakan usul ini dan fakta-faktanya agak lebih daripada satu jam, maka tebayanglah di dalam pendapat saya bahawa itu adalah pandangan dan pendapat dan butir-butir bagi pihak Kerajaan menghadapi krisis MAS ini. Nasib saya tidak baik, saya tidak dapat pula mendengar dan meneliti pihak yang sebelah lagi yang menjadi pertikaian, ertinya dengan AEU ataupun ITF. Sebagai seorang yang bukan pihak Kerajaan, hendak kata Pembangkang sangat macam DAP pun tidak juga (*Ketawa*) dan Kerajaan sangat pun tidak juga, jadi saya menghadapi serba salah

Ahli-ahli Yang Berhormat: Masuk baliklah!

Tuan Yang di-Pertua: Jangan ganggu. Yang Berhormat, sila teruskan.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Dewan ini patut sangatlah mengambil perhatian berat di atas perkembangan yang telah berlaku akibat pertikaian Syarikat Penerbangan Malaysia dengan Kesatuan Pekerja Penerbangan ataupun AEU dengan MAS.

Masalahnya timbul, Tuan Yang di-Pertua, masalah majikan dengan buruh. Majikan tentulah hendak menjimatkan wangnya supaya dia boleh senang lekas sedikit, kaya lekas sedikit. Buruh dia mahu juga dia punya hak-hak dan kebebasan serta hidup senang sedikit sebanyak dan ini dapat diselesaikan dan sentiasanya diselesaikan dengan kira-bicara ataupun bermesyuarat di antara suatu sama lain—berunding. Saya rasa jikalau Kerajaan menganggapkan MAS ini sebagai satu syarikat Kerajaan yang Kerajaan sendiri merasa bertanggungjawab terhadap MAS dan terhadap AEU, perkara ini tidak berlaku. Tetapi oleh kerana kemungkinan sekali pihak Kerajaan bertindak terlalu lambat, nanti perkara itu sudah macam kita buat tanak nasi, sudah jadi bubur baru kita bertindak, susahlah Tuan Yang di-Pertua.

Saya teringat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di satu ketika, waktu krisis di antara MAS dengan AEU sepatutnya Yang Amat Berhormat sebagai ketua nombor dua Kerajaan Malaysia ini tidak melakukan perkara yang begitu. Maknanya pernah Yang Amat Berhormat mengatakan: Kalau macam ini susah-susah kita tutup pula MAS ini, kita korek pun landasan ini tidak usah ada MAS, itu attitude Kerajaan kepada AEU. Itu rasanya penyakit, sedikit sebanyak hati ahli-ahli AEU. Jadi, saya hendak kata banyak pun soal tuntutan, 40-80% macam mana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, itu tidak dapatlah saya hendak menentukan dengan sejelas-jelasnya sebab saya tidak tengok benda-benda itu semuanya. Malangnya masalah sekarang ini kita hadapi walaupun MAS dengan AEU dapat diselesaikan, kita minta diselesaikan dengan segeranya supaya yang terpecat, yang terbuang, yang ditangkap itu diselesaikan dengan secara bijaksana. Tetapi yang timbul sekarang ini dengan ITF.

ITF ini besar. Rasa sama besar dengan Kerajaan Malaysia ini, entah-entah lebih besar dari Kerajaan Malaysia. Kalau tidak silap saya dengar cerita orang mengatakan ITF itu membeinya ada hampir 7 juta, serata ceruk dia ada, di mana dia tidak ada? Kita ini kapal terbang ada, kapal laut ada, ini susah, Tuan Yang di-Pertua. Kalau kapal laut kita bawa barang dagangan pergi keluar negeri tidak ada orang angkat, tidak ada orang punggah dan sebagainya, inipun kacau juga. Kapal terbang kita sudah kena sebihi di Sydney, sampai seminggu duduk di sana. Kemudian kalau kena pula dua tiga biji lagi, kapal terbang kita kurang juga, Tuan Yang di-Pertua. Susah juga (*Ketawa*). Itulah yang saya berpendapat kita mesti pandang hal ini cukup serius, yang mesti diselesaikan dengan sebaik-baiknya. Maaf, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya rasa cara Yang Amat Berhormat berucap tadi kadang-kadang saya berasa kalau hendak berperang elok juga (*Ketawa*). Dengan penuh emosi, dengan penuh perasaan semua sekali, tetapi saya rasa inipun kadang kala tidak berapa seronok bagi saya, mungkin sebab kita ini kalau kita boleh tumbuk, kawan boleh tempeleng. Kita tumbuk dia di sini, dia tempeleng kita di sana, kacau juga. Inilah masalah-masalah yang saya fikir dan saya menyerulah pihak Kerajaan supaya bertindak dengan cara yang baik supaya kedudukan kita tidak terjejas dalam soal perhubungan antarabangsa dan dalam segi diplomatik, dari segi perniagaan dan dari segi segala-galanya sebab perkara ini berat, Tuan Yang di-Pertua, kalau silap-silap langkah kita berat, kalau kena langkah insyallah kita akan selamat.

Itulah, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sokong pun tidak mahu, tak sokong pun tidak mahu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kepong.

5.56 ptg.

Dr Tan Tiong Hong (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana apa yang diperlukan oleh negara kita sekarang ialah perpaduan dan bersatupadu untuk menentang political blackmail oleh se golongan orang yang mengatakan mereka mewakili semua pekerja sedunia.

Macam mana, Tuan Yang di-Pertua, mereka boleh mengaku mengatakan yang mereka ialah jaguh pekerja-pekerja sedunia apabila pekerja itu sendiri tidak terima arahan dari kesatuan nasional mereka sendiri.

Pada 15hb Mac tahun ini pekerja-pekerja di Sydney menolak directive dari Australian Council of Trade Unions bahawa mereka telah memutuskan ban MAS, Akhirnya dengan intervention Tentera Udara Australia di bawah arahan Perdana Menteri mereka, Tuan Malcolm Fraser barulah DC.10 kita telah dibebaskan. Orang ramai selalu mengatakan, Tuan Yang di-Pertua, kita di Jinjang dan Kepong adalah tempat pengaduan. Sungguhpun begitu kita tidak pernah hijak kapal terbang orang lain dan membuat pergaduhan antara satu negara dengan lain dalam kawasan ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua, saya sendiri tidak tahu sama ada Encik Donald Uren sedar bahawa kerosakan yang telah dilakukan oleh orangnya. Saya berharap sesiapa yang terlibat dalam Trade Union akan berhati-hati apabila mengambil orang luar untuk memberi pertolongan atau penasihat. Saya cuma sebagai penasihat kepada beberapa kesatuan sekerja dan saya amat gembira untuk mengetahui berapa banyak Trade Union di negara kita berasa bangga dalam kebolehan mereka untuk menyelesaikan masalah mereka sendiri. Jika kita tidak layak melawan untuk kebenaran pekerja kita alangkah malunya bahawa kita akan menjual kenyataan nasional atau national identity kita kepada lain national yang tidak mengindahkan sama ada national economy kita cacat dan rosak. Jika bangsa yang kecil dan besar boleh ditegur supaya jangan campurtangan dengan urusan peribadi kita secara damai dan aman, apakah keistimewaan yang ada kepada ITF bahawa mereka boleh menghindarkan naskah perjanjian dan kejujuran bangsa kita.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama dan sokongan yang telah diberi oleh MTUC dan Presidennya Dr P.P. Narayanan sangatlah dihargai. Saya berharap ITF tidak akan menggunakan Dr P.P. Narayanan untuk makanan buaya Darwin, sebagaimana yang saya ketahui mereka selalu dalam keadaan lapar dan juga ada satu union yang kuat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang kita hadapi sangatlah penting. Saya berharap semua orang yang berkenaan dapat bertolak ansur dan membolehkan MAS menjalankan tugasnya secepat mungkin. Jika ini berjaya, saya harap jika ada ahli-ahli politik khasnya di pihak Pembangkang yang ingin menentang issue ini diminta difikirkan dahulu. Apa yang kita perlukan sekarang ialah kurang bercakap dan banyak bergerak. Sesiapa yang boleh memberi pertolongan dipersilakan tetapi janganlah mengharapkan pembalasan kelak. Apa yang kita kehendaki sekarang ialah diplomasi untuk dapat AEU balik ke meja perundingan dengan harapan bahawa AEU dapat memberitahu kepada orang luar khususnya ITF supaya jangan campur tangan dalam masalah negara kita. Walau apapun tuntutan dari AEU itu mereka seharusnya diberitahu dengan serius mereka tidak akan mendengar nasihat dari orang luar. Mereka sepatutnya melalui MTUC yang mana adalah dari keluarganya sendiri. Masalah ini dan saya harap semua ahli parti yang berkenaan akan bergerak sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pengurus MAS tidak dibebaskan dari tuduhan tetapi sekarang bukanlah masanya kita hadapi untuk menetapkan siapa yang benar dan siapa yang salah.

Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya di bawah ucapan Ketua Parti Pembangkang, dia telah menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Pendaftar Kesatuan-kesatuan Sekerja ialah melanggar hak asasi kemanusiaan. Ini saya tidak bersetuju dengan pendapat itu oleh kerana pada pendapat saya Registrar of Trade Unions telah diberi masa dan peluang untuk AEU to show cause. Barangkali tindakan Pendaftar sangat over reaction, tetapi oleh kerana ada orang yang hendak mengapi-apikan perkara ini untuk menjadi satu krisis pemimpin-pemimpin AEU tidak mengambil peluang ini untuk menggunakan cara show cause tetapi memilih jalan konfrantasi dengan majikan. Siapakah yang bermain brinkmanship yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling adalah akademik sekarang, kita harus mengadakan satu barisan yang sama yang tidak mengira ideologi politik untuk mengadakan satu suasana yang sesuai untuk

mengatasi masalah yang dihadapi oleh kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, with due respect untuk ketua Pembangkang, bagi pendapat saya sendiri berkenaan tindakan terhadap South Africa atau Israel ialah melalui United Nations dan juga mengikut international law, tetapi tindakan-tindakan yang telah diambil oleh ITF adalah macam tindakan gangsterism dan saya juga mengambil peluang ini merayu kita juga tak usah over react dan meminda Ordinan Kesatuan Sekerja sebelum kita mengkaji dengan teliti pros dan cons pindaan-pindaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang sampailah masanya untuk reconciliation dan compromise. Biarlah sejarah menentukan siapa yang benar dan siapa yang salah. Rakyat Malaysia merayu supaya MAS memulakan perkhidmatan mereka dengan sepenuh-penuhnya. Dan saya percaya semua lapisan rakyat akan memberi sokongan penuh kepada Kerajaan kita untuk mengambil tindakan-tindakan dan mencari cara-cara yang sesuai untuk mencapai matlamatnya.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARI PERATURAN MESYUARAT

Menteri Buruh (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selesai diputuskan oleh Dewan ini.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12, Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selesai diputuskan oleh Dewan ini.

PERTIKAIAN SYARIKAT PENERBANGAN MALAYSIA (MAS) DENGAN KESATUAN PEKERJA PENERBANGAN (AEU)

6.06 ptg.

Tuan Hashim bin Ghazali (Matang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri khasnya mengenai negara berkenaan krisis MAS—AEU.

Tuan Yang di-Pertua, semasa Dewan sedang berbincang mengenai keadaan yang begini, tiba-tiba sudah terjadi sesuatu yang tidak menarik di dalam Dewan yang sepatutnya semua pihak mengambil sikap berkenaan dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Perdana Menteri dan berbincang sepertimana yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada Barisan Nasional. Tetapi, berlainan daripada parti DAP tetapi nampaknya daripada PAS boleh tahan juga.

Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang bangun bercakap begitu panjang mengecam usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Buruh, dan berbagai-bagai perkara lagi, kemudian membuat pula cadangan yang saya percaya ia sendiri sedar. Cadangan yang dikemukakan begitu tidak boleh, kerana tiap-tiap Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini yang sudah sepatutnya mesti mengetahui peraturan-peraturan dalam Dewan ini sendiri. Tetapi apabila sahaja Tuan Yang di-Pertua menolak usul ini, seperti biasa juga Ahli Yang Berhormat dari Petaling keluar daripada Dewan ini dan diikuti oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP seolah-olah mereka tidak mahu bertanggungjawab di atas hal yang seperti ini, bahkan dipercayai kalau keadaan negara lebih genting daripada ini pun, kemungkinan mereka juga tidak akan bertanggungjawab. Jadi oleh sebab itu, saya berasa bagaimanakah sepatutnya jika sesuatu perkara yang telah dibawa ke dalam Dewan ini dan sepatutnya menarik perhatian ramai, berbincang untuk menyelesaikannya. Sepatutnya inilah masanya cadangan, bantahan dan perbincangan sepertimana yang dikehendaki oleh Parlimen ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya menarik perhatian Dewan, apabila pertikaian MAS terjadi dengan AEU yang bermula daripada 5-12-1978 hingga 15-2-1979 yakni sesudah dua bulan sepuluh hari baharulah pada masa itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat satu ucapan penting kepada negara, dan daripada tarikh itu sehingga hari ini yakni 20-3-1979 mengambil masa yang panjang pula, satu ucapan yang penting dibawa ke dalam Dewan ini. Inilah masanya kita berbincang, mengetahui keadaan ini bersama-sama dengan rakyat keseluruhannya dan dapat diberi pandangan bagaimanakah sepatutnya Kerajaan yang kita dukung ini bagi menyelesaikan masalah ini. Dan apa yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sesudah ITF Cawangan Australia di Sydney menahan sebuah kapalterbang yang kita miliki, kalau tidak silap saya modal membeli kapalterbang ini lebih kurang \$85 juta. Bukan itu sahaja, sesudah MAS mengalami kerugian lebih \$10 juta dan dalam keadaan begini ada pula ITF di Jerman Barat ingin mengikuti jejak ITF di Sydney dengan menahan kapalterbang kita selama 3 jam di sana. Boleh jadi juga jika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak mendapat sokongan dalam Dewan ini, akan diikuti oleh negara-negara lain sebab ITF bukan ada di dua tiga negara tetapi ada di 84 negara di dalam dunia ini. Inilah suatu masa yang paling genting yang sangat-sangat dihargai masanya di dalam Dewan atau di luar Dewan, baik ia daripada Kerajaan atau ia daripada Pembangkang. Apakah nilai kita menganggap yang kita mewakili rakyat, kita ingin merosakkan cadangan yang begini baik, usul yang begini elok untuk menyelesaikan satu masalah yang besar yang kita sudah mengalami kerugian, yang kita sudah mengalami beberapa masalah yang sudah dicampuri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelesaikannya.

Tuan Yang di-Pertua, kita patut tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada UMNO yakni sebuah parti Kerajaan, parti kami yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin bagi pihak Ketua Pemuda UMNO Malaysia dan bagi pihak Biro Buruh UMNO Malaysia yang berusaha bersama-sama bagi menyelesaikan masalah ini pada 13hb Disember, 1978, sesudah terjadi kejadian itu selama 9 hari.

Dan sepatutnya kita di dalam Dewan ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang memberikan kebenaran Belia Dusun Tua membantu bagi perjalanan MAS yang terjadi begitu rupa pada masa itu. Bukan itu sahaja, kita patut memberi terima kasih kepada pemberita akhbar ataupun sesiapa juga yang bersama-sama dengan Kerajaan cuba membantu bagi menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini hampir akan selesai kerana di dalam ucapan mengenai usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi di dalam perenggan (iii) Kerajaan menyokong supaya wujud suasana yang sesuai di antara MAS (Majikan) dengan AEU. Bukan ertinya Kerajaan sudah tidak percaya kepada AEU dan MAS bagi menyelesaikannya kerana di dalam cadangan yang dikemukakan tadi Kerajaan masih mempunyai keyakinan dapat diselesaikan di antara majikan (MAS) dengan AEU, ertinya sehingga setakat ini Kerajaan masih mengaku wujudnya AEU, masih menghormati kesatuan ini bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Di dalam hal ini, saya suka mengambil peluang mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan sungguhpun apa yang terjadi begitu rupa dan keadaan suasana yang tidak baik tetapi Kerajaan masih lagi memandang kesatuan AEU ini sebagai sebuah kesatuan yang mewakili pekerja-pekerja MAS di dalam negara kita ini. Oleh itu, saya mengambil peluang di sini bersama-sama dengan sahabat-sahabat yang lain berharap AEU dan MAS akan berunding terus dan diharap akan mencapai matlamat bersama di dalam perundingan yang dicadangkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkata tadi, pada 3hb Januari, 1979 daripada 20 perbincangan di antara AEU dengan majikan (MAS) 17 daripadanya sudah berhasil tetapi oleh kerana sejak berlaku pertikaian daripada 5 kejadian seperti itu dan beberapa kejadian yang lain khasnya ITF telah terlibat di dalam hal ini, maka keadaan seperti ini sudah menjadi satu masalah yang kita sedia maklum pada masa ini. Di dalam hal ini, tadi kita telah dengar bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan perjanjian AEU dengan MAS telah tamat

pada 1hb Mei, 1978 dan cadangan baharu yang dikemukakan pada 14hb Julai, 1978, sambungan rundingan 13hb September, 1978. AEU minta 80% yakni \$16 juta setahun bagi gaji tambahan mereka dan AEU meminta 314% bagi elaun yang memakan belanja \$32.4 juta, yakni kalau MAS meluluskan sudah menjadi sebanyak \$48.4 juta yang pada pandangan saya sudah tidak ada kemampuan di pihak MAS sendiri. Akhirnya AEU telah berunding lagi dan telah mencapai kepada tanggajaji daripada beberapa peratus menjadi 40% tetapi elaun masih kekal 314%. Dan pada 28-11-1978 MAS membuat tawaran 6.8% kenaikan gaji, ertinya daripada sejak tamat perjanjian cadangan baharu telah dikemukakan AEU sudahpun berpeluang membuat perundingan dengan pihak MAS tetapi di dalam perundingan ini kedua-dua pihak masih bertolak ansur. Dengan bayangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi ternyata AEU telah mengadakan perundingan-perundingan dengan pihak MAS tetapi pada akhirnya apabila sahaja ITF mengambil peranan campurtangan dalam masalah AEU ini maka keadaan telah wujud dengan begitu rupa. Saya percaya kalau AEU dapat memahami hakikat Kerajaan, dapat mengetahui keadaan sebenarnya, keadaan keseluruhan hati rakyat dalam negara kita, maka mereka tidak mudah dipengaruhi oleh ITF walaupun mereka telah menjadi ahli ITF.

Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya katakan tadi di dalam keadaan yang sebegini rupa dan dalam keadaan peranan yang telah dimainkan oleh ITF yang telah membuat ugutan berbagai-bagai rupa sehingga akhbar telah menyebutkan di Australia jika sekiranya kapalterbang MAS sendiri akan terbang ke sana, kita tidak akan diterima oleh pihak ITF di sana dan menyebabkan German Barat pula telah membuat satu kejadian di negara itu kepada kapalterbang kita sendiri dan kita harap ITF dapat menyedari apabila sahaja sokongan telah diberi dalam Dewan ini kepada Kerajaan betapa halnya keadaan di negara kita ini ITF diminta dapat mengetahui sejelas-jelasnya dan pemberita-pemberita yang memberi berita kepada luar negeri pun diharap dapat memberi pengertian sejelas-jelasnya bagaimana keadaan sebenarnya yang dimainkan oleh pihak Kerajaan, yang disuarakan oleh pihak Kerajaan bagi

menyelesaikan masalah yang saya katakan. Oleh sebab itu kepada kita sekalian, sudah sepatutnyalah memberi sokongan sepenuhnya kepada Kerajaan bagi menyelesaikan masalah ini dan diharap MAS dan AEU dengan dibantu oleh Kerajaan bagi menyelesaikan masalah mereka dan diharap selepas daripada tarikh itu, AEU akan menjadi sebuah kesatuan yang sebaik-baiknya seperti mana kesatuan-kesatuan lain yang ujud di dalam negara kita.

6.22 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Hj. Ahmad: Bismillahirrahmanirrahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta membincangkan masalah yang kita hadapi sekarang ini iaitu mengenai usul yang berkaitan dengan krisis MAS.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita perlu mengambil satu perhatian berat terhadap masalah ini. Walaupun saya tidak dapat menyokong keseluruhan yang terkandung di dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi, tetapi saya menyetujui bahawa perlu masalah yang kita hadapi atau krisis MAS dengan AEU ini diberi perhatian yang berat dan begitu juga mengenai masalah campurtangan asing terhadap masalah itu.

Sebagai sebuah negara yang ingin hidup bebas dan hendak menentukan sendiri cara-cara yang hendak diikuti atau cara-cara yang perlu diikuti oleh kita, sudah tentulah kita tidak mengingini campur tangan asing walaupun di dalam masalah-masalah yang mungkin memberi kesan dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku di seluruh dunia. Tetapi kita harus juga mengkaji secara rasional bahawa pengaruh-pengaruh dan campur tangan asing itu boleh berlaku jika sekiranya keadaan-keadaan di dalam negara kita sendiri membenarkannya. Inilah apa yang telah terjadi kepada kita dalam hal yang berkaitan dengan krisis antara MAS dengan AEU ini, iaitu keadaan-keadaan di dalam MAS itu sendiri dan hubungan antara MAS dengan pekerja-pekerjanya telah memberi peluang kepada kuasa-kuasa asing untuk campur tangan di dalam urusan negara kita.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya tadi telahpun mengaku

bahawa MAS menghadapi kelemahan-kelemahan yang tertentu akibat kecuaiannya sendiri di dalam memperkokohkan jentera pentadbirannya. Ini adalah satu keadaan yang telah diakui sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keadaan ini membenarkan ujudnya campur tangan asing yang kita tidak ingini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan yang lalu Menteri yang berkenaan dengan MAS ini dan juga Timbalan-timbalan Menteri selalu menerangkan kepada kita tentang kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh MAS dan gambaran-gambaran yang diberikan itu seolah-olahnya MAS tidak menghadapi apa-apa masalah. Mereka tidak membentangkan kepada kita hakikat yang sebenarnya dan keadaan yang wujud sekarang ini, pertikaian yang wujud sekarang ini bukanlah lahir di masa ini sahaja tetapi sudah wujud jauh sebelum daripada perkembangan yang terakhir ini. Tetapi saya sungguh merasa kesal kerana Menteri dan juga Timbalan Menteri berkenaan telah tidak memberikan gambaran yang sejelas-jelasnya dan tidak mengemukakan masalah-masalah ini supaya diketahui oleh Parlimen dan supaya cadangan-cadangan serta langkah-langkah yang awal patut diambil untuk mengelak daripada berlakunya krisis yang seumpama ini. Pengakuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri secara berterus terang tadi adalah merupakan satu tamparan hebat kepada Menteri dan juga Timbalan Menteri yang berkenaan yang bertanggungjawab terhadap MAS ini, dan mereka hendaklah mengakui kesalahannya itu dan hendaklah memperbaiki keadaan yang menimbulkan tamparan itu kepada mereka sendiri. Ini adalah satu pengajaran, pengajaran yang baik untuk mereka. Saya tidaklah mahu hendak mencabar supaya mereka meletakkan jawatan sepertimana yang dilakukan oleh setengah-setengah pihak tetapi pengakuan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini seharusnya mengajar Menteri-menteri dan juga Timbalan Menteri yang bertanggungjawab terhadap MAS ini supaya menyatakan yang benar itu dan supaya dapat difikirkan bersama bagaimana caranya untuk mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Kelemahan yang lain selain daripada yang diakui sendiri oleh Perdana Menteri yang

membenarkan campurtangan asing ialah hubungan yang tidak baik di antara MAS dengan pekerja-pekerjanya dan perkara ini telahpun ditimbulkan dalam sidang Parlimen yang lalu kerana banyak juga di antara Ahli-ahli Dewan ini yang telah menimbulkan perkara yang demikian.

Masalah pekerja-pekerja MAS ini bukanlah masalah yang baru dan selain daripada pekerja-pekerja MAS juga pekerja-pekerja dalam sektor-sektor yang lain turut juga mengemukakan memorandum-memorandum mereka yang menunjukkan bahawa ada suatu keadaan yang tidak serasi yang wujud di dalam negara kita ini yang berkaitan dengan hubungan antara majikan dengan pekerja-pekerja.

Tuan Yang di-Pertua, apabila keadaan sudah meruncing, suasana keruncingan itu ditambah pula dengan tindakan-tindakan seperti yang ditegaskan oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar tadi iaitu kenyataan-kenyataan sumbang yang tidak menunjukkan rasa simpati, yang tidak menolong untuk mewujudkan suasana yang baik untuk menyelesaikan pertikaian tersebut. Kenyataan-kenyataan yang menimbulkan lagi rasa tidak percaya-mempercayai antara AEU dengan MAS dan juga Kerajaan, ugutan-ugutan seperti hendak menutup MAS sama sekali dan lain-lain ugutan serta justifikasi yang diada-adakan untuk mengambil tindakan menangkap ahli-ahli AEU itu adalah sebenarnya menolong mengeruhkan lagi keruncingan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga merasa terkejut dengan kenyataan yang telah dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya tadi yang saya merasakan bahawa di dalam keadaan kita hendak mencari suatu penyelesaian di antara MAS dengan AEU, ia boleh menimbulkan suatu keadaan yang lebih menyusahkan kita lagi atau yang lebih memberatkan lagi campur tangan asing untuk menggagalkan usaha-usaha itu.

Tuan Yang di-Pertua, tadi telah saya katakan bahawa bukan sahaja di dalam hubungan MAS dengan pekerja-pekerjanya menimbulkan masalah-masalah di dalam negara kita, tetapi di sana terdapat juga lain-lain sektor di mana kita dapati bahawa

pekerja-pekerja tidak berpuas hati dengan suasana dan keadaan hubungan antara mereka dengan majikan.

Oleh yang demikian saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula secara menyeluruh dasar-dasar yang berkaitan dengan hubungan antara majikan dan pekerja-pekerja. Satu suasana yang lebih baik dan adil hendaklah diwujudkan, dasar-dasar yang tidak hanya berasaskan kepada kepentingan satu-satu pihak, tetapi ialah dasar untuk menjaga kepentingan semua pihak. Dasar ini hendaklah menetapkan panduan-panduan dan tindakan-tindakan supaya majikan-majikan tidak hanya memikirkan keuntungan untuk diri mereka sahaja, tetapi hendaklah memberi panduan kepada mereka supaya memikirkan juga kepentingan-kepentingan pekerja dan memandang bahawa pekerja itu adalah sebahagian daripada mereka dan mereka tidak dapat memisahkan diri daripada pekerja-pekerja. Walaupun kadang-kadang tuntutan daripada pekerja-pekerja mungkin dirasakan tidak menasabah, tetapi penyelesaian yang adil secara musyawarah hendaklah dijadikan satu panduan kita yang sebenar-benarnya, suatu cara hidup kita yang dapat menyelesaikan masalah-masalah yang kita hadapi.

Dalam hubungan krisis MAS dengan pekerja-pekerjanya atau AEU patutlah Kerajaan mengambil inisiatif membuka semula rundingan dengan AEU dan Kerajaan hendaklah menunjukkan tindakan baik sangka dan juga menimbulkan satu keadaan konfiden iaitu dengan membebaskan ahli-ahli AEU yang ditangkap dan diambil semula pekerja-pekerja MAS yang telah digantung ataupun dibuang kerja.

Dengan kembali semula perdamaian antara MAS dengan AEU di bawah pengawasan Kerajaan yang perlu bersikap tenang dalam menghadapi masalah ini, ia akan merupakan tamparan hebat kepada kuasa-kuasa luar yang hendak campur tangan mengenai perkara yang timbul. Kerana tamparan hebat kepada musuh ialah sewaktu kita bertindak adil di dalam menyelesaikan masalah-masalah kita dan sewaktu kita bersatu di antara sesama kita, itulah satu tamparan yang hebat kepada musuh-musuh yang hendak campur tangan di dalam masalah kita. Tetapi kalau sekiranya

kita menunjukkan sikap yang tergopoh-gopah, sikap yang hendak meruncingkan keadaan, ia akan merupakan tindakan yang membuka lebih luas lagi pintu untuk mereka campur tangan dan mengambil tindakan-tindakan yang merugikan kepentingan kita.

Tadi saudara saya Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar juga melahirkan rasa terkejut dengan kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bercakap seolah-olah dengan nada yang kurang sabar. Mungkin perkembangan-perkembangan yang berlaku itu mendorong beliau untuk bersikap kurang sabar tetapi sebagai ketua daripada Kerajaan, maka sifat yang seperti ini tidaklah boleh ditonjolkan, tidaklah boleh dikemukakan sehingga orang-orang yang hendak mengambil kesempatan bagi merosakkan kita mendapat peluang yang sebaik-baiknya dan menjadikan ucapan itu sebagai satu alasan untuk mereka meneruskan tindakan provokasi mereka terhadap masalah yang kita hadapi.

Tuan Yang di-Pertua, saya lagi sekali mengharap kepada Kerajaan supaya mengambil inisiatif untuk menimbulkan suasana yang lebih baik, suasana yang lebih harmoni antara MAS dengan AEU ini supaya keadaan-keadaan yang salah dan keadaan-keadaan yang tidak menyenangkan dapat dikembalikan kepada jalan yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga orang Ahli Yang Berhormat lagi yang hendak bercakap. Saya akan berikan Kulim Bandar Bharu dan selepas itu, sebelum Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggulung Usul ini saya akan memberi peluang kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan dan Yang Berhormat Menteri Buruh untuk bercakap kerana kedua-dua Kementerian ini telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudah bercakap.

6.41 ptg.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir (Kulim Bandar Bharu): Tuan Yang di-Pertua, sambil menyokong Usul yang dibentangkan oleh Perdana Menteri saya inginlah menarik perhatian Kerajaan khususnya kepada perenggan 3 Usul tersebut di mana Kerajaan ingin berusaha mengujudkan suasana yang sesuai bagi perundingan dimulakan semula di antara pihak Pengurusan MAS dan AEU.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam membincangkan pertikaian MAS/AEU ataupun pertikaian-pertikaian buruh yang lain, kita tidak boleh pisahkan dengan soal keselamatan negara. Soal keselamatan negara sekarang ini sudah menjadi soal besar dan mendesak dan tidak boleh lagi dihadapi secara sambil lewa sahaja. Empat perkara saya rasa menekankan lagi masalah keselamatan ini:

- (i) Pergolakan di Indo-China sekarang ini yang mana kita sudahpun merasai kesan-kesannya,
- (ii) Kelemahan dan kelumpuhan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu dan juga opinion antarabangsa untuk menyekat pencerobohan dari sebuah negara yang merdeka terhadap sebuah negara merdeka yang lain yang mana keadaan-keadaan ini kian menjadi-jadi, misalnya Vietnam terhadap Kemboja, China terhadap Vietnam, Tanzania terhadap Uganda, campur tangan Cuba dan Soviet Union di Angola dan Ethiopia dan sebagainya.
- (iii) Kemasukan pendatang haram Vietnam ke Malaysia, sebanyak 60,000 orang, dalam masa yang begitu singkat jelas membuktikan bagaimana terdedahnya Malaysia kepada penyusupan daripada dunia komunis, dan
- (iv) Dari keadaan keselamatan dalam negeri sendiri yang mana masih tidak juga normal.

Memandangkan keadaan ini saya rasa sudah tentulah musuh-musuh negara akan cuba mencari peluang untuk melemahkan ketahanan Malaysia—untuk menimbulkan kekacauan bila sahaja mendapat peluang, khasnya menerusi ejen-ejen mereka di dalam negeri kita sendiri. Kenyataan Perdana Menteri mengenai proses pergolakan krisis MAS ini jelas membuktikan bagaimana anasir-anasir ini hampir mendapat kejayaan. Sebagaimana yang kita semua maklum, Kesatuan-kesatuan Sekerja adalah merupakan alat utama bagi anasir-anasir komunis untuk menimbulkan huru-hara di sesebuah negara dan demi untuk memajukan kepentingan politik mereka. Ini jelas dari sejarah perjuangan komunis sedunia. Anasir-anasir komunis ini adalah mahir dan terlatih;

dapat sahaja satu peluang kecil maka mereka akan mencelah dan mengambil kesempatan. Mereka pandai memperalatkan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang mana banyak juga ikhlas dan bertanggungjawab, iaitu dengan cara menyuapkan ego mereka ini. Saya tidak akan hairan jika banyak dari pemimpin-pemimpin AEU juga terperangkap dan telah diperalatkan dengan secara ini.

Oleh itu, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas sikap tegas Kerajaan menghadapi krisis ini, khasnya terhadap orang-orang yang telah cuba mengambil kesempatan dari krisis tersebut. Takdirnya jika Kerajaan berlembut, maka sudah tentulah pertikaian MAS/AEU itu akan diikuti pula dengan tuntutan dari Kesatuan-kesatuan Sekerja yang lain dan akibatnya huru-haralah dalam negara, sebagaimana yang dikehendaki oleh musuh-musuh kita.

Saya rasa kesal juga bahawa setengah-setengah pemimpin AEU telah membenarkan diri mereka diperalatkan untuk kepentingan-kepentingan yang lain, oleh sebab mungkin setengah-setengah dari tuntutan gaji yang dibuat oleh pekerja-pekerja MAS adalah berasas. Tetapi malangnya oleh sebab krisis tersebut sudahpun berada dalam keadaan sekarang ini maka Kerajaan tidak ada pilihan lain hanya untuk terus bertindak tegas. AEU perlulah diharamkan seterusnya, oleh sebab sebagaimana yang kita tahu, AEU adalah merupakan satu pertubuhan yang mewakili pekerja-pekerja bukan sahaja dari MAS tetapi juga dari Syarikat-syarikat penerbangan yang lain seperti SIA dan juga Cathay Pacific.

Kerajaan haruslah menggalakkan suatu pertubuhan yang lain yang mewakili pekerja-pekerja MAS sahaja. Soal ITF hendak tunjuk kekuatannya, kukunya itu, kita terima sahaja cabarannya dengan membatalkan penerbangan-penerbangan ke tempat-tempat yang berkenaan.

Sebagaimana yang dikatakan berkali-kali oleh Perdana Menteri kepentingan dan keselamatan negara mestilah diletak di atas segala-galanya. Mungkin dalam tindakan tegas Kerajaan ini setengah-setengah pekerja MAS yang tidak berdosa terpaksa menanggung kerugian buat sesuatu ketika tetapi saya percaya ini semua dapat

dibereskan dalam masa yang singkat. Dosanya perlulah ditanggung oleh pemimpin-pemimpin AEU yang sesat.

Bagi Kerajaan tidaklah ada pilihan lain tetapi terus bertindak tegas sekurang-kurangnya sebagai satu amaran keras kepada Kesatuan-kesatuan Sekerja yang lain yang mungkin akan membenarkan diri mereka secara sengaja atau tidak sengaja diperalatkan oleh musuh-musuh negara. Jika Kerajaan berlembut kali ini kita akan menghadapi 1,000 lagi pemogokan dan yang akan menang ialah komunis. Oleh itu biarlah kita susah sekejap asalkan selamat masa depan negara.

6.46 ptg.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim (Setapak): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai krisis MAS dengan AEU dan juga mengenai ITF.

Tuan Yang di-Pertua, MAS dibentuk oleh Kerajaan. MAS adalah kepunyaan Kerajaan dan kepunyaan rakyat Malaysia termasuklah kepunyaan pekerja-pekerja MAS itu sendiri walaupun tidak mempunyai saham secara langsung. Kalau kita kaji susunan pentadbiran MAS adalah seperti berikut:

Di bawah Kementerian Pengangkutan, Kerajaan ada Lembaga Pengarah dan di bawah Lembaga Pengarah adalah pentadbiran MAS sendiri yang menguruskan perkara-perkara harian. Dan di situ terbentuklah berbagai-bagai Jabatan dan Bahagian yang mempunyai kuasa-kuasa yang tertentu syarat-syarat yang tertentu dan mempunyai berbagai anggota dan pegawai, semuanya terdiri daripada rakyat Malaysia dan ada barangkali yang dipinjam dalam bidang professional.

Kalau kita kaji kedudukan MAS ditadbirkan oleh Kerajaan tetapi menjalankan tugas dalam bidang perniagaan. Konflik ini berlaku sedikit, pada suatu ketika kita berkehendakkan MAS mempunyai pentadbiran business acumen iaitu pemikiran cara berniaga—bagaimana hendak memperkenalkan hendak memperkembangkan dan hendak memajukan perniagaan penerbangan, bagaimana supaya segala modal yang dicurahkan oleh Kerajaan dapat memberi

keuntungan dan dalam pada itu keadaan MAS terpaksa mengikut saluran pentadbiran Kerajaan, tidak bebas seperti syarikat-syarikat perniagaan yang lain. Maka dalam perkara inilah MAS diwujudkan tahun 1971 sehingga pada hari ini dianggap satu perusahaan negara kita yang baru dalam bidang penerbangan. Kalau kita kaji daripada segi perjuangan parti yang memerintah perjuangan rakyat Malaysia betapa sulit dan menghadapi berbagai-bagai kesukaran waktu hendak memindahkan daripada MSA untuk menjadi MAS pada hari ini. Tentu kita mengetahui bagaimana pentingnya kedudukan MAS itu di kalangan rakyat Malaysia sendiri. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua kalau kita anggap pentadbiran MAS itu adalah sebagai bapa ataupun Kerajaan ini sebagai bapa, pentadbiran MAS itu sebagai anak dan pekerja-pekerja MAS itu sebagai anak-anak buahnya eloklah kita membuat kajian mendalam dan teliti perkara-perkara yang tidak diingini yang kita bincangkan di dalam Dewan pada hari ini dengan seriusnya terutama sekali daripada sikap pegawai-pegawai MAS yang bertanggungjawab terus terhadap pekerjaannya. Adakah pegawai-pegawai kanan MAS ini menganggap diri mereka sebagai pegawai-pegawai Kerajaan? Adakah sikap mereka terhadap pekerja-pekerja itu, menghadapi pekerjaan-pekerjaan itu daripada segi jurusan perniagaan oleh sebab kekosongan sikap beginilah saya rasa yang berlakunya krisis yang kita tidak diingini sehinggakan satu badan antarabangsa berpeluang dapat campur tangan.

Kalau kita tengok keadaan Yang Amat Berhormat kita berucap pada hari ini dengan cara jujur dan ikhlas, sayangkan negeri ini, mengeluarkan dengan perasaan dan semangat. Siapakah yang bertanggungjawab dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua? Tidak lain dan tidak bukan ialah pentadbiran MAS ini kerana kelemahan mereka dengan Lembaga-lembaga Pengarahnya. Maka Kerajaan, rakyat dan negara terdorong sebab mereka yang mempunyai kuasa, mereka boleh berlagak mempunyai kuku besi dan sebagainya, sekiranya mereka mahu dan mereka boleh menjadi majikan dan orang yang terbaik sekali, sekiranya mereka mahu.

Tuan Yang di-Pertua, kita sudah tengok sesuatu perkara yang sedang membangun

berkehendakkan kajian dan perubahan, iaitu perubahan manusia-manusia yang men-tadbirkan sebab yang melakukan perkara ini adalah manusia dan yang bertanggungjawab juga manusia. Jadi dalam perkara ini apa yang menyusah dan yang saya merasa takut dan sedih ialah saya tidak mahu pihak Kerajaan kita tidak dinasihatkan cara yang sebenar atau sebaliknya ataupun adakah sesepuluh orang yang melaporkan ini mengadakan sistem sweeping under the carpet.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar pepatah Melayu kita: Menjaga 100 ekor kerbau lebih senang daripada menjaga seorang manusia. Ini MAS mempunyai 4,000 pekerja, tidakkah Ahli-ahli Lembaga Pengarah memikirkan perkara ini, tidakkah pihak pentadbiran memikirkan masalah ini. Dalam perkara ini eloklah saya berterus terang sebab melalui pengalaman saya yang berlaku di lapanganterbang, masalah frustration di kalangan pekerja-pekerja terhadap management yang angkuh berlaku dalam Bulan Puasa. Saya ada di sana bersama Dato' Mohd. Najib, tetapi Dato' Mohd. Najib tidak ada dia telah balik, waktu buka puasa waktu kapalterbang menurunkan lembu pada satu petang. Saya hendak tumpang mencari tempat hendak berbuka puasa bersama-sama dengan pekerja-pekerja, tidak ada. Pekerja-pekerja itu terpaksa menumpang di tepi-tepi lereng dan sebagainya. Ini tidak difikirkan oleh pihak pentadbiran MAS untuk menjaga perasaan pekerja. Betul pegawai-pegawai MAS mempunyai tanggungjawab hendak memikirkan cari mencari untung—itu betul. Tetapi hubungan manusia (human relationship), perasaan antara pihak majikan dengan pekerja, maka dengan sebab itu perkara ini berlaku. Memandangkan perkara ini berkehendakkan perubahan dan kalau kita sayangkan MAS supaya hendak maju "We have to be cruel in order to be kind."

Tuan Yang di-Pertua: Minta kebenaran dahulu kalau hendak bercakap dalam bahasa Inggeris!

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Terpaksa kita bersikap zalim kalau hendak menyelamatkan yang banyak.

Kita beri contoh perubahan yang berlaku, Keretapi Tanah Melayu bertahun-tahun

lamanya mengalami kerugian. Setelah ada perubahan pentadbiran tengok keadaan Keretapi Tanah Melayu pada hari ini. Rakyat di Malaysia ini tidak banyak berfikir dengan panjang pendek, apa yang dilakukan oleh Kerajaan mereka sokong, mereka sayang apa yang dilahirkan oleh Kerajaan, tetapi kelemahan hubungan yang tidak dapat terjalin, kasih sayang dan semangat yang tidak dapat diwujudkan oleh pihak pentadbiran di kalangan pekerja yang boleh menggambarkan yang MAS ini mereka punya. Ini yang berlaku selama ini. Kita tidak ada mengkaji kelemahan pentadbiran, saya tidak kata kelemahan Kerajaan, jangan salah faham, saya hendak membetulkan rekod. Bukan salah Kerajaan, ini kadang-kadang silap, saya tidak menyalahkan Kerajaan, Kerajaan bersikap adil dan tegas tetapi masalah pentadbiran, berlainan. Kadang-kadang pentadbiran ini berselindung di sebalik Kerajaan. Dia mengatakan kalau ada apa-apa hal Kerajaan akan menjawab, apa-apa komplek dalam Parlimen Menteri yang menjawab. Mereka tidak bertanggungjawab, mereka boleh diselidik dan sebagainya, inilah yang kita kaji dengan sedalam-dalamnya.

Saya memanglah tidak setuju sama sekali campurtangan ITF tetapi kita kaji sejauh mana pula kuasa kita boleh mengawal ITF ini, siapa mereka, apa kena-mengena mereka dengan kita. Kalau kita menjerit di sini sekali pun mengata-ngata mereka apa effectnya terhadap mereka—tidak ada, Tuan Yang di-Pertua. Itu yang kita hendak fikirkan, negara kita sedang membangun, jadi kita tidak mahu kerana tabiat beberapa orang yang tidak mahu berterus terang habis keseluruhan negara terlibat, seekor kerbau membawa lumpur semua terpalit. Saya tidak mahu bertanggungjawab, kita tidak mahu berdosa kepada negara kita, bukan semua pekerja-pekerja MAS itu tidak sayangkan MAS. Elok kita kaji sebab-sebabnya yang boleh berlaku sebegini buruk keadaannya sejak tahun 1975. Ini semua berlaku bukan kerana sikap Kerajaan, sikap pihak pentadbiran MAS. Siapa dia Lembaga Pengarahnya, apa kerja Lembaga Pengarahnya selama ini. Apa mereka buat? Apakah laporan yang pernah kita dengar, apakah hubungan mereka. Saya pun menduduki beberapa Lembaga Pengarah, saya tahu tugas-tugasnya. Apabila ada krisis lekas-lekas menggunakan nama Menteri,

lekas-lekas menggunakan nama Kerajaan maka Kerajaan terbabit, culprits terlepas.

Saya menyokong ucapan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn 100% di atas sikap Kerajaan, tetapi saya minta Kerajaan mengkaji semula sedalam-dalamnya pentadbiran kalau patut direshuffle, reshuffle semua sekali, jangan takut-takut.

Jadi itulah dia, Tuan Yang di-Pertua, masalah pemuangan kerja dan sebagainya tetapi apa hendak dibuatkan. Siapa pegawai yang bertanggungjawab ke atas orang-orang yang hilang kerja ini dialah berdosa, tak kira apa bangsa sekalipun. Seseorang yang telah diberhentikan kerja, setelah bekerja beberapa tahun kena buang kerja kerana pentadbiran salah orang ini kena buang kerja, hilang periok nasi, anak-anak teraniaya, dialah yang berdosa, Tuhan akan membalas PAS ber-setuju dengan saya kalau saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak membetulkan sedikit pandangan PAS tadi. Dia mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita berucap dengan semangat—betul, Tuan Yang di-Pertua, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seorang yang jujur dan kasihkan negaranya dengan niat yang baik. Apa yang dia tahu, apa yang telah diberi maklumat kepada dia, apa facts dan figuresnya itu yang diterangkan. Kalau maklumat-maklumat itu tak betul diberi, orang-orang itu yang bertanggungjawab, siapa yang telah memberi salah misalnya, orang-orang ini yang bertanggungjawab.

Sekian penjelasan saya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong cadangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Saya telah berjanji kepada Ahli Yang Berhormat dari Hilir Perak tetapi oleh sebab Ahli Yang Berhormat itu tak ada, sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

7.02 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Tuan Mohd. Ali bin M. Shariff): Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah Kementerian di mana MAS yang terlibat pertikaianya dengan pekerja adalah terletak dibawahnya, maka izinkanlah saya menjelaskan sedikit-sebanyak

berhubung dengan beberapa perkara yang disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai pertikaian-pertikaian ataupun akibat-akibat pertikaian-pertikaian ini berlaku hasil daripada usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, masalah punca pertikaian ini sebagaimana yang kita semua ketahui ialah masalah tuntutan kenaikan gaji. Dalam hal ini soal patut atau tidak patut tuntutan kenaikan gaji itu tidaklah menjadi persoalan kerana sebagaimana yang kita ketahui bahawa masalah tuntutan kenaikan gaji ini memanglah menjadi salah satu perkara yang telah dipersetujui dan memang tercatat dalam collective agreement di antara AEU dan pengurusan MAS bahawa masalah tuntutan kenaikan gaji itu akan dikaji dalam masa 3 tahun sekali yang menjadi persoalan di samping sebagaimana yang kita tahu tuntutan-tuntutan yang dibuat yang difikirkan tidak menasabah, yakni tuntutan kenaikan gaji sebanyak 80% dan tuntutan di atas kenaikan elaun-elaun sebanyak 314% yang tidak ada kemampuan bagi MAS untuk menyempurnakannya tetapi ada lain-lain perkara yang patut dipertikaikan iaitu adakah tindakan-tindakan itu mengikut cara-cara yang dapat kita katakan civilised atau berdisiplin atau menurut amalan-amalan yang legal kerana di samping tuntutan yang dibuat oleh AEU di sebelah tangannya menuntut kenaikan gaji namun di sebelah tangan lagi mengadakan ugutan-ugutan dengan mengadakan tindakan-tindakan go-slow, tindakan-tindakan tidak menyediakan keperluan-keperluan makanan, tindakan-tindakan cuba merosakkan alat-alat yang digunakan di bahagian apron dan tidak cukup dengan tindakan seperti itu pihak AEU sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja menerima kerjasama daripada pihak-pihak asing, termasuk ITF. Inilah dia masalah yang harus difikirkan kerana sebagaimana yang saya katakan masalah tuntutan kenaikan gaji tidak harus dipertikaikan kerana tuntutan itu adalah tuntutan yang menasabah dan tuntutan yang sedia dipersetujui oleh pihak MAS.

Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat dari Petaling banyak bercakap yang menyalahkan semata-mata kepada Kerajaan dalam masalah pertikaian ini. Salah satu daripada apa yang dibangkitkan oleh

Ahli Yang Berhormat dari Petaling ialah masalah gaji yang diberi oleh MAS kepada pekerja-pekerjanya yang paling rendah dibandingkan dengan gaji paling rendah yang diberi oleh Kerajaan kepada kakitangan Kerajaan, menurut Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu adalah tidak patut sama sekali kerana menurut katanya gaji paling rendah yang diberikan kepada kakitangan Kerajaan ialah sebanyak \$190 sebulan tetapi MAS memberi gaji kepada kakitangan yang paling rendah hanya \$154. Pada sekali imbas kalau itu sahajalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling atau daripada mana-mana pihak juga tentulah dapat saya katakan satu gambaran yang tidak jelas kerana walaupun pihak MAS memberi gaji paling rendah kepada pekerja-pekerjanya \$154 sebulan pihak MAS sehingga hari ini tidak pernah melepaskan pemberian special relief allowance \$35 sebulan. Sebagaimana yang kita tahu kepada kakitangan Kerajaan special relief allowance sebanyak \$35 sebulan telah pun diserapkan ke dalam gaji yang dikatakan \$190 itu. Selain daripada itu, sepanjang yang diketahui, MAS juga memberikan berbagai-bagai elaun kepada pihak pekerja-pekerjanya, baik daripada gred A sehingga gred E, yakni di antaranya di samping gaji \$154 sebulan kepada pekerja yang paling rendah mereka juga mendapat pemberian special relief allowance \$35, disebalik itu MAS juga memberi shift allowance sebanyak \$45 sebulan, dhobi allowance sebanyak \$20 sebulan di samping memberi uniform, juga MAS memberikan, meal allowance (elaun makan) kepada pekerja-pekerjanya dan lain-lain elaun-elaun yang tertentu.

Selain dari itu terdapat juga berbagai-bagai jenis kemudahan yang diberi oleh MAS. Di antaranya ialah kemudahan-kemudahan (privilege) mengenai penerbangan dalam masa-masa kakitangan bercuti, selain dari itu berbagai-bagai kemudahan selain daripada overtime. Jadi, kalau dikaji dan dikira pendapatan ini dengan pendapatan \$190 bagi kakitangan Kerajaan yang paling rendah adalah didapati bahawa pendapatan yang diterima oleh pekerja paling rendah daripada MAS lebih daripada apa yang dapat diterima oleh pekerja Kerajaan yang bergaji paling rendah.

Selain daripada itu, apa yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling yakni

Kerajaan patut mengambil tindakan mahkamah sekiranya betul Kerajaan mendapati bahawa terdapat pekerja-pekerja MAS membuat gangguan (tampering) kepada kapalterbang-kapalterbang MAS yang dengannya terpaksa Kerajaan membatalkan segala penerbangan selama kira-kira dua hari. Dalam masalah seperti ini saya sukalah menyebutkan kepada Ahli Yang Berhormat dari Petaling bahawa masalah yang seperti ini berlaku dan jika berlaku kepada MAS adalah dianggap satu masalah yang amat serius, kerana kita tahu dalam masalah penerbangan ini jika kita mendapati keraguan terhadap sebuah kapalterbang, maka kita tidak patut membuat satu risiko terhadap penerbangan kapalterbang itu melainkan kita meyakini 100% keselamatan kapalterbang itu terjamin.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau ada menyentuh mengenai punca pertikaian kerana ahli-ahli AEU daripada berbagai-bagai syarikat penerbangan asing yang berbeza-beza sukatan gajinya yang boleh menyebabkan keadaan ini menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan ahli-ahli ataupun pekerja-pekerja MAS. Masalah perbezaan gaji di antara pekerja-pekerja MAS dengan pekerja-pekerja lain penerbangan asing yang bertempat di negeri ini seharusnya tidaklah boleh dijadikan perhitungan, kerana memanglah terdapat pekerja-pekerja penerbangan daripada syarikat-syarikat penerbangan asing yang bertempat di sini menerima gaji lebih tinggi daripada pekerja-pekerja MAS bagi jawatan-jawatan yang sama. Masalah seperti ini di mana-mana pun berlaku. Pekerja MAS sendiri yang bekerja di Singapura umpamanya, dibayar gaji lebih tinggi daripada gaji yang dibayar oleh SIA kepada pekerja-pekerjanya di Singapura. Demikian juga pekerja-pekerja MAS di Hongkong dibayar lebih tinggi gajinya daripada pekerja-pekerja penerbangan-penerbangan yang terdapat di Hongkong. Perkara mengenai perbezaan gaji ini adalah perkara biasa. Dalam pada itu, kita harus ingat bahawa pekerja-pekerja yang bekerja dengan penerbangan-penerbangan asing yang terdapat di negara kita ini bukanlah pekerja-pekerja yang boleh dikatakan pekerja-pekerja tetap kerana ada

masa-masanya mereka ini terpaksa di-berhentikan dan ada masanya pekerja-pekerja itu akan disuruh berhenti.

Berhubung dengan apa yang disebut mengenai pihak pengurusan MAS tidak tegas dalam menentukan sikap dan dasarnya dalam melaksanakan tanggungjawab atau seumpamanya, sebagai contoh yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau iaitu berhubung dengan pembelian DC-10 dalam mana menurut Ahli Yang Berhormat itu setelah dibeli DC-10 dua buah maka sebuah daripadanya terpaksa disewakan kepada SIA. Pendapat ini menurut hemat saya adalah kurang tepat kerana tidaklah ertinya sebuah daripada DC-10 itu disewakan kepada SIA, melainkan sebuah daripada DC-10 itu disewakan satu hari pada seminggu kepada SIA kerana terdapat masa itu—itupun berlaku dalam tahun 1978 kerana terdapat satu hari dalam seminggu DC-10 itu tidak digunakan. Tetapi selepas pada tahun 1978 perbuatan itu tidaklah lagi dilakukan dan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dalam masa kita tidak bercermat menimbang pembelian DC-10 kita juga hendak membeli kapalterbang Airbus sebanyak tiga buah, ditambah lagi satu buah barangkali. Dalam hal ini pihak MAS memanglah telah membuat kajian seberapa halus yang bahawasanya penting bagi MAS membeli kapalterbang Airbus itu bagi menggantikan kapalterbang B-707 yang telah lama dipakai bagi kegunaan penerbangan-penerbangan pertengahan, yakni penerbangan-penerbangan jarak pertengahan ke Hongkong, Tokyo, mungkin ke Timur Tengah atau seumpamanya.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau juga ada menyebut mengenai kelemahan-kelemahan pengurusan. Demikian juga dengan panjang lebar masalah ini dibangkitkan oleh Ahli dari Setapak dan juga disentuh oleh Ahli dari Baling, dalam mana Ahli dari Baling mengatakan dalam Dewan yang mulia ini Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri Kementerian Pengangkutan hanya memberikan gambaran-gambaran yang sihat, gambaran-gambaran yang baik semata-mata, tidak pernah menunjukkan gambaran-gambaran yang sebenar atau kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam pengurusan MAS. Saya rasa tuduhan yang dibuat oleh

Ahli Yang Berhormat dari Baling itu adalah tuduhan yang liar, tuduhan yang tidak dapat saya terima kerana rasa saya kita tidak bersikap seperti demikian, Kita sedia mendedahkan sebarang kelemahan yang terdapat dan kita sedia membenarkan sesuatu kenyataan yang benar. Dalam masalah ini, terutama sekali mengenai perkara yang disentuh oleh Ahli dari Setapak, saya sendiri tidak dapat menafikan kemungkinan terdapat kelemahan-kelemahan daripada pihak pengurusan sendiri, terutama sekali dalam hubungan, yakni dalam apa yang kita katakan mengenai human relationships. Oleh kerana barangkali syarikat penerbangan kita ini sebuah syarikat penerbangan yang baru wujud dan baru cuba hendak ke tengah dalam pertandingan atau pergolakan kemajuan penerbangan di dunia ini, maka terdapat di antara pegawai-pegawai muda kita yang begitu tergesa-gesa berkehendakkan kemajuan bahawa mereka lupa mereka berpijak di bumi Malaysia sendiri yang memerlukan dijalin hubungan baik di antara mereka dengan semua lapisan pekerja berasaskan keperibadian kita.

Walau bagaimanapun, kita percaya masalah seperti ini bukanlah masalah besar dan bukanlah masalah yang tidak boleh diperbaiki. Saya percaya masalah ini dapat dan akan diperbaiki dari satu masa ke satu masa.

Berhubung dengan Ahli Yang Berhormat dari Kota Setar mengatakan kita bertindak terlalu lambat, saya fikir itupun silap. Kita telah bertindak tegas dan cepat yakni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah mengambil tindakan yang boleh dikatakan tegas dan cepat, sebab itulah keadaan ini dapat diperbaiki dan dibendung segera sebagaimana keadaan sekarang dapat diperbetulkan dengan cepat. Saya fikir tidak pernah berlaku lambat dan tidak lambat tindakan yang dibuat ini.

Saya rasa tidaklah ada perkara-perkara lain yang menyentuh Kementerian saya yang telah diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat selain daripada apa yang saya terangkan ini. Jika ada selain daripada itu, saya percaya masalah-masalah itu akan dapat disentuh oleh Kementerian Buruh dan kemudian oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat untuk memberi jawapan.

7.26 mlm.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membuat sedikit komen dan memberi sedikit penjelasan atas aspek-aspek yang ada berkaitan dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam perbincangan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan saya ingin merujuk kepada sedikit bahagian daripada ucapan Ahli Yang Berhormat dari Petaling dan sekiranya saya menjawab point demi point kandungan ucapan beliau tentulah akan memakan masa yang banyak, malahan pula memandangkan beliau sendiri pun telah angkat kaki dan cabut, saya fikir tak payahlah sangat komen-komen saya terhadap ucapan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telahpun menjelaskan dengan begitu nyata dan teliti bagaimanakah suatu pertikaian antara kesatuan dan pengurus MAS telah dibesarkan sehingga timbul keadaan yang buruk. Tetapi walaupun begitu, Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah dengan sengaja mengeneipkan semua keterangan-keterangan yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita hanya sebentar sebelum Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu bangun memainkan lagu teguran beliau yang lama. Bunyi ucapan beliau dengan nyata mencerminkan sikap angkuh dan bongkak yang serupa dengan bongkak dan angkuh pihak ITF yang nampaknya dipandang oleh beliau sebagai pihak yang tidak boleh melakukan sebarang kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak ITF seperti yang telah dibayangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi dalam konteks pertikaian MAS—AEU itu telah menjadi boleh dikatakan enjin yang membinasa dan bukan membina terhadap kepentingan gerakan kesatuan sekerja di Malaysia. Mereka itu hanya boleh

mengeruhkan air untuk memancing oleh political opportunists seperti Ahli Yang Berhormat daripada Petaling tetapi tidak upaya dan tidak berhasrat menyelesaikan keadaan kucar kacir yang mereka telah cetuskan. Begitu juga Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang hanya ingin memutarbelitkan keadaan yang sebenarnya yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, akan tetapi tidak langsung mengindahkan dan tidak sanggup mendengar pandangan-pandangan dari Ahli Yang Berhormat yang lain tetapi telah membawa rakan-rakannya menghilangkan diri daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang sikap Ahli Yang Berhormat dari Petaling begitulah sejak lama dahulu lagi, iaitu beliau seorang sahaja dalam negara kita yang bijak dan pandai, semua orang lain adalah bodoh. Sebab itulah beliau selalu mengajak Menteri-menteri kita letak jawatan kerana kononnya kurang cekap. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, mengikut tafsiran beliau dalam kamus beliau sendiri kurang cekap serupalah dengan tak setuju dengan beliau. Jikalau tidak setuju dengan beliau maka kuranglah cekap. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dalam bahasa Inggeris: Certainly, I am not going to resign, simply to make him happy (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga ITF. Segala keterangan kita beri tidak diterima. Merekalah yang layak menentukan segala apa yang baik untuk kita tanpa menghiraukan sama ada kita boleh atau tak boleh menerimanya. Tuan Yang di-Pertua, hanya dengan meninjau sepintas lalu berkenaan dengan ucapan Yang Berhormat dari Petaling terdapatlah dengan nyata beliau mempunyai, dalam bahasa Inggeris, dengan izin, satu "propensity for wild over-statements". Dan juga apakah kaitan perbincangan ini atau pertikaian ini dengan perkembangan "Greek tragedy" itu saya tidak faham langsung. Tuan Yang di-Pertua, ini dengan nyata mencerminkan propensity beliau itu untuk bercakap memakai perkataan-perkataan dan ayat-ayat itu yang menakutkan orang sahaja dengan penuh paranoia dan banyak hysterics.

Tuan Yang di-Pertua, misalnya apabila beliau menyentuh Clause 34 di dalam Industrial Relations Act itu yang kononnya

patut digunakan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat supaya mengadakan satu enquiry melalui committee of investigation ataupun board of enquiry.

Sebagai seorang peguam saya rasa hairan bagaimanakah beliau boleh mencadangkan begitu, kerana Seksyen 34 itu langsung tidak berkait dengan keadaan yang dibincangkan, langsung tidak boleh digunakan apabila dalam satu keadaan faktor-faktor ataupun sebab-sebab kucar-kacir itu sudahpun ada di dalam pengetahuan kita. Kalau boleh saya pinjam satu ayat yang beliau sendiri telah gunakan pada petang ini sungguhlah dalam konteks ini Ahli Yang Berhormat dari Petaling itu sedang "barking up the wrong tree".

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan segala tindakan yang telah diambil oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja kita baik dengan memberi notis kepada kesatuan untuk memotong nama ahli-ahli kesatuan daripada pendaftarannya mahupun notis untuk meminta kesatuan itu menunjukkan apa sebab-sebabnya sijil pendaftaran kesatuan itu tidak boleh dimansuhkan ataupun ditarik balik, semua tindakan itu adalah mengikut undang-undang dan adalah wajar diambil. Pendaftar Kesatuan Sekerja kita, ialah seorang Ketua Jabatan yang mempunyai tugas-tugas dan kuasa-kuasa tertentu di bawah Ordinan Kesatuan Sekerja 1959. Adalah menjadi tanggungjawab beliau supaya tugas-tugas itu sentiasa dijalankan mengikut kuasa-kuasa yang sah di sisi undang-undang itu. Dan apa yang beliau telah jalankan itu wajar dan tepat mengikut kebijaksanaan beliau. Saya tidak mempunyai apa-apa alasan ataupun sebab-sebab yang boleh menunjukkan pandangan saya itu tidak benar.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah menyentuh dan telah membincangkan berkenaan dengan hubungan kesatuan-kesatuan kita dengan badan-badan antarabangsa misalnya ITF. Kita pada masa ini dihadapi oleh satu situasi yang kurang sihat di mana suatu badan antarabangsa seperti ITF yang bermastautin di luar negeri dan yang diuruskan oleh orang asing pula dapat campurtangan dalam perkara domestic kita dan mengancam ekonomi, merosakkan imej, mengeciwakan kerja-kerja pembinaan negara kita dengan sewenang-wenangnya. Tuan Yang di-Pertua,

kesatuan-kesatuan kita hendaklah ditarik perhatiannya kepada implikasi serius terhadap gabungan dengan badan-badan antarabangsa itu dari segi kerosakan kepada ekonomi dan juga kedaulatan negara kita apabila sokongan badan-badan itu diminta. Saya mempunyai keyakinan besar, terhadap perkembangan kesatuan sekerja yang bertanggungjawab dan positif dalam negara kita, akan tetapi dalam perkembangan itu adalah menjadi kewajipan Kerajaan supaya sebarang hubungan kesatuan-kesatuan kita dengan badan-badan antarabangsa yang boleh mendatangkan akibat-akibat buruk baik kepada negara kita mahupun kepada gerakan kesatuan sekerja itu sendiri tidak digalakkan.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

(*Dengan izin*) We have now an unhealthy situation whereby an international body such as the ITF headquartered abroad and run by foreigners is in a position to hold us to ransom not caring what their interference in our domestic affairs will cost us in terms of damage to our economy, in terms of frustration of our efforts in nation building and in terms of tarnishing our national image abroad. Our Unions at home should be made aware and beyond doubt what their affiliation abroad implies and what a request for assistance made to international bodies such as the ITF through such affiliation in pressing their cause can mean in terms of damage to our national economy and sovereignty. I have faith in responsible and positive development of trade unionism in Malaysia. In the course of such development, however, the Government has a duty to see that any nexus between our Unions and an International Confederation such as the ITF which might bring unhealthy consequences to our nation and for our Unions themselves be not encouraged.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah kita jelaskan bahawa apa-apa tindakan yang telah diambil oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja kita telah diambil kerana pihak-pihak tertentu telah melarang undang-undang dan bukan kerana sebab-sebab yang lain. Di antara sebab-sebab yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling yang kononnya Kementerian telah berpakat dengan pihak Pengurusan MAS untuk mengerjakan kesatuan AEU itu.

Tuan Yang di-Pertua, cuba kita lihat apa yang Pendaftar Kesatuan Sekerja kita telah buat, yang pertama iaitu untuk memberitahu kepada pihak AEU itu kerana 874 ahli-ahlinya yang telah mengambil bahagian dalam "go-slow" ataupun industrial action yang haram itu patut dipotong daripada register AEU itu. Ini saya rasa ada sedikit salah faham dalam fikiran Ahli Yang Berhormat dari Petaling, barangkali kurang faham itu dibuat dengan sengaja. Akan tetapi harus kita mengambil tahu apa yang terlibat ialah kehilangan keahlian AEU dan bukan kehilangan pekerjaannya. Apa yang telah dibekalkan dalam undang-undang kita, ialah apabila sahaja kalau sekian ahli-ahli kesatuan yang telah menjalankan mogok ataupun telah mengambil tindakan perusahaan yang haram maka undang-undang menyatakan dengan secara otomatisnya mereka yang terlibat itu akan hilang keahliannya. Jadi, apa yang telah dibuat oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja kita itu ialah hanya menarik perhatian AEU tentang keadaan dan fakta itu. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dibayangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dalam ucapan beliau pada petang ini keadaan pada masa itu sangatlah kucar-kacir. Keadaan itu kian merosot dari jam hingga sejam lagi kita nampak keadaan itu bertambah buruk. Dalam keadaan itu Pendaftar Kesatuan Sekerja kitapun telah membuat keputusan dan telah menghantar notis kepada AEU itu meminta apa sebabkah sivil atau perakuan pendaftaran AEU itu tidak patut ditarik balik atau tidak dimansuhkan. Pada ketika itu, Tuan Yang di-Pertua, memang tuan Pendaftar kitapun telah membuat sedikit penyiasatan dan apa yang telah terdapat ialah:

- (i) Pihak AEU itu telah menafikan mereka menganjurkan tindakan perusahaan yang haram itu.

Maknanya, pihak AEU telah memberitahu pihak Pendaftar bahawa segala tindakan yang haram itu bukanlah kerja AEU akan tetapi adalah dijalankan oleh sebahagian ahli-ahlinya sendiri dengan spontannya. Kalau begitu, Tuan Yang di-Pertua, dalam pendapat Pendaftar Kesatuan Sekerja kita itu dengan sendirinya telah membuktikan AEU pada masa itu dalam keadaan yang

ada pada masa itu, tidak layak, tidak mampu untuk mengawal apa yang telah dilakukan oleh ahli-ahli Kesatuan itu. Sebaliknya,

- (ii) sekiranya ada bukti yang menunjukkan AEU pada masa itu betul-betul terlibat untuk mengarahkan tindakan industrial action yang haram itu, maka dengan sendirinya AEU itu patut ditarik balik sivil pendaftarannya. Jadi dengan itu nyatalah apa yang telah dibuat oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja itu pada masa itu, dalam keadaan yang ada itu, terpaksa dibuat untuk mencuba memberhentikan merosot lagi keadaan yang kucar-kacir itu.

Terdengar juga sedikit teguran berkenaan dengan perintah larangan yang telah disusuli kemudian yang telah dikeluarkan oleh Menteri sendiri kepada AEU itu melarang daripada semua aktiviti-aktiviti, kesatuan itu dan semua kewangannya telah dibeku. Terdengar juga sedikit kurang faham apakah perlunya perintah larangan itu dikeluarkan. Sebab itu begini, Tuan Yang di-Pertua. Dalam keadaan yang ada itu yang kucar-kacir, kalau hanya menggunakan notis yang telah dikeluarkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja itu tidaklah dapat memberhentikan apa yang sedang dijalankan, tidak mencukupi untuk memberhentikan gerakan haram, perbuatan hasutan, ugutan dan sebagainya. Apa yang dikuatiri oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja kita itu ialah begitu luasnya defiance of the law yang sedang dijalankan. Jadi hanya dengan satu perintah larangan oleh Menteri sendiri dapatlah menolong Pendaftar Kesatuan Sekerja itu menjalankan tugas beliau untuk cuba menahan memberhentikan ahli-ahli AEU itu daripada meluaskan lagi kucar-kacir itu. Begitu juga, Tuan Yang di-Pertua, terhadap perintah yang membekukan kewangan kesatuan itu yang dipegang dalam bank-bank di masa itu. Sekiranya tiada perintah itu, maka maknanya ahli-ahli dari AEU itu dapatlah menggunakan duit itu untuk memfinancekan segala aktiviti-aktiviti yang akan mengeruhkan lagi keadaan yang tidak diingini itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir tidak perlulah saya memanjangkan lagi penjelasan saya itu kerana saya rasa dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita itupun telah

cukup dan nyata, cukup detail, teliti dan sempurna untuk menjelaskan pendirian Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk menyatakan segala apa yang telah dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat dalam pertikaian ini telah dibuat dengan sah, dengan memerlukan dan dengan wajar.

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menggulungkan perbahasan.

7.48 mlm.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, dalam menggulung perbahasan ini saya hendak mengambil kesempatan memberi pandangan atas beberapa perkara sama ada perkara itu berbangkit daripada kandungan-kandungan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya daripada parti Pembangkang iaitu DAP ataupun tingkah laku serta tata-tertib dan sopan-santun Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan mengemukakan usul ini supaya memberi peluang kepada Dewan yang mulia ini membahaskan perkara yang amat penting pada waktu ini yang melibatkan bukan sahaja keadaan di dalam negeri kita bahkan juga melibatkan negara kita dengan tindakan ataupun ugutan ataupun blackmail yang telah dilemparkan kepada negara kita oleh sebuah pertubuhan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, jika Kerajaan tidak mengemukakan syor ini, Ketua Pembangkang akan mengambil kesempatan semata-mata bagi faedah dakyah dan propaganda serta publisitinya menggunakan Peraturan Mesyuarat 18 iaitu hendak menangguhkan mesyuarat ini supaya merundingkan perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai (a matter of public importance) dan Kerajaan memberi peluang mengemukakan usul yang tepat, yang luas, yang boleh dibahaskan dan digunakan apa sahaja hujah-hujah yang ahli Pembangkang khususnya daripada parti DAP hendak mengemukakannya. Tetapi malangnya dan ini ialah menjadi kebiasaan dan taktiknya oleh kerana pertama sekali parti itu tidak ada modal ataupun dalam perkataan lain "bankrupt" atau menggunakan istilah Arab "fulus" atau "mufliis" (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: "Fulus" ertinya "duit"!

Perdana Menteri: Dia mencari sebab dan helah dengan mengadakan pindaan kepada usul yang saya kemukakan itu dan dengan hormatnya saya bersetuju dengan keputusan Tuan Yang di-Pertua iaitu tidak dapat dibenarkan kerana melanggar Peraturan Mesyuarat kita. Maka Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti DAP berarak macam mana biasa yang dibuatnya, berarak beratur-atur dan kalau diizinkan saya menggunakan istilah dan kata-kata orang Johor "Pak-pak lang berbontot-bontot" mereka ini keluar (*Ketawa*). Dan gambaran yang selalu kita dapat bila ada perarakan "Pak-pak lang berbontot-bontot" ini yang akhirnya sekali ialah Ahli Yang Berhormat dari Menglembu (*Ketawa*) yang selalu memainkan; maktumlah ini perarakan "Pak-pak lang" ini tadi memainkan "Ceng-ceng" (*Ketawa*) bila masa mengedarkan dirinya keluar daripada Dewan yang mulia ini. Inilah sikap dan telatah dan kehormatan yang diberi oleh ahli yang dikatakan Ahli Yang Berhormat Dewan ini. Ahli ini bukan gentleman. Dia semata-mata pertama sekali ketuanya yang dikatakan Ketua Pembangkang semata-mata hendak memberikan ucapannya dan melepaskan hawa nafsunya dan selepas itu dia keluar. Kalau tidak cukup dia seorang, dia mengajak rakan-rakannya yang lain. Sungguhpun kadang-kadang kita nampak rakan-rakannya tercengang menengok—tidaklah kami dapat peluang hendak bercakap. Tetapi arahan daripada Ketua Pembangkang itu "Mari semua keluar!", di belakang ada Ahli Yang Berhormat dari Menglembu (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya amat dukacita dengan tata-tertib bahasa, kelakuan Ahli-ahli Yang Berhormat daripada parti DAP. Mereka ini mensifatkan dan menganggapkan Dewan ini macam kedai kopi. Tidak ada sedikit hormat kepada Dewan ini. Kepada dia Dewan ini ialah tempat dia berpropaganda. Saya menyebutkan ini sebab perkara ini sudah berlaku bukan sekali, malah telah berkali-kali berlaku. Kita memberi cabaran kepada parti Pembangkang "Nah! mari kita bahaskan. Kalau kamu semua ada bahan-bahan dan kemampuan, kebolehan, kebijaksanaan dan kepandaian hendak membahaskan, mari kita bahaskan tetapi jangan selepas ketuanya bercakap—mari, ayoh kita keluar semua"

(*Tepuk*). Itu menunjukkan Ahli-ahli Yang Berhormat itu tidak ada keupayaan dan kemampuan dan kelayakan boleh menghadapi kita semua (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, macam mana saya katakan tujuan Kerajaan mengemukakan usul ini ialah memberi peluang dan kita mendapat peluang membahaskan perkara yang amat penting yang sepatutnya Ahli daripada parti-parti Pembangkang DAP itu mengetahui ini perkara yang dibangkitkan oleh Kerajaan ialah boleh dikatakan disifatkan national issue, sama ada kita sebuah negara yang merdeka dan berdaulat sanggup menerima perintah ugutan daripada sebuah pertubuhan asing yang hendak membangkitkan kacau-bilau dengan mencampurtangan dalam hal ehwal negeri kita. Tetapi apa Ahli-ahli Yang Berhormat di hadapan saya buat?—lari, tidak berani menghadapi issue ini. Ini tafsiran saya, perbuatan mereka itu bukan perbuatan orang yang bijak, semata-mata perbuatan orang yang penakut dan tidak berani hendak menunjukkan pendiriannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya bila mengemukakan usul ini saya memuntahkan dan menekankan dengan sekuat-kuatnya. Pada hemat saya, saya tidak rela; mereka tidak rela sebuah pertubuhan asing boleh bermaharajalela dan dibenarkan mencampur tangan sehingga boleh membangkitkan kekacauan di dalam negara kita yang akan melibatkan ketenteraman dan ekonomi kita. Bagi diri saya sendiri saya tidak dapat menerima walaupun cubaan itu datang daripada Donald Uren ataupun Harold Lewis atau daripada sesiapa sahaja. Negara Malaysia ialah negara yang berdaulat, negara yang merdeka dan kita tidak senang hendak dipatah-patahkan, hendak dihenyakhenyakkan dan hendak disuruh tunduk kepada; maaf saya, kucing-kucing kurap ini. (*Tepuk*). Kita Kerajaan, dia pertubuhan. Kita tahu mereka ini cuba hendak menghasut dan hendak menggunakan pressure sepertimana—saya beri contoh tadi dengan melalui ITF dia menghasut ketua Union di sana supaya mendatangkan tekanan kepada Pentadbiran Amerika jangan dilayan jika Malaysia hendak mendapatkan kemudahan pendaratan kerana Airline kita ke sana. Ini cara-cara dia memainkan politiknya. Orang-orang ini di sini tidak ada silu-silu lagi. Tidak ada bertimbang rasa, lagi, maknanya di dalam bahasa Inggeris

unscrupulous semua means justified kepada dia. Ini semua langkah-langkah yang dibuat sama ada di Amerika dan di Australia ialah hasil dan akibat daripada tindakan dan perbuatan daripada ITF, dan ini kami tidak maafkan. Kalau kita hendak menyerah diri kerana ugutan daripada Donald Uren, Harold Lewis baik tutup Dewan ini (*Tepuk*). Mereka ini tidak sedar yang kita pun ada pendirian kita. Kita pun sanggup berkorban. Kita pun sanggup menentang mereka ini.

Baru-baru ini sebagaimana yang telah disebutkan oleh seorang Ahli Yang Berhormat, pertubuhan semacam ini telah mencampuri dan mengancam ekonomi pekerjaan di sebuah negara yang lain. Ini sudah nampak. Ini barangkali rakyat di Malaysia ini baru mengetahui telatah-telatah dan tingkahlaku, sombang dan bongkak dan mabukkan kuasa oleh sebahagian daripada ketua-ketua pertubuhan-pertubuhan antarabangsa ini, baru kita mengetahui tetapi ini sudah berlaku lama. Dan masanya akan sampai dan negara-negara lain akan merasai juga sebagaimana Malaysia merasai pada masa ini dan negara-negara ini akan menentang pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seumpama ini. Bagaimana sekarang Malaysia akan menentangnya. Ini prinsip besar. Kalau tidak saya tidak tegaskan di Dewan yang mulia ini kalau prinsip ini bukan prinsip besar. Bermakna kalau hendak beri bandingan yang terang bermakna negara ini adalah di dalam genggaman Donald Uren. Itu maknanya. Ini kita tidak sanggup. Dan perbuatan Donald Uren ini melanggar dan menyalahi undang-undang negara ini dan kita akan mengambil tindakan ke atasnya sebagaimana yang kita sudah mengambil tindakan pada waktu ini ke atasnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Petaling, malangnya dia tidak ada di sini, itu memang perangnya (*Ketawa*), telah membuat tuduhan bahawa Kerajaan bertanggungjawab menyebabkan krisis ini merebak ke peringkat antarabangsa. Dan ini dia sengaja tidak menerima kenyataan yang dibuat oleh saya. Dari keterangan saya itu nyata bahawa sebabnya pertikaian ini merebak ke peringkat antarabangsa ialah kerana penglibatan ITF serta hasutan-hasutan oleh pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja. Masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja dan pengurusan MAS adalah sebagaimana

yang saya tegaskan tadi, dan saya tegaskan lagi, adalah pertikaian dalam negeri yang boleh diselesaikan oleh kedua-dua pihak tanpa campur tangan kesatuan lain atau orang-orang daripada luar negeri. Kalau Kerajaan ini tidak boleh menyelesaikan masalah pertikaian antara AEU—MAS, kata orang baik kita bungkus tikar ataupun gulung tikar kita, bantal kita, ayuh pergi, berhenti daripada memegang teraju Kerajaan ini (*Tepuk*). Orang-orang ini tidak mengetahui sama ada Harold Lewis misalnya ataupun pekerja-pekerja yang lain sama ada di Amerika atau di Australia tidak mengetahui yang kita ada kebolehan, kita menghadapi lebih besar lagi masalah dan pertikaian selain daripada pertikaian AEU—MAS. Seolah-olah Kerajaan dan kita semua ini tidak ada kemampuan, kebolehan, kepandaian dan pengalaman boleh mengatasi untuk menyelesaikan masalah ini. Ini pandangan mereka, membodoh-bodohkan kita semua. Dan bagaimana yang telah dikatakan kita bukan baru turun atau baru memerintah negara, baru civilised tidak kenal buaya hendak mencampakkan seseorang trade unionist itu ke dalam sungai penuh dengan buaya. Kita tidak macam itu sekali bodoh dan mundurnya negara kita ini. Ini sangkaan-sangkaan di luar negeri dan sangkaan-sangkaan ini ialah diasak, diberi dan diracuni oleh ITF dan kesalahan-kesalahan itu saya tumpukan dan saya letakkan ke bahu Harold Lewis. Dan Harold Lewis sudah mengaku apapun perbuatan Donald Uren di sini berkenaan dengan pertikaiannya adalah tanggungjawab dan perbuatan ITF. Saya pegang itu!

Sebagaimana saya kata Kerajaan berupaya mencari penyelesaian terhadap masalah ini dengan wujudnya persefahaman di antara dua pihak, inilah yang saya tegaskan tindakan-tindakan Kerajaan supaya dapat diwujudkan suasana yang boleh kedua-dua pihak ini masuk semula, duduk di atas meja bersama-sama dan merundingkan masalah yang dihadapi sekarang. Itu tujuan kita.

Tetapi sebaliknya Ahli Yang Berhormat dari Petaling mengatakan tidak ada tersebut yang kita ini hendak menyelesaikan pertikaian ini di dalam usul kita. Apa, mata dia sudah kurang nampak? (*Ketawa*). Di dalam usul ini ada menyebutkan di sini iaitu di dalam Bahagian (iii)—termasuk mewujudkan suasana yang sesuai bagi membolehkan pihak

pekerja dan pihak pengurusan MAS menyambung semula perundingan perjanjian bersama mereka. Apa, dia kurang pakai Optrex! (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap begini, memainkan cara yang boleh dikatakan sindir-sindiran sebab kelakuannya kepada kita, kehormatan kepada kita tidak ada. Dia mensifatkan Dewan ini dan kita di sini sebagai sampah dan kita akan sifatkan dia sebagai sampah juga (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kerana menegaskan berkenaan dengan kelakuan tata-tertib, sopan-santun dan sebagainya oleh Ahli-ahli Pembangkang DAP oleh kerana mereka ini sudah terlajak. Ini bukan pertama kali yang dibuat olehnya dan yang pertama sekali patut diadukan kepada Disciplinary Committee ialah Ahli Yang Berhormat dari Menglembu yang selalu main “ceng-ceng” di belakang (*Ketawa*). Cara dia membuat itu, biadap kepada Dewan ini dan saya tidak menerima Dewan ini disifatkan macam kedai kopi.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan pada usul ini serta pandangan-pandangan yang membina, syor-syor yang membina dan bagaimana yang selalu kita katakan dan amalan kita ialah kita mengambil pandangan dan ingatan kepada syor-syor dan pandangan-pandangan yang telah diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu, dan jika mustahak dan termesti, insya Allah kita akan melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja pandangan saya. (*Tepuk*)

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

“Bahawa Dewan ini—

- (i) mengambil perhatian berat di atas perkembangan yang telah berlaku akibat pertikaian Syarikat Penerbangan Malaysia (Malaysian Airline System—MAS) dengan Kesatuan Pekerja Penerbangan (Airlines Employee Union—AEU);

- (ii) memandang berat di atas tindakan kesatuan-kesatuan sekerja dan gabungan-gabungan kesatuan sekerja luar negeri dan antarabangsa yang telah campur tangan dalam pertikaian domestik antara MAS—AEU;
- (iii) menyokong segala tindakan Kerajaan dalam usaha untuk memelihara dan memajukan MAS sebagai sebuah perkhidmatan udara Nasional termasuk mengujudkan suasana yang sesuai bagi membolehkan pihak pekerja dan pihak pengurusan MAS menyambung semula-perundingan perjanjian bersama mereka;
- (iv) menyesali serta mengecam segala campur tangan pihak kesatuan sekerja

luar negeri dan antarabangsa di dalam urusan dalam negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Ada dua Ucapan Penangguhan, iaitu oleh Yang Berhormat Tuan Fung Ket Wing dari Sandakan dan Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye dari Kuala Lumpur Bandar. Tetapi oleh sebab kedua-duanya tidak hadir dalam Dewan ini, maka Ucapan Penangguhan ini tidak dapat diadakan.

Dewan ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang hari esok, Rabu, 21hb Mac, 1979.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.16 malam.